

[Dokumen Ini belum disemak]

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Bil. 8

Isnin

16 Mei 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan
(Pindaan) 2005 (Halaman 32)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005 (Halaman 66)

USUL:

Menarik Balik dan Menangguhkan Bacaan Kali Kedua dan Ketiga
Rang Undang-undang (Halaman 66)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 16 Mei 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No.1 – Y.B. Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kang Sang tidak hadir]

2. **Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerajaan akan memulakan tawaran kerja untuk membina Lebuhraya Pantai Timur dari Kuantan, Pahang ke Terengganu.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah memutuskan supaya projek pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa II iaitu Kuantan ke Kuala Terengganu dilaksanakan mengikut tatacara perolehan seperti berikut:

- (i) tender terbuka di kalangan kontraktor bumiputera bagi 70% dari jarak jajaran iaitu dari Persimpangan Bertingkat Jabur ke Bukit Besi dan dari Persimpangan Bertingkat Bukit Payung ke Kuala Terengganu. Tender terbuka ini dipecahkan kepada 12 pakej di mana dari jumlah tersebut empat pakej diperuntukkan khas kepada kontraktor bumiputera negeri Terengganu; dan
- (ii) rundingan terus kepada MTD Capital Bhd. bagi baki 30% dari jarak jajaran iaitu dari Persimpangan Bertingkat Bukit Besi ke Bukit Payung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini reka bentuk terperinci bagi Pakej 11 dan 12 iaitu dari Persimpangan Bertingkat Bukit Payung ke Kuala Terengganu sedang di peringkat akhir untuk disiapkan dan tawaran tender dijangka akan dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya pada bulan Julai 2005, manakala tawaran

tender bagi pakej-pakej lain pula akan hanya dikeluarkan pada awal tahun 2006 kecuali Pakej 1 yang dijangka akan di tender pada bulan September 2005 ini. Bagi kerja rundingan terus kepada MTD Capital Bhd. pula kerja-kerja pembinaan fizikal dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2005. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah jangkakan kos dalam pembinaan lebuh raya ini dan adakah ia juga salah satu daripada lebuh raya bertol?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum Lebuh Raya Pantai Timur yang kedua ini adalah lebuh raya yang dibina untuk menghubungkan Lebuh Raya Pantai 1 yang telah pun di siap dan disempurnakan dan beroperasi secara bertol daripada Kuala Lumpur ke Kuantan dan dari Kuantan ke Kuala Terengganu. Oleh kerana jalan ini merupakan jalan baru, anggaran kos pembinaan untuk jalan baru dengan kos pengambilan tanah lebih kurang 10 juta per kilometer. Ini merupakan jalan yang tertutup, dengan izin *dedicated highway* yang keluar masuknya hanya melalui persimpangan bertingkatnya dan adalah dijangkakan sejauh 108 ataupun 109 kilometer jumlah jalan. Jadi, kalau kita ambil kira 10 juta per satu kilometer, lebih kurang RM1.1 ataupun RM1.2 bilion.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam kita melihat bahawa keadaan pekerja-pekerja kontrak yang sedang berkurangan sekarang, dalam pembahagian kerja-kerja yang telah dibentangkan tadi adakah pihak JKR atau kementerian bercadang untuk memecahkan kerja-kerja ini dengan lebih kecil supaya dapat disertai oleh ramai lagi kontraktor-kontraktor?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi kepada Yang Berhormat bahawa kerja baki 70% yang tidak dibuat secara runding terus dengan MTD Capital Bhd. adalah dibahagikan kepada pakej-pakej supaya tawaran tender terbuka akan dibuka kepada kontraktor dan empat pakej dikhususkan kepada kontraktor bumiputera yang berdaftar di Terengganu. Atas cadangan Yang Berhormat Senator supaya pakej ini diperkecilkan lagi, ia adalah bergantung kepada keadaan di tapak dan reka bentuk serta jajaran yang akan menentukan supaya untuk diperkecilkan lagi boleh dilakukan. Namun demikian, di mana-mana pakej yang telah pun ditetapkan untuk dibangunkan, kerja-kerja yang

berhubung kait, dengan izin, *the nominated sub-contractor* (NSC) akan dibuat dan dipanggil secara terus oleh pihak JKR supaya boleh mewujudkan peluang untuk membuat kerja kepada lebih ramai kontraktor yang berdaftar. Sekian.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kos pembinaan sebelum Kerajaan PAS membatalkan kos sekarang, dan juga adakah disediakan laluan basikal dan berapa lorongkah? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Soalan yang dibangkitkan ialah tentang berapakah kos semasa Kerajaan PAS memerintah untuk dibangunkan. Saya rasa kosnya tentulah jauh lebih rendah, kerana kalau kita dapat bangunkan lebuh raya ini lima tahun yang dahulu, maka kos pengambilan tanah dan juga kos pembinaan serta harga barang-barang jauh lebih murah pada masa lima tahun dulu. Tetapi oleh kerana kita berhadapan dengan kemelut pengambilan tanah dan tidak ada persetujuan daripada kerajaan yang memerintah pada ketika itu, Kerajaan PAS dengan tidak dapat kerjasama yang sepenuhnya, maka *highway* ini telah pun terlewat untuk dibangunkan dan sama ada *highway* ini dibangunkan menepati piawaian yang telah pun diterima pakai pada hari ini, saya suka menyatakan di sini bahawa reka bentuk yang dibangunkan untuk *highway* ini, ia menepati reka bentuk yang terkini dan ia adalah merupakan satu spesifikasi yang terbaik *facilities* yang akan dapat dibangunkan bukan hanya di Malaysia, tetapi di dunia ini.

3. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesediaan Rejim Zionis Israel berundur dari Palestin akan membuka ruang kepada Malaysia untuk mengadakan hubungan formal dengan negara tersebut, sedangkan ia masih mengamalkan diskriminasi dan penindasan rakyat Islam di Israel.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim kerana mengemukakan soalan ini.

Selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Malaysia sentiasa komited dalam menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk mencapai kemerdekaan dan mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat. Malaysia mengambil pendirian yang tegas dan

sentiasa mengecam dan membantah dengan kerasnya terhadap kezaliman, kekejaman, penindasan dan diskriminasi Rejim Israel terhadap rakyat Palestin.

Malaysia telah banyak membantu Palestin dalam perjuangan mereka membebaskan tanah air dari belenggu Israel. Sejak dari tahun 1969 lagi Malaysia adalah negara yang pertama membenarkan Pertubuhan Pembebasan Palestin PLO membuka pejabatnya di Kuala Lumpur dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti pejabat dan kenderaan untuk mereka beroperasi. Di samping itu banyak lagi bentuk-bentuk bantuan yang telah diberikan kepada Palestin sama ada dalam bentuk kewangan, kemudahan, latihan dan pendidikan serta sokongan moral dan politik. Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia mengenai perhubungan diplomatik dengan Israel adalah jelas.

Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel selagi Israel tidak memenuhi berapa syarat yang dianggap terlalu penting bagi mencapai kedamaian di Asia Barat, syarat-syarat tersebut adalah mematuhi resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Resolusi 242 1967 dan Resolusi 338 1973.

Yang kedua menyelesaikan isu sempadan dengan Lebanon dan Syria secara damai dan adil.

Yang ketiga mengembalikan Baitul Muqaddis kepada Palestin. Akhir sekali Malaysia juga berpendapat selain daripada pengunduran daripada kawasan yang dijelajahi, Israel juga mesti menghormati hak orang Palestin untuk pulang ke negeri mereka dan hak mereka untuk mencapai kemerdekaan. Selagi isu-isu di atas tidak diselesaikan dengan secara *comprehensive*, Malaysia tidak akan mengiktiraf dan tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Israel.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya bilakah Pilihanraya Parlimen Palestin akan diadakan, dan adakah ianya akan ditangguhkan disebabkan keadaan tidak menentu dan mainan kuasa-kuasa besar dan tidak ketelusan pihak Israel sendiri untuk menyelesaikannya.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Senator Syed Ali kerana mengemukakan soalan tambahan. Pilihanraya Majlis Undangan Palestin dengan izin, Tuan Yang di-Pertua *The Palestine Legislative Election Council*

sepatutnya diadakan pada 17 Julai, 2005 dan setakat ini masih lagi ditetapkan pada 17 Julai, 2005. Walau bagaimanapun terdapat satu pengumuman yang dibuat oleh menteri yang *in charge Parliament* seperti Dato' Seri Mohamed Nazri ya, nama dia Hatim Abdul Qadir dari parti Al-Fattah yang telah mengumumkan bahawa pilihan raya ini mungkin ditangguhkan disebabkan oleh perkara-perkara prosedur atau dengan izin, *procedure matters* bukannya dari sebab keselamatan.

Walaupun bagaimanapun parti Hamas membantah sekeras-kerasnya penangguhan ini dan kita sama-samalah berharap Pilihanraya Majlis Undangan Palestin akan diadakan dengan segera supaya ini dapat mengorak langkah yang lebih cemerlang ke arah mewujudkan negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya memandangkan Malaysia sekarang telah menggunakan dialog sebagai satu cara untuk menyelesaikan isu-isu, adakah sesuai untuk Malaysia mengkaji semula dasarnya terhadap Israel, kerana kalau kita membuka ruang dengan mereka mungkin kita dapat mempengaruhi mereka lebih daripada apa yang kita dapat pada masa sekarang. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Dato' Dr. Chin Fook Weng kerana mengemukakan soalan tambahan. Seperti yang saya terangkan dalam jawapan saya tadi, kita tetap dengan pendirian kita untuk tidak mengiktiraf negara Israel selagi mereka tidak mematuhi ketiga-tiga syarat penting yang telah ditetapkan dan dasar luar negara kekal dengan perkara begitu. Walau bagaimanapun di masa hadapan kalau ada perubahan-perubahan dasar akan dibuat berdasarkan perubahan-perubahan semasa dan berdasarkan ketetapan Israel memenuhi ketiga-tiga syarat utama yang telah digariskan oleh Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

[Soalan No. 4 – Datuk Kalakau bin Untol tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Mohon maaf kepada Yang Berhormat barisan kerajaan yang ada bersedia untuk menjawab.

5. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kerajaan tidak bercadang mewujudkan semula Rancangan Rumah Murah Kerajaan yang mana tanah tapak urusan kerajaan negeri dan kos rumah pembiayaan Kerajaan Persekutuan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperkenalkan Program Perumahan Rakyat ataupun (PPR) untuk dimiliki, untuk menggantikan Program Perumahan Awam Kos Rendah ataupun (PAKR) yang dilaksanakan semenjak Rancangan Malaysia Keempat. Di samping itu kerajaan juga telah memperkenalkan PPR untuk disewa bagi menyediakan kemudahan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah terutama golongan setinggan.

Bagi projek PAKR ia dilaksanakan di atas tanah yang disediakan, dimiliki oleh kerajaan negeri. Kos pembinaannya dibiayai oleh kerajaan negeri melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Manakala kos pembinaan, kos tanah dan kos infrastruktur bagi projek PPR adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Memandangkan kaedah pelaksanaan PPR pada masa kini mendapat sambutan baik daripada kerajaan negeri, sehingga kini kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan semula pelaksanaan program perumahan di bawah konsep PAKR.

Untuk makluman Yang Berhormat walaupun terdapat perbezaan antara program PAKR dengan PPR dari segi pelaksanaannya, namun dari segi matlamat dan golongan sasarannya adalah sama iaitu untuk menyediakan kemudahan perumahan yang berkualiti dan mencukupi bagi golongan berpendapatan rendah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah pinjaman yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan terhadap negeri Kelantan dalam pembinaan projek PAKR ini? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat yang tepat kerana ini adalah projek yang lama. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang baru ini kita sudah kurang beri pinjaman, yang ada pun projek sambungan dan seperti mana yang saya sebut tadi ia adalah projek PPR. PAKR itu telah pun tidak lagi diteruskan.

Tuan Tan Cheng Tee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya apakah tindakan yang diambil terhadap pemilik-pemilik rumah rakyat atau rumah murah ini, mereka tidak menduduki rumah-rumah tersebut tetapi menyewakannya kepada orang lain.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Mengikut syarat pengagihan rumah, seseorang yang layak itu mestilah mereka yang berpendapatan rendah, yang mempunyai tanggungan, memestikan orang yang diagihkan rumah itu adalah mereka sendiri akan mendiami rumah dengan keluarganya.

Kalau terdapat sesiapa yang telah menyeleweng dan mereka mendapat rumah dan tidak perlu rumah itu, tidak diduduki dan disewakan maka kerajaan negeri sepatutnya mengambil balik rumah itu.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah ada perbezaan di antara PPR dan juga PAKR. Apakah ada cara lain bagi memastikan rancangan rumah murah kerajaan ini dapat diteruskan semula dan dinikmati oleh rakyat yang memerlukan. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, rancangan rumah mampu dimilik atau mampu disewa itu masih diteruskan, tidak dihentikan. Cuma cara yang diamalkan itu sudah lain yang dahulu kita pinjam kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri bina dengan subsidi dikeluarkan oleh kerajaan negeri sendiri kemudian dijual kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Sekarang ini Kerajaan Persekutuan membina dengan wang Kerajaan Persekutuan dengan subsidi infrastruktur 50% dan sebagainya dan dengan subsidi yang hampir semua itu daripada Kerajaan Persekutuan dibina siap, diserahkan kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri akan menyewa kepada mereka atau menjual kepada mereka. Inilah perbezaannya yang saya ingin menegaskan di sini ialah kerajaan tidak pernah menghentikan usaha untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah cuma dari segi cara sahaja.

Sehingga hari ini, dalam Rancangan Malaysia Kelapan rumah yang telah disediakan oleh kerajaan sama ada PAKR atau PPR Adalah berjumlah 94,161, daripada 94,000 lebih unit ini daripadanya sebanyak 66,675 adalah PPR. Inilah usaha yang dijamin oleh kerajaan tidak akan berhenti.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara menghargai Yang Berhormat tidak jemu-jemu hadir untuk menjawab [*Tepuk*]

6. **Dato' M. Ratnam** minta Kementerian Kewangan menyatakan berapakah jumlah wang yang dikirim balik ke negara masing-masing oleh pendatang-pendatang asing selama ini. Adakah benar pengirisan balik wang oleh pekerja-pekerja ini telah mengurangkan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Betul sebutan saya itu Muthaya, ya..... Muthaya?

Dato' M. Ratnam: Muthiah.

Tuan Yang di-Pertua: Muthe?

Dato' M. Ratnam: Muthiah.

Tuan Yang di-Pertua: Muthiah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan data imbalan pembayaran yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kiriman balik wang oleh pekerja asing meningkat kepada RM15.2 bilion pada tahun 2004 daripada RM10 bilion pada tahun 2003 disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik wang satu kali (One Off) oleh pekerja-pekerja tanpa izin di bawah program pengampunan. Di bawah program ini, seramai 309,248 pekerja tanpa izin pulang ke negara asal mereka dalam tempoh Oktober hingga Disember 2004.

Jabatan Perangkaan Malaysia tidak mengumpul data pengirisan balik wang oleh pekerja asing mengikut negara asal. Pengirisan balik wang tersebut hanya memberi implikasi akaun semasa imbalan pembayaran negara tetapi tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun negara melalui proses *reindustrialization* yang ketara dan penyelesaian struktur operasi sektor korporat ke arah lebih berintensifkan modal, pertumbuhan kukuh ekonomi negara telah menyebabkan berlakunya kekurangan tenaga pekerja terutamanya dalam sektor pembuatan, pertanian dan pembinaan. Sebenarnya rakyat Malaysia kurang berminat untuk bekerja.

Oleh yang demikian, kehadiran pekerja asing telah membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan membantu menangani masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor-sektor tersebut. Namun begitu, kehadiran pekerja asing di negara ini telah memberikan tekanan kepada perkhidmatan sosial kerajaan seperti keselamatan, penyediaan kemudahan awam dan rawatan kesihatan. Oleh yang demikian, sebagai langkah jangka panjang untuk memastikan pertumbuhan

yang mapan dan berterusan serta untuk mengurangkan implikasi sosio ekonomi dan pergantungan ekonomi kepada pekerja asing.

Dasar untuk mengurangkan pengguna pekerja asing sedang dilaksanakan secara peringkat demi peringkat. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana selalu memberikan laluan kepada saya. Soalan tambahan saya adakah kerajaan membuat cadangan untuk mengehadkan pengaliran keluar wang negara kita keluar negara dan adakah ada suatu usaha supaya mengkaji balik

Tuan Yang di-Pertua: Satu cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, telah berlaku liberalisasi ataupun liberalization berkenaan pertukaran wang asing negara, kerajaan tidak ada had kepada mana-mana pihak untuk membawa masuk seberapa banyak yang boleh ke negara Malaysia untuk apa juga wang dan pengeluaran juga tidak ada sekatan cuma kena bagi tahu setiap ada wang daripada Malaysia kena bagi tahu kepada Bank Negara. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun kerajaan tidak memantau aliran balik ke negara-negara tertentu, adakah kerajaan juga memantau aliran balik daripada rakyat Malaysia yang menghantar wang balik ke Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ada tetapi jumlah aliran balik atau wang masuk daripada rakyat Malaysia yang dihantar balik ke Malaysia adalah sedikit jika dibandingkan dengan wang yang dihantar keluar oleh pekerja asing yang begitu banyak.

7. Puan Siw Chun a/p Eam minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan bilangan kes jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api dan jumlah mangsa yang terbunuh sejak tahun 2000 hingga kini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam menangani dan membanteras jenayah-jenayah ini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, statistik berkenaan dengan kes-kes jenayah yang membabitkan penggunaan senjata api sejak tahun 2000 hingga Mac 2005 adalah seperti berikut:

Tahun	Kes
2000	811
2001	631
2002	503
2003	404
2004	399
2005	82

Jumlah keseluruhan kes jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api bagi tahun 2000 sehingga Mac 2005 adalah sebanyak 2,830 kes.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah mangsa pula yang terbunuh melibatkan penggunaan senjata api bagi tahun 2000 hingga Mac 2005 adalah seperti berikut:

Tahun	Mangsa
2000	21
2001	67
2002	32
2003	30
2004	45
2005	11

Jumlah mangsa yang terbunuh melibatkan pengguna senjata api bagi tahun 2000 hingga tahun 2005 adalah seramai 206 orang.

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk mengatasi kes jenayah yang menggunakan senjata api dengan mengadakan beberapa operasi seperti berikut:

- (i) Ops Semamba – operasi dan siasatan jenayah melibatkan pendatang asing;
- (ii) Ops Scorpion – operasi dan siasatan kes culik untuk tebusan;
- (iii) Ops Anaconda – operasi dan siasatan terhadap kegiatan maksiat dan pelacuran;
- (iv) Ops Rottweiler – operasi dan siasatan terhadap semua jenis kegiatan perjudian;
- (v) Ops Copperhead – operasi dan siasatan terhadap kegiatan kongsi gelap;

- (vi) Ops Vipers – operasi dan siasatan kes samun gudang/lori bermasalah dan sebagainya;
- (vii) Ops Red Spend – operasi dan siasatan terhadap kes penyeludupan senjata api; dan
- (viii) Ops Api Tedung – operasi dan siasatan kes samun bersenjata api.

Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setelah banyak Ops yang kita dengar dijalankan oleh pihak kerajaan dan setelah penangkapan dibuat adakah pihak kerajaan dapat maklumat dari manakah mereka mendapat senjata api ini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang sedar bahawa senjata api bukanlah perkara yang mudah untuk diluluskan dalam negara kita. Kita telah mendapat maklumat bahawa kes-kes senjata api ini telah diseludup masuk melalui jalan-jalan tikus yang sedia wujud di sempadan, yang kita sedia maklumi. Sempadan kita ini merangkumi sejauh 623.8 kilometer dengan negara Thailand daripada Perlis hingga ke Kelantan. Ada daripada pintu-pintu masuk tersebut memang ada pintu-pintu yang sah, tetapi banyak juga lorong-lorong tikus yang telah sedia wujud.

Itu hanya di sempadan negara kita dengan selatan Thailand. Kalau kita pergi pula ke selatan negara kita dengan iaitu sempadan negara Indonesia pula, di Sarawak sahaja ada 72 lorong-lorong tikus dan di negeri Sabah juga banyak lorong tikus. Kita juga sedia maklum negara kita dikelilingi oleh laut di seluruh negara. Walau bagaimanapun, kita sentiasa meningkatkan kawalan-kawalan sempadan di pintu-pintu masuk. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Kasim dan selepas itu Datuk Yaakob.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah tindakan pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian dalam memastikan barang dagangan yang dibawa masuk ke negara ini tidak dicampur dengan urusan-urusan penyeludupan senjata api?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kita telah pun menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Pintu-pintu Masuk di mana di bawah jawatankuasa ini telah pun disepadukan semua penguatkuasaan termasuklah Kastam, UPP, Polis dan lain-lain penguatkuasaan. Kita juga sedar bahawa penyeludup-penyeludup ini menggunakan pelbagai taktik untuk mereka menyeludup masuk senjata-senjata api ini. Namun demikian, kita dapati banyak kes telah pun dapat kita selesaikan seperti rampasan telah pun kita buat.

Sepanjang tahun 2000 sehingga sekarang sebanyak 1,143 senjata api dan 15,098 butir peluru telah pun berjaya kita rampas. Kes-kes pendakwaan kepada mereka yang mempunyai senjata api secara tidak sah ini juga telah kita laksanakan iaitu sebanyak 76 kes telah didakwa. Kes-kes ini jika disabitkan kesalahan semuanya akan menerima hukuman mandatori dihukum gantung sampai mati.

Segala usaha ini akan terus dipertingkatkan untuk memastikan bahawa penyeludupan senjata api ini dapat kita kurangkan. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, secara perbandingan, jika dibandingkan di rantau ini dengan jumlah kes yang telah dinyatakan tadi, adakah kita telah sampai ke satu tahap yang serius jika dibandingkan dengan negara-negara jiran? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Seperti yang telah saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebenarnya kawalan dalam penyeludupan senjata api masih lagi di bawah kawalan kita. Perangkaan yang saya sebutkan tadi menunjukkan bahawa jumlah dari tahun ke setahun dari segi penyeludupan senjata api semakin menurun. Kalau kita bandingkan pada tahun 2000 sebanyak 811 kes sehinggalah tahun 2004 jumlahnya turun ke 399 kes. Tiap-tiap tahun angka ini semakin menurun. Ini menunjukkan bahawa kawalan kita mengenai penyeludupan senjata api ini telah dipertingkatkan dan telah dapat kita atasi masalah ini.

Kalau kita lihat mangsa juga sebenarnya bilangannya semakin menurun dan saya lihat jumlah mangsa yang paling ramai melibatkan bangsa China sebanyak 119 orang, Bumiputera 49 orang, India 21 orang dan pendatang tanpa izin juga ada yang mati dibunuh sebanyak 13 orang. Terima kasih.

8. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengambil alih Taman Pertanian Bukit Cahaya, Seri Alam daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah mengambil langkah dengan mengemukakan permohonan untuk merizabkan tanah seluas 855 hektar sebagai rizab Persekutuan untuk dijadikan Taman Pertanian Malaysia dan Taman Botani Negara. Kerajaan Negeri Selangor pada dasarnya telah bersetuju untuk memberikan hak penggunaan tanah tersebut kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

9. **Datin Chong Set Mui** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada cadangan pindaan Ordinan Peguam Bela Sabah akan dibentangkan di sidang Parlimen akan datang memandangkan terdapat banyak peruntukan di dalam ordinan tersebut yang tidak mencukupi untuk berhadapan dengan perubahan dan harapan masyarakat kini dan profesion guaman di Sabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dan Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Peguam Negara bersama Pejabat Peguam Besar Negeri Sabah sedang berusaha untuk memuktamadkan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Ordinan Peguam Bela Sabah. Setakat ini, sasaran bagi pembentangan rang undang-undang ini di sidang Parlimen belum dapat ditetapkan kerana draf rang undang-undang masih belum dapat dimuktamadkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan perbincangan yang seluas-luasnya dengan pihak peguam di Sabah dan juga dengan mereka yang berminat dalam perkara ini supaya apabila dibentangkan nanti tidak ada pendapat bahawa ia tidak mencukupi dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebelum mana-mana pindaan dibuat kepada undang-undang sama ada undang-undang itu di peringkat negeri ataupun di peringkat Persekutuan mestilah ada perbincangan yang terperinci

dan seluas-luasnya dan juga pandangan semua pihak akan diambil kira daripada pihak persatuan, NGO dan badan-badan berkenaan serta kedua-dua pihak.

Oleh sebab ini berkaitan dengan undang-undang negeri dan juga pindaan kepada dengan izin, Advocate Ordinance Sabah 1993, pandangan daripada kedua-dua peguam, Peguam Negara daripada Persekutuan dan juga Peguam Besar daripada negeri juga akan diambil kira bersama-sama dengan Bar Council daripada kedua-dua pihak.

10. **Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan berlakunya banjir kilat di sesetengah bandar.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, banjir kilat sering berlaku di beberapa bandar di negara ini disebabkan beberapa faktor. Antara lainnya ialah pembangunan pesat di kawasan rendah dan dataran banjir (*flood plain*) oleh kerana kegagalan sistem saluran setempat menampung air larian permukaan kerana pelaksanaan kerja-kerja tebatan banjir yang tidak seiring dengan pembangunan tanah yang pesat dan pembangunan di kawasan bekas lombong telah menyebabkan kehilangan kawasan-kawasan takungan banjir.

Langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan kesan banjir di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan projek tebatan banjir - Projek tebatan kini dijalankan di 17 buah bandar di Malaysia. Kerja-kerja tebatan banjir melibatkan kerja-kerja mendalam dan melebarkan sungai, pembinaan empangan dan rumah pam;
- (ii) mengadakan pelan induk saluran bagi bandar-bandar yang mengalami pembangunan pesat supaya aspek saluran dapat diambil kira dalam perancangan pembangunan bandar;
- (iii) kerajaan telah memperkenalkan dan memastikan kaedah kawalan banjir di punca ataupun *control at source*, dengan izin, dengan menggunakan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) yang perlu dipatuhi oleh semua pihak pemaju dan pihak

berkuasa tempatan untuk mengawal air larian permukaan. Antara perkara yang perlu disediakan oleh pihak pemaju ialah kolam takungan dan pelan saliran yang teratur bagi semua pembangunan fizikal untuk memastikan kesan-kesan negatif dapat dikawal demi mengurangkan kemungkinan banjir kilat berlaku;

- (iv) menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan perparitan yang sedia ada; dan
- (v) bagi kawasan-kawasan yang spesifik, kajian terperinci dijalankan untuk mengenal pasti punca-punca banjir kilat dan untuk menentukan langkah-langkah yang wajar untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Kita percaya Ahli-ahli Dewan Negara sudah banyak kali mendengar ulasan dan kupasan langkah-langkah am atau langkah-langkah umum yang diambil mengenai masalah banjir kilat ini. Jadi saya mohon perhatian Datuk Setiausaha Dewan supaya di masa hadapan kecuali ada soalan-soalan yang lebih spesifik biarlah dia tidak mendapat keutamaan kerana banyak kali dalam sesi ini sekalipun. Jadi Tuan Chiam Yong Tee.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan pada tahun lepas untuk membiayai projek-projek bagi tujuan yang tersebut itu dan apakah jumlah peruntukan yang disediakan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang spesifik begitu rupa mengenai banjir kilat adalah merupakan soalan yang mungkin timbul perkara-perkara baru.

Dato' S.G. Sothinathan: Saya akan cuba jawab Tuan Yang di-Pertua. Bagi tahun... sebenarnya saya tidak ada tahu angka untuk tahun 2004 ataupun 2005 secara spesifik di sini tetapi untuk makluman Dewan ini sejak tahun 1992 sehingga tahun 2004 sebanyak lebih kurang RM2.3 bilion telah pun dibelanjakan dan juga melibatkan jumlah kos projek sebanyak RM6 bilion. Jadi ini tidak termasuk projek SMART dan projek pembinaan *pond* di Butterworth ataupun di Jinjang yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.5 bilion. Ini adalah satu projek yang sangat mahal untuk kita

laksanakan jadi kerajaan juga mengambil kira perhatian untuk projek-projek pembangunan yang lain turut diberikan perhatian yang segera.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab soalan spesifik Yang Berhormat berhak tuntutan notis dan tidak perlulah Yang Berhormat terasa apa-apa kalau tidak mempunyai angka.

11. Datuk Benedict Bujang Tembak minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sebab-sebab kementerian menghadapi masalah mengenai pembayaran balik pinjaman oleh graduan dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Adakah ini bermakna cara mengutip hutang adalah '*too soft and compassionate*' hingga mereka berpendapat boleh melarikan diri dari beban hutang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 2004 seramai 189,231 peminjam pendidikan (PTPTN) telah pun berjaya

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini pun telah banyak kali ditimbulkan jadi kalau Yang Berhormat ulangkan secara umum sedikit apa maklumat yang telah diberi kemudian tunggu soalan tambahan.

Datuk Dr. Adham bin Baba: ... telah pun berjaya menamatkan pengajian mereka pada tahun 1999 hingga 2004 dan dari jumlah tersebut seramai 31,385 peminjam telah membuat pembayaran balik pinjaman dan 19,973 peminjam telah diberi penangguhan bayaran balik pinjaman di antara satu hingga tiga tahun di atas sebab masih belum bekerja ataupun sedang menyambung pengajian ke peringkat tertinggi ataupun bekerja tetapi mempunyai gaji yang rendah. Manakala baki seramai 137,873 peminjam tidak memberi sebarang maklum balas kepada PTPTN walaupun penghantaran notis peringatan telah pun dibuat.

PTPTN telah pun mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengutip pinjaman tersebut seperti mengadakan taklimat kempen kutipan balik di semua IPT dan IPTS. Mengadakan iklan kaedah bayaran balik di akhbar, mengeluarkan notis peringatan menyiarkan nama peminjam ingkar di akhbar dan mengambil tindakan undang-undang di mahkamah. Dengan langkah-langkah tersebut PTPTN sebenarnya tegas menjalankan tanggungjawab memberi pinjaman dan juga mengutip balik bayaran pinjaman daripada para peminjam. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tay Puay Chan.

Tuan Tay Puay Chan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian bertindak tegas ke atas penjamin-penjamin yang memberi jaminan ke atas pinjaman graduan-graduan yang gagal membayar balik pinjaman?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya PTPTN tidak memerlukan penjamin daripada ibu bapa atau keluarga untuk menjamin pinjaman pelajar. Yang menjamin ialah pelajar itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Datuk Benedict.

Datuk Benedict Bujang Tembak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah ini bermakna cara mengutip adalah *too soft and compassionate* dengan izin hingga mereka berpendapat boleh melarikan diri dari beban hutang.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, dengan kaedah-kaedah yang saya sebutkan tadi kita mengambil tindakan yang tegas dan kekangan yang kita hadapi yang saya sebut ialah seperti peminjam melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi kemudian peminjam masih lagi tidak bekerja dan merayu kepada PTPTN dan ketiga ialah peminjam yang bekerja tetapi mempunyai gaji rendah malahan ada yang tidak merayu untuk membuat pembayaran balik. Sehingga berita tentang tindakan saman terhadap mereka yang ingkar dikeluarkan di akhbar pada 20 Januari 2005 untuk mengambil tindakan terhadap 200 peminjam yang ingkar yang mana telah *graduate* pada tahun 1999. Maka 108 peminjam telah pun tampil dan akhirnya 92 peminjam telah pun disiarkan nama mereka di dalam akhbar pada 3 April 2005 dan selepas itu 41 peminjam telah tampil daripada 92 dan akhirnya kita telah pun membawa 3 peminjam ke mahkamah. Tindakan tegas tersebut telah pun memberikan kita kutipan tambahan sebanyak RM24 juta daripada 2 Januari 2005 hingga 12 April 2005 dan ini menunjukkan bahawa PTPTN sentiasa tegas dalam membuat kutipan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Haji Fuad bin Haji Ahmad.

12. Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rasional kerajaan masih menambat atau *'pegging'* mata wang Ringgit Malaysia pada nilai RM3.80 bagi setiap *dollar* Amerika sedangkan ia dilihat memberi kesan negatif kepada rakyat yang terpaksa mengeluarkan wang lebih banyak untuk membeli keperluan dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon kebenaran untuk menjawab soalan ini sekali gus dengan soalan Yang Berhormat Puan Mariah binti Haji Abdullah pada 18 Mei 2005 dan soalan daripada Datin Naomi Chong Set Mui juga pada 18 Mei 2005 kerana mereka menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang memandang kepada perspektif yang menyeluruh berhubung dengan

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mariah dan Datin Naomi boleh bersedia dengan soalan tambahan jika perlu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang memandang kepada perspektif yang menyeluruh berhubung dengan dasar tambatan ringgit iaitu manfaat kepada ekonomi negara secara keseluruhan dan bukan kepada sesuatu segmen sahaja. Sejak diperkenalkan pada 2 September 1998 tambahan ringgit telah dan terus memberi manfaat kepada negara dari segi menyediakan persekitaran yang lebih pasti dan stabil untuk membantu kegiatan ekonomi dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Berhubung isu sama ada input diminta daripada kerajaan Amerika Syarikat atau Cina berhubung dasar tambatan ringgit dimaklumkan bahawa Malaysia melaksanakan tambatan ringgit mengikut keperluan dan keadaan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus memantau secara rapi perkembangan ekonomi negara antarabangsa dan implikasinya ke atas ekonomi dan dasar negara termasuk dasar pertukaran mata wang. Tingkatan rizab negara mencecah USD73.7 bilion pada April tahun ini mencerminkan kekukuhan ekonomi negara. Peningkatan rizab negara berpunca daripada beberapa faktor seperti repetrasi pemulihan eksport serta aliran masuk pelaburan langsung asing FDI dan pelaburan portfolio dan bukan semata-mata disebabkan oleh tambatan ringgit. Kajian semula dasar mengenai ringgit akan hanya dilakukan sekiranya ringgit dijangka mengalami salah jajaran yang berpanjangan ekoran daripada perubahan struktur yang besar dalam sistem kewangan antarabangsa dan serantau atau sekiranya sistem sekarang tidak lagi sesuai dengan asas ekonomi negara. Dalam masa sekarang jim tambatan nilai ringgit

adalah mapan, parasnya adalah sesuai dan disokong oleh asas ekonomi yang kukuh serta ia terus memanfaatkan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus mengawasi perkembangan persekitaran luar dan akan menentukan negara terus mempunyai *track security* pengurusan ekonomi dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperkenalkan beberapa liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing. Ini merupakan usaha berterusan untuk meningkatkan daya saing negara, mempermudah urusan niaga yang melibatkan pertukaran asing serta membantu pengurusan risiko pelaburan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mariah binti Haji Abdullah dan Datin Chong Set Mui tidak ada saya beri peluang pada ini, Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, mungkinkah tahap persepsi bahawa ringgit itu ditahap yang rendah mengakibatkan kecairan atau *liquidity* yang *artificial* di negara kita, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, itu persepsi sahaja Tuan Yang di-Pertua tetapi yang sebenarnya keadaan ekonomi kita memang kukuh dan setakat ini kadar pertukaran tambatan kita memang cukup sesuai buat masa sekarang dan telahpun memberi manfaat pada negara sejak mula sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi.

Tuan Lee Sing Chooi: Soalan tambahan saya apakah kesan negatif tambatan ringgit semasa dan juga selepas penilaian semula tambatan renminbi apa impaknya dan langkah-langkah kerajaan yang akan diambil dan sedang diambil.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada penilaian semula renminbi, cuma cakap-cakap sahaja tetapi belum ada perubahan yang berlaku, walau bagaimanapun, kita bersedia, kerajaan bersedialah untuk mengkaji semula kalau perlu dan setakat ini seperti yang saya sebut tadi dalam jawapan bahawa keadaan masih stabil, kukuh dan pada jangka masa yang dekat ini kita tidak perlu buat perubahan tambatan itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pun sudah begitu dengan bahasanya *exhaustive* dalam melalui beberapa sidang Dewan. Jadi saya harap Yang Berhormat kemuka soalan-soalan dalam perkara-perkara lain pulalah.

13. **Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) pada tahun ini berapa ramaikah rakyat Malaysia yang menghidap Penyakit Demam Denggi dan berapa ramaikah yang telah dilaporkan meninggalkan dunia akibat penyakit ini; dan
- (b) kawasan manakah yang mengalami risiko paling tinggi dan apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi membasmi wabak tersebut

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan:

- (a) sehingga minggu ketujuh belas tahun 2005 iaitu sehingga 30 April 2005, bilangan kes terkumpul yang disyaki menghidapi demam denggi adalah seramai 14,134 orang manakala bilangan yang disahkan menghidap demam denggi pula adalah seramai 3,860 orang dan bilangan kematian akibat demam denggi sehingga minggu ketujuh belas adalah sebanyak 42 kes.
- (b) adalah sehingga minggu ketujuh belas tahun ini iaitu sehingga 30 April 2005 beberapa kawasan telah dikenal pasti sebagai hot spot yang mempunyai kejadian kes paling tinggi. Antara kawasan yang berisiko tinggi adalah kawasan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Daerah Gombak, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Daerah Johor Bahru.

Antara langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal dan mengurangkan kejadian kes ini di beberapa kawasan terbabit dengan membawa anggota pasukan tambahan dari daerah lain untuk membantu pihak majlis daerah dan majlis perbandaran dalam menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi di kawasan berkenaan. Ini termasuklah juga mengambil anggota kesihatan dari negeri-

negeri lain yang telah mengalami wabak denggi yang teruk supaya dapat bersama-sama memberikan bantuan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. S. Vijayaratnam, selepas itu Puan Hajah Azizah.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apakah kejayaan operasi-operasi penguatkuasaan pembasmi bekas air takung di beberapa tapak-tapak pembinaan ataupun *construction site*, oleh kerana inilah tempat pembiakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup itu Yang Berhormat.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: nyamuk aedes Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah kesan, oleh sebab itu tidak perlu lagi soalan tambahan lagilah.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kesannya adalah bahawa kita telah dapat berjaya untuk *contain* wabak ini, iaitu baru-baru ini kita telah dapat mengisytiharkan bahawa kita telah dapat mengatasi wabak ini, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Hazizah binti Mohd Sultan.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd Sultan: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya

Tuan Yang di-Pertua: Datuk minta maaf, Datuk Hajah Hazizah.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd Sultan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, memandangkan denggi ini dia tidak bermusim, adakah pihak majlis bandaran mengadakan kempen mencegahnya setiap bulan ataupun setiap masa. Saya lihat bila ada berlaku denggi

Tuan Yang di-Pertua: 'Saya lihat' itu tidak perlulah.....

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd Sultan: barulah diadakan kempen. Soalan saya adakah kempen mencegah denggi ini diadakan setiap daerah dan setiap bulan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Berterusan.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd Sultan: Berterusan, terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat gambaran bahawa kita hanya mengambil tindakan apabila kita menghadapi wabak denggi ini adalah tidak berapa benar kerana program yang kita jalankan adalah berterusan setiap hari, setiap tahun di semua peringkat iaitu di sekolah iaitu melalui pendidikan dan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan penguatkuasaan dan juga untuk menjalankan program-program sentiasa masa, sekian terima kasih.

[Soalan No. 14 – Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad tidak hadir]

15. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak kementerian telah membuat sebarang kajian komprehensif tentang sejauh mana berlakunya peralihan keluar doktor-doktor daripada berkhidmat dengan pihak kerajaan kepada pihak swasta dan apakah usaha proaktif yang telah diambil dalam menangani masalah pergerakan keluar mereka ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:

Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sememangnya menyedari tentang isu perpindahan pegawai perubatan yang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan ke sektor swasta. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak kementerian dari semasa ke semasa menjalankan kajian dan mengambil langkah-langkah untuk menangani masalah mengenai masalah perpindahan pegawai perubatan ke hospital swasta.

Antara langkah-langkah proaktif yang telah diambil adalah seperti menetapkan khidmat wajib selama 3 tahun bagi pegawai perubatan yang baru dilantik, memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan jawatan pegawai perubatan termasuk mewujudkan lebih peluang kenaikan pangkat, memberi biasiswa yang lebih banyak untuk melanjutkan pengajian dan kepakaran dan juga memberikan elaun-elaun yang berkaitan untuk pegawai-pegawai perubatan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad.

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, akibat pengaliran keluar doktor-doktor ini, bilakah Kementerian Kesihatan akan menyambung semula pengambilan doktor-doktor kontrak daripada luar negeri. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Berkaitan dengan doktor kontrak ini dari luar negeri kita sentiasa kena mengawal berkaitan dengan keperluan negara kita, apabila kita memerlukan doktor kita akan ambil tindakan untuk *fuel the gap* supaya kita dapat memberikan perkhidmatan yang bersesuaian kepada rakyat Malaysia. Tetapi dasar kita adalah supaya kita dapat mewujudkan lebih banyak lagi jawatan untuk orang tempatan kita untuk mengisi jawatan ini, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam ingatan saya, masalah ini menghantui kerajaan dari masa saya menjadi pegawai perubatan 30 tahun dahulu lagi, belum lagi selesai-selesai.

16. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan usaha kementerian untuk memajukan pertanian organik.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, pertanian organik ialah satu sistem pengeluaran tanaman di mana tanaman yang dihasilkan tanpa menggunakan baja kimia, racun perosak dengan izin *growth regulator* dan hormon. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa langkah bagi memajukan pertanian organik yang antaranya adalah seperti berikut:-

- (i) menggalakkan pemprosesan sisa pertanian seperti jerami padi, tandan kelapa sawit dan sabut kelapa sawit dijadikan *compose* untuk digunakan sebagai baja.
- (ii) menawarkan latihan kepada para petani yang ingin mempelajari cara-cara membuat *compose*;
- (iii) memulakan projek perladangan organik di beberapa buah negeri untuk memberi tunjuk ajar kepada para perani mengenai cara membuat bahan organik untuk digunakan sebagai baja; dan
- (iv) memperkenalkan persijilan Skim Organik Malaysia untuk menggalakkan lebih penyertaan para petani dalam pertanian organik dengan memberi pengiktirafan kepada petani-petani yang mengeluarkan hasil tanaman organik.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dua tahun yang lalu Jabatan Pertanian telah mempengerusikan konsep pertanian organik kepada para petani. Sehingga kini kawasan seluas 132 hektar melibatkan 121 pekebun kecil telah diusahakan dengan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran secara organik di bawah penyeliaan Jabatan Pertanian. Pihak swasta juga telah memajukan 36 buah projek pertanian organik meliputi kawasan seluas 596 hektar.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah masalah-masalah utama yang dihadapi dalam bidang pertanian organik dan juga petani pertanian organik?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya tiada. Ini salah satu program yang baik. Dari segi tanamannya, tanamannya ini dihasilkan tanpa racun, baik dari segi kesihatan kepada pengguna, dapat memperluaskan pasaran....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan organik macam dahulu-dahulu.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Bukan. Ini tiada masuk.....

Tuan Yang di-Pertua: Najis-najis...

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, tiada - tinja binatang pun tidak masuk. Ini sisa-sisa tanaman sahaja digunakan sebagai bahan baja bagi menggantikan baja kimia.

17. Tuan Tan Bon You minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah dasar dan hala tuju kerajaan terhadap perkhidmatan industri penerbangan tambang murah negara dan di samping itu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan industri '*full service carrier*'

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, tadi tiga yang tidak hadir baru ini satu sahaja. Adakah sesiapa yang boleh beri sedikit penerangan? Boleh minta supaya jawapan bertulis diberikan notis? Sesiapa sahaja. Bolehkah mana-mana Yang Berhormat berdiri dan minta supaya akan diberi jawapan bertulis? Ada?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya jawapan bertulis diberi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Lagi baik mohon notis daripada menyatakan sesuatu dan [*Timbalan Menteri Pengangkutan Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar masuk mengambil tempat duduk dalam Dewan*] Yang Berhormat pun sudah datang. Sila Yang Berhormat, sila.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya minta maaf di atas kelewatan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Tan Bon You.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memberi galakan dan sokongan sepenuhnya kepada perkhidmatan industri penerbangan tambang murah negara. Kesungguhan kerajaan dapat dilihat apabila kerajaan akan melaksanakan projek untuk membina *Terminal LCC* atau *Low Cost Carrier* di KLIA di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Di samping itu kerajaan juga telah membenarkan Air Asia, selain penerbangan domestik untuk mengendalikan penerbangan antarabangsa, jadual di beberapa destinasi di rantau ini. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan Air Asia kekal sebagai LCC terunggul di rantau ini. Disebabkan pasaran yang kecil buat masa ini, kerajaan berpendapat perkhidmatan LCC sedia ada adalah mencukupi. Buat masa ini penerbangan Malaysia dan Berjaya Air merupakan syarikat-syarikat penerbangan *full service carrier*. Kerajaan dan syarikat-syarikat penerbangan tersebut mempunyai pelan pembangunan yang strategik untuk meningkatkan pertumbuhan industri penerbangan awam.

Bagi MAS antaranya ialah:

- (i) melaksanakan strategi untuk memperluaskan saraannya dalam pasaran Asia, khususnya India dan China. Ini akan mengakibatkan pertambahan kapasiti kekerapan ke destinasi baru;
- (ii) melaksanakan pelan perolehan ataupun pembelian pesawat bagi menampung keperluan tambahan kapasiti, kekerapan dan destinasi baru serta untuk tujuan penggantian;
- (iii) mempelbagaikan segmen pasaran dengan penekanan khusus kepada aktiviti menyelam, sukan, golf, pengembaraan dan *eco-tourism*;

- (iv) mengadakan pakej-pakej promosi seperti *Golden Holidays, Stop Over Holidays, Show Case Malaysia* dan lain-lain;
- (v) menganjurkan promosi-promosi istimewa dengan kerajaan negeri, Kementerian Pelancongan Malaysia, Persatuan Hotel, operator dan agen pelancongan dari masa ke semasa;
- (vi) meningkatkan mutu perkhidmatan dan penerbangan serta perkhidmatan *ground handling* di lapangan terbang. Bagi Berjaya Air pula ia memberi perkhidmatan penerbangan FSC ke destinasi-destinasi pulau yang menjadi tarikan pelancong domestik dan antarabangsa di negara ini iaitu di Tioman, Redang dan Pangkor dan ke destinasi antarabangsa iaitu Seletar, Singapura; Padang, Sumatera; dan Ko Samui, Thailand. Berjaya Air turut memainkan peranan untuk mempertingkatkan pertumbuhan industri FSC dengan mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti promosi seperti yang dihuraikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kerajaan bercadang untuk membantu kedua-dua LCC yang disebutkan iaitu Air Asia dan Berjaya Air untuk meningkatkan lagi perkhidmatan mereka, terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan akan sentiasa memberi kerjasama kepada kedua-dua penerbangan *Low Cost Carrier* ini kerana bagi pihak Kementerian, iaitu dia tidak menjejaskan dari segi persaingannya dengan *Malaysian Airline*.

18. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa beberapa perkara dilarang kepada artis-artis sebelum ini sekarang tidak dikuatkuasakan lagi di TV-TV tempatan.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, beberapa peraturan dan larangan melibatkan penampilan artis dalam rancangan TV tempatan khususnya RTM masih terpakai dan tetap berkuat kuasa,

tetapi penguatkuasaannya di kalangan TV swasta bukanlah di bawah Kementerian Penerangan.

RTM yang di bawah penguasaan Kementerian Penerangan memangnya mempunyai mekanisme kawalan dan peraturan sendiri termasuk melalui garis panduan siaran dan kod etika yang mesti dipatuhi. Ini untuk memastikan kandungan siarannya termasuk yang turut melibatkan penampilan artis, gaya persembahan dan cara berpakaian benar-benar bersopan dan tidak menyumbang kepada keruntuhan nilai moral masyarakat. Namun, dalam era persaingan stesen penyiaran masa kini RTM yang menyedari ia tidak boleh terlalu tegas dalam soal ini mula memberikan sedikit kelonggaran.

Bagi soal rambut panjang artis umpamanya, peraturan itu masih berkuat kuasa, namun penampilan mereka dibenarkan sekiranya rambut berkenaan diikat rapi dan kemas. Begitu juga dengan aspek pakaian artis yang sesuai dengan persembahan diberikan sedikit kelonggaran selagi tidak terlalu keterlaluan. Demikian juga penyiaran lagu-lagu yang dinyanyikan oleh artis-artis yang terlibat dengan dadah ataupun hal-hal yang tidak bermoral sebab pengharaman atas mereka bukan hanya pengharaman penyanyi tetapi adalah juga merupakan pengharaman terhadap pengubah lagu dan juga penulis lirik dan pemuzik itu sendiri. Namun, RTM tetap bertegas dan tidak membenarkan sebarang penampilan keterlaluan sehingga boleh mencemarkan imej dan boleh menjadi punca keruntuhan nilai moral masyarakat khususnya generasi muda.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak ada semacam kesulitan kepada Kementerian Penerangan untuk pada satu pihak menjaga apa yang dikatakan jati diri RTM, kepada satu pihak yang lain pula untuk ikut sama kepada tuntutan masa seperti yang diberikan sedikit sebanyak atau seperti yang dipamerkan sedikit sebanyak oleh TV-TV swasta. Adakah apa yang saya perhatikan ini benar, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zainudin bin Maidin: Memang ada satu kesulitan di dalam satu persaingan yang cukup hebat tetapi dalam segala cabaran ini RTM cuba membuat penyesuaian dan adaptasi supaya RTM tidak nampak terlalu ketinggalan, umpamanya dalam soal artis berambut panjang. Soal artis berambut panjang, artis pada

keseluruhannya, kita mempunyai artis-artis yang berambut panjang tetapi menyampaikan mesej-mesej moral, mesej-mesej ketuhanan dan sebagaimana, umpamanya penyajak atau sasterawan negara, A. Samad Said, kemudian Ramli Sharip dan juga M. Nasir sendiri.

Banyak perkara yang kita juga seperti mana kita harus melihat ini tidak hanya pada kulit, demikianlah jugalah kita tidak melihat hanya orang yang berkopiah putih itu beriman, tidak semestinya begitu. Orang yang barangkali macam Yang Berhormat sendiri adalah orang yang mempunyai pegangan ketuhanan, keimanan dan sebagainya, kita tidak boleh membuat ukuran sedemikian. Hal-hal ini ada kelonggaran mengikut penyesuaian semasa dan pemikiran masyarakat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang RTM sebagai media utama kerajaan diberi kuasa di bawah akta untuk mengawal stesen-stesen TV yang lain? Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Sememangnya RTM ini adalah satu perkara yang kita perjuangkan, kalau boleh kuasa yang dahulu dikembalikan kepada kita supaya kita dapat menguatkuasakan balik etika-etika yang sesuai dengan dasar-dasar negara yang lebih difahami oleh orang-orang yang telah menghayati dan menjiwai dasar negara pada awal. Dalam soal-soal lain soal pelesenan dan sebagainya itu bukanlah yang diminta oleh kita tetapi hal ini adalah satu hal yang saya rasa tidak perlu dibincangkan, tidak boleh saya bincangkan dengan panjang di sini tetapi ini adalah satu hasrat yang telah pun dinyatakan oleh pihak kementerian.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon.....

Tuan Yang di-Pertua: Menghormati Yang Berhormat sebagai mewakili sektor tersebut, silakan Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat berhubung dengan istilah yang digunakan dan kadang-kadang boleh mengelirukan sebab kebanyakan kementerian menggunakan istilah artis dan apabila seorang melakukan sesuatu yang di luar daripada perlakuan yang selalunya, maka semuanya terpalit. Jadi tidakkah istilah ini boleh mengelirukan sedangkan pada peringkat awal lagi kita ada seniman lain,

biduan lain, biduanita lain, penyanyi lain, pelakon lain tetapi semuanya sekarang ini diistilahkan sebagai artis semuanya. Ini mungkin mengelirukan yang buat itu barangkali artis-artis yang

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya.

Datuk Jins Shamsudin: Pertanyaannya, tidakkah....

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah.

Datuk Jins Shamsudin: Tidakkah kerajaan....

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah RTM mahu mempelbagaikan sebutan.

Datuk Jins Shamsudin: Supaya tidak mengelirukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Supaya semua tidak tergolong sebagai artis semata-mata.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya kira artis mencakupi semua keseluruhan, baik seniman, seniwati, penyanyi dan sebagai tetapi itu serahlah kepada media. Kalau yang ditangkap berkhawat itu penyanyi, penyanyilah ataupun seorang sasterawan yang terlibat dalam perkara-perkara yang tidak bermoral, maka disebut sebagai sasterawan. Itu terserah kepada media dan saya tidak dapat untuk menentukanlah kebebasan media untuk menggunakannya. Saya tadi menggunakan artis sebagai umum.

19. **Datin Paduka Jaya Partiban** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementeriannya untuk mendidik khususnya kaum ibu supaya berwaspada dan memainkan peranan penting dalam usaha kementerian menghapuskan nyamuk aedes yang menyebabkan demam denggi yang semakin serius.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mendidik khususnya kaum ibu dalam mengawal dan mencegah demam denggi adalah dengan menggalakkan kaum ibu terlibat sama dalam usaha penghapusan semua sumber pembiakan nyamuk aedes di dalam dan di luar rumah. Ini boleh dilakukan jika sekiranya semua anggota masyarakat termasuk semua kaum ibu di rumah dapat

memeriksa kawasan di dalam rumah dan di sekitar rumah masing-masing serta melupuskan semua tempat pembiakan nyamuk aedes yang ditemui agar tidak lagi bekas-bekas yang boleh menampung air berada di persekitaran kita. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff sebab tadi sudah dijawab dengan panjang lebar mengenai, minta maaf Puan Siw Chun a/p Eam. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

20. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan selain iklan, apakah bentuk-bentuk program kempen “Utamakan Keluarga” dan setakat manakan kejayaan kempen tersebut. Bagaimanakah Kementerian dapat memastikan kempen tersebut sampai ke peringkat akar umbi.

Setiausaha Parlimen Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian bukan sahaja menghebahkan mesej ini mengikut semasa sahaja, malahan mesej ini disusuli dengan program kemasyarakatan di peringkat akar umbi di seluruh negara.

Pada tahun 2003, Program Utamakan Keluarga Semakin Hari Semakin Sayang yang melibatkan ceramah kekeluargaan, aktiviti sukan, keluarga, saringan kesihatan dan aktiviti gotong-royong telah dilaksanakan melalui badan-badan bukan kerajaan. Matlamat program ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan pasangan-pasangan berkahwin dengan perkara-perkara yang boleh menyemarakkan serta mewujudkan keharmonian rumah tangga. Sebagai susulan kepada kempen ini juga sempena sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2003, pihak kementerian melalui LLPPKN telah membangun dan melancarkan pakej *Smart Start* yang merupakan panduan untuk bakal pengantin dan mereka yang baru berkahwin. Pakej *Smart Start* merupakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mahukan Yang Berhormat beri peluang untuk satu soalan tambahan sebab kita....

Puan Chew Mei Fun: Ya, okey. Saya pendekkan, cuba pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, saya bukan minta Yang Berhormat pendekkan. Saya tanya pada Yang Berhormat tidakkah Yang Berhormat mahu beri peluang untuk soalan tambahan.

Puan Chew Mei Fun: Ya, satu, dua tidak apa tetapi saya mesti jawab soalan saya dengan sempurna, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Ya, okey. Selain daripada itu, kementerian kita juga melalui Kempen Utamakan Keluarga Semakin Hari Semakin Sayang melalui media. Selain daripada itu, untuk memastikan mesej utamakan keluarga ini sampai ke peringkat akar umbi dengan pengisian program yang bersesuaian dengan mesej tersebut.

Justeru itu, Program-program Utamakan Keluarga Semakin Hari Semakin sayang dan khusus *Smart Start* dilaksanakan melalui mekanisme pemimpin-pemimpin wanita dan juga badan-badan bukan kerajaan yang terpilih . Bagi program utamakan keluarga bukan kerajaan yang terpilih bagi Program Utamakan Keluarga Semakin Hari Semakin Sayang yang dilaksanakan pada tahun 2003, sejumlah 83 program telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 23,477 orang yang terdiri daripada ahli keluarga, pemimpin masyarakat, jabatan kerajaan dan NGO.

Bagi program kursus *Smart Start* yang dilaksanakan pada tahun 2004 pula sejumlah 98 kawasan parlimen dan dua buah NGO yang dipilih iaitu focus on the family Malaysia dan Agar Bay Counseling Center Malaysia telah melaksanakan dan melibatkan peruntukkan sejumlah RM588 ribu. Program ini telah disertai seramai 9,950 orang yang terdiri daripada pasangan baru yang akan berkahwin, terima kasih.

[Masa Untuk Pertanyaan-Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN
PENERBANGAN (PINDAAN) 2005****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," *[12 Mei 2005]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Lee Sing Chooi sila sambung ucapan.

11.21 pagi.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, hari Khamis lalu saya sudah bahawa bagi Rang Undang-Undang bernama satu akta untuk meminda Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984 yang dibentangkan untuk dibahas selepas bacaan kedua, pindaan akta ini terdapat pindaan yang tidak lengkap. Ketidaklengkapan pindaan akta ini berlaku bila pindaan ini hanya menyentuh kod tindakan keganasan berhubung dengan lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa yang terkandung di seksyen 10A. Pindaan akta ini tidak mengambil kira tindakan keganasan berhubung dengan lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam domestik. Lapangan terbang domestik tidak diambil kira Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini juga dipinda seperti yang dipindakan iaitu Rang Undang-Undang Racun Makhluq Perosak 2004, sekarang ini kementerian dengan prihatinnya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada menyentuh satu prinsip perundangan yang elok kita jelaskan. Adakah perlu sesuatu permasalahan dari masyarakat itu ditangani melalui hanya satu undang-undang ataupun melalui banyak undang-undang atau akta-akta. Adakah perlu sesuatu masalah itu dihadapi melalui hanya satu akta?

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh lebih senang untuk rujukan dalam satu akta dan juga saya sudah tengok yang akta itu dengan juga pindaan yang dikemukakan. Kalau hendak perbetulkan situasi ini dengan

menambahkan lapangan terbang domestik boleh juga dimasukkan di dalam pindaan ini dalam akta ibu atau boleh dalam satu akta. Itu boleh disempurnakan dengan satu akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan keganasan akan hanya berlaku di lapangan terbang antarabangsa sahaja atau tindakan keganasan itu akan berlaku tidak kira di lapangan terbang antarabangsa atau lapangan terbang domestik. Pindaan akta ini dinamakan pindaan utama dan pindaan ini adalah di dalam 10A yang diminta itu, di mana 10A itu adalah "tindakan keganasan berhubung dengan lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa" dan 10A yang dibentangkan adalah seperti berikut;

"10A (1) tertakluk kepada subseksyen (3) seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah akta ini jika dia dengan menyalahi undang-undang dan dengan sengaja menggunakan apa-apa peranti, bahan atau senjata –

- (a) Melakukan suatu tindakan keganasan terhadap seseorang di lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa yang menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan kecederaan serius atau kematian;*
- (b) memusnahkan atau merosakkan dengan serius tanpa kemudahan. Sesuatu lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa atau pesawat udara yang tidak dalam perkhidmatan dan yang terletak di dalam lapangan terbang itu atau mengganggu perkhidmatan lapangan terbang itu.*

dan tindakan itu membahayakan atau berkemungkinan membahayakan keselamatan di lapangan terbang itu.

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon laluan Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Sila.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya ingin mohon penjelasan dan pandangan Yang Berhormat. Adakah kita perlu memasukkan perkataan domestik itu disebabkan beberapa peristiwa seperti 11 September itu yang mengakibatkan penerbangan

domestik itu, andai kata domestik dengan antarabangsa itu sama-sama berbahaya. Jadi Rang Undang-Undang ini perlu diperkuatkan dengan domestik dan antarabangsa untuk memastikan bahawa *take cover* untuk kedua-dua kesalahan di *airport* yang terlibat ini. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Yang Berhormat Ismail Kassim, sahabat saya. Pada pandangan saya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah tepat. Bukan sahaja aktiviti-aktiviti dan kemungkinan aktiviti penganasan itu berlaku di lapangan terbang antarabangsa. Kemungkinan itu lebih besar kerana keselamatan yang dikawal di lapangan terbang domestik itu adalah lebih lemah dan juga yang disebut itu September 11 bukan penerbangan antarabangsa iaitu penerbangan domestik. Ia sudah menunjukkan risiko yang begitu tinggi untuk penerbangan domestik.

Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat saya minta laluan?

Tuan Lee Sing Chooi: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat, tidakkah cadangan Yang Berhormat untuk memasukkan perkataan domestik itu bertentangan dengan protokol antarabangsa yang sudah dibuat sebelum ini untuk kita melakukan pindaan ini, terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memindahkan satu akta kita mesti menyiasat dan juga membuat analisa, adakah pindaan itu menyeluruh, mungkin ada protokol dan tujuan protokol itu apakah sense itu? Protokol Montreal di mana itu adalah satu konvensyen itu adalah konvensyen antarabangsa dan adakah mungkin menitikberatkan aktiviti-aktiviti dan tindakan-tindakan keganasan di antarabangsa. Tetapi apabila kita bawa akta itu balik ke Malaysia dan membuat pindaan atas undang-undang Malaysia maka kita tengoklah apa yang disebut itu adakah aktiviti-aktiviti keganasan, adalah yang boleh juga berlaku di tempat yang besar melainkan apa yang disentuh di dalam protokol itu, kalau kita lihat protokol itu hanya sentuh lapangan terbang antarabangsa, maka aktiviti dan tindakan bukan sahaja kemungkinan besar juga boleh berlaku di lapangan terbang domestik. Maka kebijaksanaan orang yang mendrafkan pindaan itu boleh dimasukkan supaya pindaan

itu lebih sempurna untuk keselamatan negara dan juga untuk rakyat-rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Kesemua hanya sentuh dan kita tadi telah sentuh semua pindaan ini di 10A, Tuan Yang di-Pertua, kesemuanya hanya sentuh lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengikuti hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dan saya lihat semula huraian di bawah yang tercatat bersama dengan Rang Undang-undang ini. Fasal 1 mengandungi tajuk, Fasal 2 bertujuan, Fasal 3 bertujuan, Fasal 4 bertujuan, Fasal 5 bertujuan, Fasal 6 bertujuan, pindaan-pindaan lain ialah pindaan-pindaan kecil dan berbangkit bermakna di sini kerajaan selaku pemerintah mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk pertimbangan Parlimen dengan selain daripada tajuknya dihuraikan tujuan-tujuan, ada objektif yang tertentu dibuat dikemukakan Rang Undang-undang ini. Bagaimana pula kalau kita melihat perkara ini dari sudut itu? Sebab mungkin dengan memasuki perkara-perkara di bawah tajuk domestik, dia sudah terkeluar daripada tujuan-tujuan yang dikupaskan secara khusus.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, kita juga lihat Fasal-fasal yang dibentangkan itu bertujuan untuk memasukkan protokol, Protokol Montreal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mohon saya ganggu sebentar. Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan kita daripada Brickfields dan saya pohon kita beri tepukan di atas kehadiran.

[Ahli-ahli Dewan memberikan tepukan].

Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini okey, kerajaan selepas menyertai Protokol Montreal itu, balik dan juga..

Tuan Yang di-Pertua: Jangan Yang Berhormat rasa saya cuba menyekat Yang Berhormat, saya cuba memberi sumbangan untuk memperkayakan perbahasan.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, satu iaitu tujuan memasukkan protokol itu, protokol khusus tetapi bila kita hendak meminda satu undang-undang, kita tidak boleh tengok kepada teknikal sahaja, kita mesti tengok tujuannya selepas teknikal itu, apa tujuannya, selepas protokol apa tujuannya dan

essence protokol itu yang mustahak. Kalau tujuan dan juga essence itu dibawa balik dan tidak lengkap maka kita mesti melengkap.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita nampak satu protokol tidak tahu bila kita bawa balik, protokol itu jangan dijadikan satu *blind sport* kerana kita ialah sesuatu badan yang mendrafkan undang-undang yang mesti tengok apa tujuan sesuatu protokol itu. Kalau sesuatu protokol itu tidak lengkap, tidak menyuruh untuk menjaga keselamatan yang ditunjukkan maka kita memperluaskan apa yang disebutkan. Itu tujuan seseorang pemerintah, seseorang yang mendrafkan undang-undang itu.

Dr. Haji Mohd. Puad Bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dr. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad Bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya faham maksud Yang Berhormat untuk memasukkan lapangan terbang domestik ini ialah kita bukan setakat untuk menjaga kepentingan antarabangsa tetapi juga kepentingan kita di Malaysia ini, keselamatan di Malaysia harus kita utamakan juga. Tetapi tidakkah ayat yang menyebut lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa itu sudah meliputi *airport* domestik ini contohnya Pulau Pinang, Johor Baharu, Langkawi kerana ini juga menyediakan kemudahan antarabangsa. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya diberitahu oleh DCA, di negara kita ada enam lapangan terbang antarabangsa. Yang lain itu diisytiharkan sebagai lapangan terbang domestik. Nampaknya lapangan terbang antarabangsa itu ialah satu bilangan yang kecil kerana yang lebih itu ialah lapangan terbang domestik.

Kalau kita hanya tumpukan dan juga mengawal keselamatan di lapangan terbang antarabangsa sahaja maka tidak mencukupi dan juga kemungkinan penganas-penganas itu mungkin menggunakan kelemahan-kelemahan di lapangan terbang domestik dan juga *hijack* sesuatu pesawat itu umpamanya dari Tioman dan terus pergi ke Bangkok, dia bom di mana-mana yang dia suka. Itu adalah kemungkinan

dan juga boleh menjejaskan bukan sahaja keselamatan pesawat domestik itu tetapi kemungkinan juga menjejaskan keselamatan di mana pesawat itu pergi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya cakapkan tadi, siapa boleh menjamin tindakan keganasan itu tidak akan berlaku di lapangan terbang domestik. Siapa boleh jamin? Kalau tidak boleh jamin maka pindaan yang dibentangkan ini hanya boleh melindungi lapangan terbang antarabangsa dan tidak melindungi lapangan terbang domestik, ini adalah pindaan yang tidak cukup dan tidak lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertimbangan pindaan Akta ini, pertimbangan pertama adalah elemen, elemen baru dalam pindaan ini. Apa elemen baru dalam pindaan ini? Mungkin ada elemen yang baru, mungkin juga tiada elemen yang baru. Kalau tiada elemen yang baru, tiadalah sebab untuk membentangkan pindaan ini, pada mulanya kalau tidak ada elemen baru mengapa hendak bentangkan pindaan ini, mesti ada elemen baru bagi kementerian untuk membentangkan pindaan ini. Kalau ada elemen baru, apakah elemen baru ini untuk membuat pindaan akta-akta ini.

Elemen baru ini ialah tindakan keganasan orang-orang terhadap orang-orang di lapangan terbang dan pindaan baru ini hanya menyentuh lapangan terbang antarabangsa. Adakah elemen baru ini hanya berlaku di lapangan terbang antarabangsa? Tidak, kalau tidak mesti elemen baru ini diperluaskan, diperlengkapkan supaya kedua-dua lapangan terbang itu dimasukkan di dalam pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan itu ialah perlindungan lapangan terbang antarabangsa dan juga lapangan terbang domestik *they must come in pair* dengan izin, antarabangsa dengan domestik. Lapangan terbang antarabangsa dan domestik mesti diambil kira berpasangan seperti "*sepasang kekasih yang tidak boleh dipisahkan*". Ia mesti diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh sebut satu saja dan mengabaikan satu yang lain. Dengan spesifiknya disebut lapangan terbang antarabangsa, mesti juga dengan spesifiknya disebut lapangan terbang domestik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman kita, kawalan keselamatan di lapangan terbang domestik selalunya seperti yang saya sebut, selalunya lebih lemah jikalau dibandingkan dengan kawalan keselamatan di lapangan terbang antarabangsa.

Kalau dibandingkan dengan lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang domestik lebih *vulnerable*, dengan izin.

Lebih terdedah kepada tindakan keganasan kerana alat-alat yang digunakan itu adalah kurang canggih dan juga kawalan keselamatan yang lebih lemah di lapangan terbang domestik. Jumlah lapangan domestik itu juga lebih banyak dan sesetengah lapangan domestik itu juga ada di kawasan pedalaman dan berdekatan dengan sempadan. Ini juga meningkatkan risiko bahawa aktiviti dan tindakan keganasan itu mungkin berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat, adakah Malaysia yang pertama meminda akta ini atau negara-negara lain juga mempunyai akta sebegini? Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Ini kena dijawab oleh kementerian, Tuan Yang di-Pertua, pasal kalau akta ini atau Protokol Montreal juga ditandatangani oleh banyak negara dan kesemua itu ambil balik protokol itu ke negara mereka masing-masing dan buat perundangan tempatan supaya bersesuaian dengan keadaan mereka itu. So, kita juga bawa undang-undang ini balik ke Malaysia dan juga tengok dan buat pindaan undang-undang untuk menyesuaikan dan juga untuk menjagakan keselamatan negara dan rakyat kita. Inilah tindakan yang diambil sekarang ini oleh kerajaan dan kita tengok, maka pindaan itu adalah tidak lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan penerbangan domestik dan juga masa perjalanan domestik itu di udara Malaysia yang bilangannya itu lebih banyak dan lebih tinggi dan masa dia berada di udara Malaysia itu juga masanya lebih panjang. Maka, itu juga meningkatkan risiko tindakan keganasan. Jikalau mereka hendak serang *target-target* di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, apakah kawalan ruang udara Putrajaya di mana Perdana Menteri kita, Timbalan Perdana Menteri kita, pemimpin-pemimpin negara yang berada di situ? Apakah kawalan ruang udara Parlimen? Terutama semasa pembukaan rasmi Persidangan Parlimen di mana semua pemimpin utama

negara kita berada di satu bangunan, bagaimana dengan risiko itu, apakah kawalan itu dan juga yang lain-lain itu?

Dengan kekerapan penerbangan domestik di udara Malaysia, maka justeru itu perlindungan-perlindungan lapangan terbang domestik tidak kurang mustahaknya kalau tidak lebih, tidak kurang mustahaknya kalau dibandingkan perlindungan yang diberi untuk lapangan terbang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disebut tadi, krisis 11 September yang berlaku di Amerika, penerbangan ini adakah penerbangan antarabangsa atau domestik? Kesemua serangan itu adalah penerbangan domestik. Kenapa? Kerana keselamatan di lapangan terbang domestik itu lebih lemah kalau dibandingkan dengan lapangan terbang antarabangsa. Itulah *opportunity* atau peluang yang diambil oleh pegganas-pegganans.

Tuan Yang di-Pertua, juga berlaku minggu lalu kita lihat surat khabar bahawa satu pesawat masuk ke ruang udara larangan *White House*, Tuan Yang di-Pertua, dan mengakibatkan kelam-kabut di *White House*. Minggu lalu sahaja berlaku. Yang itu juga bukan pesawat penerbangan antarabangsa. Itu menunjukkan kalau kita ambil kira keselamatan dan perlindungan antarabangsa sahaja adalah tidak mencukupi, maka kita mesti juga bersama-sama mengambil kira semua lapangan terbang di Malaysia, maka lapangan terbang yang menyediakan kesemua penerbangan walaupun itu penerbangan antarabangsa atau domestik. Kesemua itu mesti diambil kira, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang menggunakan lapangan terbang domestik itu kebanyakannya orang Malaysia. Sekarang ini kita hendak buat undang-undang hendak pinda undang-undang. Takkan hendak pinda undang-undang dengan tidak menjaga keutamaan untuk melindungi orang Malaysia. Kita buat pindaan tetapi tidak jaga kepentingan kita. Itu tidak logik nampaknya. Takkan semua itu mesti diluluskan semua. Kalau, Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Omar.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya ingin bertanya ataupun minta pandangan daripada Yang Berhormat, rang undang-undang yang kita hendak pinda pada hari ini,

adakah ini rang undang-undang yang melibatkan *international law*. Sekiranya ia melibatkan *international law* sebab kita bercakap tentang *international transport*, jadi bila *international transport* jadi kita kena *abide by the rules of international law*, dengan izin. Jadi kalau katakan itulah yang kita hendak pinda, maka kita ada dua perkara yang berasingan, bukannya apa yang Yang Berhormat cakapkan tadi, kita kena masukkan juga undang-undang domestik di dalam pindaan pada hari ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan yang sama telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam pada hari Khamis. Walau bagaimanapun terpulang kepada Yang Berhormat kalau hendak menjawab dengan lebih jelas lagi tentang persoalan yang dikemukakan oleh Dato' Omar tadi.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Omar, kawan saya di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, protokol itu *international*, antarabangsa, kita bawa balik ke Malaysia. Bolehkah kita tambahkan lagi supaya dia lebih menyeluruh. Kita ada buat *example* dahulu, saya diberitahu pagi tadi oleh seorang peguam di *AG's Chamber* bahawa Malaysia pernah buat, juga pada Akta Ibu ini, [*Menunjukkan Akta Ibu*] Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 di Seksyen 10, maka ia cakap di situ, Seksyen 10, subseksyen 2 itu adalah ditambah oleh inisiatif kita. Kita boleh buat inisiatif yang serupa supaya dengan pindaan-pindaan yang dibentangkan itu lebih menyeluruh. Ini sudah ada satu praktis yang dibuat oleh peguam di *AG's Chamber*.

Dengan kata-kata itu juga kita juga tanya tadi kalau kita tambahkan selepas "melindungi lapangan terbang antarabangsa", kita bolehlah tambahkan penerbangan domestik. Jawapan itu, apa yang disebutkan dalam Protokol Montreal itu ada dalam pindaan ini, kalau kita hendak perluaskan lagi - itu boleh, yang mestinya protokol itu mesti ada kalau kita hendak tambahkan supaya membuatnya lebih sempurna kerana kita kena mementingkan keselamatan kesemua lapangan terbang. Itu boleh dibuat. Maka itulah definisi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap agar pindaan tambahan boleh dibuat supaya lapangan terbang domestik itu dimasukkan dalam pindaan akta ini. Satu cara untuk memasukkan lapangan terbang domestik boleh ditambahkan perkataan "*dan*

domestik” selepas “*lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa*” menjadikan “*lapangan terbang yang menyediakan penerbangan antarabangsa dan domestik.*” Itu akan lebih sempurna dan lebih menyeluruh, barulah boleh menjaga kepentingan semua orang, orang asing pun datang ke sini dan rasa lebih selamat, lapangan terbang antarabangsa pun dilindungi, lapangan terbang domestik pun dilindungi, itu akan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, tadi itu adalah satu cara untuk menambahkan pertimbangan lapangan terbang domestik. Satu lagi cara boleh dibuat bila mendrafkan undang-undang ini, di mana ada banyak cara boleh dibuat supaya tujuan itu boleh dicapai. Satu lagi cara yang boleh ditambahkan iaitu kita ada satu seksyen iaitu Seksyen 10A yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Kita boleh tambahkan satu seksyen yang dipanggil 10B, ini adalah satu cara juga untuk menggantikan perkataan antarabangsa dengan domestik dengan menjadikan 10A itu. Apa yang disebutkan antarabangsa, kita letakkan domestik dan bukan letakkan ini di 10B. Dengan ini 10A untuk mengerjakan Protokol Montreal di mana lapangan terbang antarabangsa dapat dijaga dan juga 10B di mana perlindungan lapangan terbang domestik boleh dilindungi, macam satu pasangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya juga cuba memahami tentang cadangan Yang Berhormat tadi. Kalau sekiranya ada undang-undang yang sedia ada secara umumnya juga memberi perlindungan kepada penerbangan awam domestik walaupun tidak secara khusus tetapi secara umum. Adakah pendapat Yang Berhormat bahawa tambahan kepada rang undang-undang ini juga perlu diadakan untuk penerbangan domestik?

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian saya terhadap pindaan ini dan juga berada di Akta Ibu yang saya nampak ialah satu elemen baru di pindaan yang dibentangkan, kalau tidak ada elemen baru hendak dibentangkan fasal apa hendak bentangkan pindaan ini? Tidak payah bentangkan langsung. Kalau ada elemen yang baru dan elemen baru hanya meliputi lapangan terbang antarabangsa maka dengan spesifiknya, dia kena *come in pair*, dia mesti ada pasangan supaya spesifiknya mesti berada di lapangan terbang domestik bila mendrafkan undang-undang ini. Bila ada spesifik kena berpasangan supaya semua itu dapat ditangani.

Elemen baru itu adalah lapangan terbang dan juga kesalahan-kesalahan di lapangan terbang akan menyebabkan kematian ataupun suatu yang serius terhadap keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, itu berkenaan dengan ketinggalan satu senario di mana domestik tidak diambil kira di dalam pindaan ini dan juga saya sudah bahaskan berkenaan dengan ketidaklengkapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh melainkan ketidaklengkapan yang tadi apatah lagi di pindaan-pindaan yang lain di dalam pindaan ini. Saya juga menarik perhatian Dewan dalam satu kemungkinan lagi dan juga ketidaksiapan atau ketinggalan dalam pindaan akta ini di Seksyen 13. Di dalam Seksyen 13 ini ada satu perenggan baru dimasukkan, perenggan (d) iaitu, "(d) jika tidak kerana subseksyen 10A(3) akan menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 10A". Tajuk Seksyen 13 di Akta Ibu ialah, "Bersubahat melakukan tindakan-tindakan di luar Malaysia" dengan pindaan yang dibentangkan menjadikan subseksyen 13 berkenaan dengan subseksyen (d) yang baru ini, memasukkan subseksyen baru ini yang berbunyi begini, "Mana-mana orang di Malaysia yang bersubahat dalam melakukan apa-apa tindakan di tempat lain jika tidak kerana subseksyen 10A(3) akan menjadikan satu kesalahan di bawah seksyen 10".

Dengan pindaan-pindaan ini, maka Seksyen 13 mengandungi situasi dan senario yang disebutkan di perenggan;

- (a) "jika tidak kerana subseksyen 2, Seksyen 7;
- (b) jika tidak kerana subseksyen 4, seksyen 9;
- (c) jika tidak kerana subseksyen 5 atau 6, Seksyen 10;
- (d) jika tidak kerana subseksyen 10A(3)"

Di sini saya hanya hendak secara bertulis perenggan (d) di dalam pindaan ini adalah tidak begitu konsisten dengan perenggan (a), (b), dan (c) di Akta Ibu – (a), (b), dan (c) ia ada subseksyen, baru *mention* seksyen. Jadi, perubahan yang dikehendaki hanya subseksyen, ia tidak konsisten. Maka kalau hendak bagi ia berkualiti, ini adalah satu draf yang agak kurang berkualiti, saya ingat yang berkualiti itu mesti macam itu, juga konsisten dengan (a), (b), dan (c) maka jika tidak kerana subseksyen 3, Seksyen 10A. Macam itu baru konsisten dengan (a), (b), dan (c) Maka, itu kualiti pendrafan.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih mustahak lagi, kita tengok subseksyen ini berada di seksyen 13 tetapi yang ditambah dengan perenggan (d) tetapi perenggan (d) itu tidak dimasukkan di Seksyen 16. Seksyen 16 juga mengandungi semua senario yang telah disebutkan tadi; Seksyen 13 dan 16 (a), (b), dan (c) , semua senario ada dan Seksyen 13 meletakkan 1(d) kerana ada 10A yang dibentangkan tetapi Seksyen 16 itu berhenti di situ. Yang senario (d) itu tidak dimasukkan di Seksyen 16, ini adalah juga satu ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, di Akta Ibu, subseksyen 16 yang bertajuk kedudukan berhubung dengan ekstradisi apabila tidak ada pengiraan. Di Akta Ibu subseksyen 11, Seksyen 16 subseksyen 3, “bagi maksud-maksud Ordinan Ekstradisi 1958 dan Akta Penjenayah Fugitive 1967 umpamanya, “apa-apa tindakan di mana jua dilakukannya yang;

- (a) menjadi satu kesalahan di bawah akta ini ataupun cubaan melakukan sesuatu kesalahan ini atau akan menjadi satu kesalahan ataupun satu percubaan jika tidak kerana subseksyen 2, Seksyen 7(4), Seksyen 9 atau subseksyen 5 atau 6, Seksyen 10 hendaklah disifatkan menjadi satu kesalahan mengikut bidang kuasa negara itu.

Kenapa tidak memasukkan subseksyen (3), Seksyen 10A yang baru ini ke dalam Seksyen 16 seperti yang dilakukan di Seksyen 13 Tuan Yang di-Pertua, supaya menjadikan, jika tidak kerana subseksyen (2), Seksyen 7, subseksyen (4), Seksyen 9, subseksyen (5) atau 6, Seksyen 10 atau Seksyen 3, Seksyen 10A.

Senario subseksyen (3), Seksyen 10A boleh berlaku, ada kemungkinan berlaku di Seksyen 16 atau tidak. Ada kemungkinan berlaku bila seseorang asing yang melakukan kesalahan di Malaysia, tetapi sudah keluar dari Malaysia. Ini terkandung di dalam subseksyen (3)(a) atau satu senario yang mana orang Malaysia telah melakukan kesalahan di luar negara dan balik ke Malaysia, mereka akan meminta ekstradisi. Dengan itu, (3)(b) juga diambil kira. Maka, kedua-dua subseksyen (3) juga terpakai di Seksyen 16 kerana senario ekstradisi kena ada orang yang melakukan keganasan, orang yang melakukan tindakan-tindakan itu, orang yang menjahanamkan itu sudah keluar dari tempat negara yang dia membuat kesalahan itu. Maka, ekstradisi mesti

diambil kira. Maka itulah, senario. Maka, ini juga mesti diletakkan di dalam Seksyen 16.

Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya ketidaklengkapan pindaan akta ini dan juga sebagai satu Dewan yang menjaga kepentingan dalam perundangan Malaysia dan juga di Dewan Negara sebagai ahli yang juga menjaga segera perundangan Malaysia dan membentuk perundangan di Malaysia. Adakah perundangan itu lengkap atau tidak lengkap? Itu tanggungjawab Ahli-ahli Dewan Negara dan juga tanggungjawab Dewan Negara.

Maka, dengan ketidaklengkapan ini, yang hanya melindungi tindakan keganasan berhubung dengan lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa dan masih tiada mengandungi tindakan keganasan berhubung dengan lapangan terbang yang menyediakan lapangan domestik dan juga tidak mungkin memutarbelitkan perundangan yang ada supaya boleh jawab tetapi ini bukan sesuatu cara yang betul. Sesuatu cara perundangan membentuk atau membuatkan perundangan itu lebih jelas, lebih menyeluruh supaya senang diikuti atau semasa kita hendak membuat undang-undang itu sudah tidak begitu jelas. Kita hendak pinjam sini, pinjam itu menjelaskan sesuatu. Itu tidak lengkap, itu yang pertama. Undang-undang yang tidak jelas dan lengkap. Maka, semasa membuatkan undang-undang itu, ia mesti jelas dan menyeluruh, itu yang pertama dan juga usaha serta juga ketinggalan subseksyen (3), Seksyen 10A di Seksyen 16, maka saya cadangkan pindaan ini diperlengkapkan lagi dengan pindaan tambahan, dengan keprihatinan.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya. Mendengar hujah-hujah Yang Berhormat tadi, yang menyebut bahawa ada juga lapangan terbang domestik yang tidak menyediakan kemudahan penerbangan awam antarabangsa, saya bersetuju bahawa tambahan kepada ayat domestik itu perlu dilakukan kerana mungkin kita juga banyak pengalaman seperti peristiwa di Tanjung Kupang dan sebagainya .

Cuma, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, dari segi undang-undang, apakah kalau jika sekiranya kita tidak tambahkan perkataan domestik seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, bahawa kita masih

boleh menggunakan ruang-ruang lain baik dari segi istilah bahasa dan sebagainya, bahawa apa yang disebutkan ini juga merangkumi lapangan terbang domestik tanpa kita melakukan tambahan, iaitu mencari ruang-ruang lain, *loophole* yang lain. Sebab saya rasa, kadang-kadang undang-undang ini boleh kita melakukan pelbagai tafsiran dan sebagainya. Mohon penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad. Ya, kemungkinan peguam itu boleh menggunakan akta-akta yang sedia ada untuk menjawab sesuatu. Tetapi juga, satu risiko yang tinggi kerana apa yang dibentangkan di sini mesti ada satu elemen yang baru, yang tidak dapat di undang-undang yang sedia ada. Kalau sudah ada, apa yang saya nyatakan tadi, kena pindaan ini. Kesemuanya sudah lengkap dan cukup. Tidak payahlah kita buat ini. Ada permintaan dan pembentangan pindaan ini, mesti ada satu elemen yang baru di situ. Yang elemen baru tidak di dalam akta-akta yang sedia ada.

Kalau elemen yang baru itu tidak dimasukkan untuk domestik, maka ia tidak lengkap. Ia akan menjadi satu tempat yang bocor. Ia sudah bocor dekat situ. Orang akan ambil peluang untuk membahaskan dan juga *challenge* di dalam mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, untuk melengkapkan kita kalau kita tambahnya satu. Bukan susah hendak tambahkan satu, dengan keprihatinan kementerian, mungkin kita tengok untuk melindungi juga rakyat Malaysia yang kebanyakannya hendak ambil, juga menggunakan lapangan terbang domestik, maka saya harap itu boleh dipertimbangkan dengan pindaan tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan tersebut, saya ingin memohon, menyokong dengan adanya pindaan tambahan kepada rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Penerbangan 1984. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: [*Bangun*]

Puan Mariah binti Haji Abdullah: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua. Hari Khamis, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani ada minta untuk berbahas. Tetapi, beliau tidak diberi laluan.

Hari ini, saya memberi peluang kepada beliau untuk berbahas, selepas itu saya minta Yang Berhormat Puan Mariah untuk bersedia.

12.08 tgh.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk sama-sama membahaskan Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 (Pindaan) 2005.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya sistem pengangkutan udara adalah pilihan terkini ramai di kalangan kita pada hari ini. Walaupun terdapat pilihan terhadap sistem pengangkutan yang lain, namun pengangkutan udara adalah pilihan terbaik. Apatah lagi, ianya amat berguna kepada individu-individu yang sentiasa berurusan di luar negara dan memerlukan suatu sistem pengangkutan yang cepat dan mesra pelanggan. Sistem pengangkutan udara ini sebenarnya secara tidak langsung telah berjaya menghubungkan silaturahim di kalangan masyarakat dunia dan khususnya di negara kita sendiri, di mana Lautan China Selatan yang telah memisahkan kita selama ini mampu menghubungi penduduk-penduduk di Semenanjung Tanah Melayu dengan masyarakat di kalangan Kepulauan Borneo seperti Sabah, Sarawak dan negara-negara jiran kita seperti negara Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Singapura dan negara-negara yang lain.

Ternyata sekali semenjak lebih 100 tahun yang lalu sistem penerbangan kini telah mengalami perubahan yang pesat dan membangun sejajar dengan pembangunan negara. Jika kita lihat dari sudut perubahan saiz pesawat yang dahulunya bermula dengan pesawat hanya seberat 170 paun dan dengan menggunakan khidmat hanya seorang juruterbang dan hanya mampu terbang mungkin setinggi 120 kaki tanpa henti, kini mengalami perubahan drastik di mana pesawat kita mampu terbang tanpa henti lebih daripada 8,000 batu dengan menggunakan pesawat seberat lebih 1 juta paun dan mampu untuk membawa lebih 400 penumpang. Teknologi terkini pula diaplikasikan sepenuhnya melalui cara berkomunikasi, cara navigasi dan sistem pengawasan yang lebih bersistematik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tentang teras pembangunan lapangan terbang seperti yang tercatat di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Seperti mana yang kita semua sedia maklum di dalam

rancangan tersebut ada dinyatakan bahawa perkara utama yang akan kita beri perhatian mengenai lapangan terbang di negara kita adalah berkaitan dengan peningkatan keupayaan di samping menaikkan taraf kemudahan sedia ada. Selain itu perkhidmatan trafik udara juga akan dipermodenkan dan apa yang penting ialah kemudahan keselamatan akan dipertingkatkan lagi. Itu apa yang ternyata dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Apabila membincangkan mengenai soal keselamatan, saya yakin ramai di antara kita sebagai rakan-rakan Ahli di Dewan ini semuanya bersetuju bahawa isu keselamatan adalah isu yang perlu diperbincangkan dengan lebih mendalam kerana keselamatan adalah faktor penting yang akan dinilai di kalangan penumpang-penumpang sebelum mengambil keputusan sama ada untuk menggunakan sistem pengangkutan udara ini ataupun tidak. Seperti mana kadang-kadang kita mendengar ada letupan berlaku di mana-mana, sama ada penerbangan itu daripada *United State* ataupun barangkali yang berlaku di Thailand untuk kita menaiki kapal terbang yang sama daripada syarikat yang sama menuju ke arah yang sama amat mengkhawatirkan kita. Jadi biasanya kalau sekiranya berlaku perkara-perkara seperti ini memanglah faktor keselamatan itu menjadi perkara yang utama yang kita ambil kira. Apatah lagi pengangkutan udara adalah antara kategori sistem pengangkutan yang dianggap berisiko tinggi berbanding dengan sistem pengangkutan-pengangkutan yang lain.

Sehubungan dengan itu, amat penting sekiranya pembangunan lapangan terbang ditumpukan kepada kecekapan produktiviti dan keselamatan penerbangan di samping meningkatkan lagi keupayaan untuk mematuhi permintaan yang bertambah. Ini bersesuaian dengan jangkaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan di mana dijangkakan jumlah trafik penumpang akan meningkat pada kadar purata 5.2%. Sementara itu trafik penumpang pula dijangka bertambah kepada 41.6 juta penumpang setahun pada tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan yang terlibat dalam akta ini saya suka menyentuh tentang beberapa perkara. Pertama berkenaan dengan peruntukan untuk melaksanakan protokol bagi membanteras tindakan-tindakan keganasan yang menyalahi undang-undang di lapangan terbang antarabangsa. Ini adalah seperti apa yang dicatatkan di dalam Fasal 2 Akta 307 untuk memperluaskan

pemakaian Akta 307. Ini adalah selaras dengan tujuan untuk mematuhi Resolusi 307, iaitu menangani keganasan dan sekali gus kita dapat mengaplikasikan *Montreal Protocol* 1988 yang membolehkan Malaysia menyertai protokol dengan izin, *for the suspension on Unlawful Acts for Violence of Airport Serving International Aviation* yang diwujudkan di *Montreal* pada 23 September tahun 1971 dan ditandatangani di *Montreal* pada 24 Februari tahun 1988.

Pada hemat saya peruntukan ini amat baik dilaksanakan kerana sesuatu perkara yang dilakukan secara berprotokol adalah lebih berkesan dan bersistematik. Setiap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di lapangan terbang antarabangsa perlulah dikaji dan diteliti terlebih dahulu sebelum memutuskan perkara berkenaan benar-benar berlaku atau sebaliknya. Seandainya kita lalai dalam melaksanakan proses penyiasatan terhadap kesalahan-kesalahan yang telah berlaku, sesungguhnya ianya tidak bersifat adil kepada individu-individu yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan jumlah penumpang udara yang semakin bertambah adalah menjadi tanggungjawab kita bersama menjaga keselamatan penumpang-penumpang yang menggunakan sistem penerbangan ini. Justeru itu penjelasan yang lebih terperinci terhadap kegiatan pengangkutan udara yang sedang dalam khidmat atau tidak adalah amat perlu bagi memudahkan sistem penerbangan mahupun pendaratan dilakukan mengikut masa yang ditetapkan.

Apa yang nyata, kata-kata ataupun slogan yang disebut sentiasa bersedia pada bila-bila masa haruslah diterapkan kepada setiap individu yang bertugas dalam sistem penerbangan ini. Ini penting kerana kita tidak mahu peristiwa di mana kecuaiannya pegawai-pegawai, contohnya apa yang berlaku di menara kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang menyebabkan kelewatan pendaratan kapal terbang dan terpaksa berputar di udara dua tiga kali. Ini adalah kerana ketiadaan pegawai menara kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa di Kota Kinabalu yang menyebabkan kelewatan pendaratan kapal terbang dan mengakibatkan kebimbangan kepada penumpang-penumpang berlaku berulang kembali. Situasi ini amat mendukacitakan kerana memberi impak yang kurang baik kepada sistem penerbangan kita.

Sehubungan dengan itu adalah perlu undang-undang terhadap kesalahan penerbangan ini diperketatkan lagi agar pihak-pihak yang terbabit dalam melaksanakan tugas mereka dengan lebih disiplin, efisien dan juga bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh di bawah Fasal 5 Seksyen 10A dalam Akta 307, subseksyen 10A iaitu berkenaan dengan peruntukan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan yang bersifat keganasan yang berlaku sekitar lapangan terbang atau sistem penerbangan udara. Seperti mana yang kita tahu sejak kebelakangan ini begitu banyak kejadian rampasan udara berlaku. Walaupun kejadian seumpama ini tidak berlaku di negara kita seperti mana yang telah disebut oleh banyak Ahli-ahli Dewan tentang 11 September dan sebagainya, isu berkenaan masih menimbulkan kebimbangan kepada kita semua terutamanya kepada individu-individu yang sering menggunakan perkhidmatan pengangkutan udara ini.

Sehubungan dengan itu peruntukan undang-undang terhadap kesalahan yang bersifat keganasan sehingga membahayakan keselamatan penumpang-penumpang, krew, pesawat udara, lapangan terbang dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di lapangan terbang tersebut amatlah bersesuaian. Ini kerana setiap penumpang yang menggunakan perkhidmatan udara rata-rata memerlukan jaminan keselamatan apabila menggunakan perkhidmatan tersebut. Justeru itu, adalah perlu kita mentafsirkan bentuk keganasan yang berlaku agar individu-individu terbabit tidak lari daripada undang-undang apabila sabit dengan kesalahan dan biarlah pindaan ini merangkumi keadaan sama ada di peringkat antarabangsa, saya memahami daripada perundangan ini memanglah apabila kita sebut tentang *Montreal Protocol* ia melibatkan di peringkat antarabangsa, tetapi saya berharap supaya undang-undang ini dapat merangkumi bukan sahaja di peringkat antarabangsa, tetapi juga di peringkat domestik dan seperti mana yang telah banyak diperkatakan bahawa kelemahan di peringkat domestik itulah yang boleh menjejaskan keadaan keseluruhannya.

Perkara ketiga yang ingin saya sentuh iaitu fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 13 Akta 307. Dalam Akta ini ianya berkenaan tindakan undang-undang terhadap rakyat Malaysia yang bersubahat melakukan keganasan di lapangan terbang antarabangsa di negara lain. Seperti yang Ahli-ahli Dewan semua sedia maklum bahawa subahat adalah satu kesalahan yang amat besar dan patut diberi hukuman

yang setimpal dengannya. Apatah lagi ianya melibatkan nama baik negara di mata dunia. Walaupun individu berkenaan tidak terbabit secara langsung dengan kesalahan yang dilakukan, namun kerakyatan Malaysia yang dipegang oleh individu berkenaan melibatkan maruah negara di persada antarabangsa. Justeru itu, adalah patut sekiranya individu yang melalukan kesalahan tersebut diberi hukuman yang lebih berat daripada kesalahan-kesalahan penerbangan yang lain agar menjadi satu pengajaran kepada individu-individu yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kesalahan-kesalahan nampak nyata dan telah tersenarai dalam Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1994 namun penting sekiranya kita memperbaiki dan menilai semula setiap peruntukan dan pindaan seperti yang dinyatakan di dalam Akta ini. Justeru itu, untuk memastikan kemantapan keselamatan dalam sistem penerbangan kita terjamin, sentiasa maju dan berdaya saing peranan dan tanggungjawab setiap kakitangan sistem penerbangan udara haruslah dipertingkatkan dan perhalusi selain meletakkan faktor keselamatan sebagai faktor penting dalam sistem penerbangan udara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini izinkan saya membawa satu yang dikeluarkan dalam akhbar tempatan dan dengan izin kerana laporan ini dibuat dalam bahasa Inggeris, izinkan saya membaca laporan ini.

*“Immobile traveller disappointed at being turned away by Air Asia:
The Air Asia’s new regulation not to take immobile passengers has
disappointed one of its frequent passengers.*

*Fariz, who is suffering from paraplegia (paralyzed waist down)
following a road accident, said he had been travelling by Air Asia often in
the past.*

*However, he was shocked to find out that the airline is no longer
accepting immobile passengers.*

*“I could not believe it when I was prohibited from boarding the
plane and had to leave in disappointment after one of Air Asia’s
employees showed me the Incapacitated Guest letter stating that ‘Gests
who are totally immobile are not accepted by Air Asia,’” he said.*

Fariz said he had booked a ticket in advance to fly from Kuala Lumpur to Kota Kinabalu.

The flight was scheduled for March 27 this year at 9.35 a.m. and he had been asked to arrive at the Kuala Lumpur International Airport for earlier check-in, as he is an immobile passenger and needs wheelchair service.

However, when he arrived at the check-in counter, one of Air Asia staff, Sharil, told him that the airline does not accept paraplegics starting from February this year, and offered to refund his ticket fare.

“Foreigners coming from other countries would certainly assume this new regulation to be a discrimination against us, the disabled,” said Fariz.

“Why didn’t they display (Incapacitated Guest letter) at their ticket counters and on their websites so that we would know in advance?” he asked.

“They (Air Asia) invested millions to build up their company. They should be able to afford extra services for the disabled. It is very disappointing”.

Tuan Yang di-Pertua, daripada *statement* yang dibuat oleh saudara Fariz saya ingin bertanya kepada kementerian atas peraturan ataupun perundangan apa yang membolehkan Air Asia menolak ataupun tidak membenarkan orang yang kurang upaya untuk mengikuti pengangkutan udara tanpa notis. Saya berpendapat bahawa ini menyalahi piagam dan hak asasi seorang manusia. Mohon penjelasan daripada kementerian tentang hal ini.

Dengan kata-kata yang sedemikian saya juga mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Mariah.

12.25 tgh.

Puan Mariah binti Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian di dalam perbincangan rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 – 2005. Saya bersyukur kerana tahap

keselamatan dalam industri penerbangan di negara ini adalah antara yang terbaik di dunia.

Walau bagaimanapun, rang undang-undang yang dibentangkan ini sudah pasti akan dipertingkatkan lagi sistem kawalan keselamatan di lapangan terbang negara ini adalah baik sekali. Bagaimana pun, saya juga merasa bimbang dengan beberapa insiden kecil yang berpunca daripada kelalaian penumpang-penumpang dan pihak berkuasa di lapangan terbang ini. Sebagai contoh, seorang pemimpin baru-baru ini telah menceritakan pengalamannya melepasi kawalan keselamatan di sebuah lapangan terbang di negara ini dengan sepucuk senjata api terselit di pinggangnya. Ini suatu yang bukan sahaja mengejutkan tetapi memalukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bernasib baik kerana kejadian itu berlaku secara tidak disengajakan dan tidak berniat serong. Saya berharap kawalan keselamatan di semua lapangan terbang di negara ini sentiasa dilakukan berhati-hati dengan teliti. Kemungkinan penyeludupan senjata ke atas pesawat akan berlaku. Selain dari itu, insiden pengiriman bahan letupan menggunakan pesawat juga pernah dikesan. Sebagai mana yang telah berlaku pada tahun 1996 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah di antara contoh-contoh kes yang memalukan. Namun, kebijaksanaan mengesan kiriman yang menggunakan penerbangan adalah suatu yang amat penting. Kita bimbang kawalan yang longgar akan menimbulkan bencana yang akan mengheret negara ke dalam kancah memalukan dalam industri penerbangan. Saya ingin mencadangkan supaya hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas mereka yang dengan sengaja melakukan kesalahan di bawah akta ini. Saya juga mencadangkan akta ini turut merangkumi pesawat udara yang digunakan dalam perkhidmatan tentera, kastam dan polis.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerana subseksyen (1) menyatakan bahawa kesalahan itu tidak terpakai jika membabitkan pesawat dalam perkhidmatan tentera, kastam dan polis melainkan jika tindakan itu dilakukan di Malaysia atau di luar Malaysia oleh rakyat Malaysia. Saya berharap biarlah akta itu turut merangkumi pesawat tentera, kastam dan polis secara keseluruhan. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Penerbangan ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Mariah. Silakan Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

12.27 tgh.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar dalam perkembangan dunia hari ini industri penerbangan menjadi industri pengangkutan yang amat penting sama ada di dalam dan di luar negara. Oleh itu amat wajarlah segala undang-undang berkaitan dipinda demi meningkatkan lagi keselamatan dalam industri dan ia perlu diberi perhatian yang utama.

Keselamatan pesawat adalah merupakan juga keselamatan nyawa penumpang itu sendiri. Saya ingin penjelasan sejauh mana persediaan kawalan pemeriksaan keselamatan di dalam menghadapi segala kemungkinan yang tidak menentu sekarang ini. Apakah langkah-langkah kawalan agar kehilangan bagasi tidak berlaku lagi dan saya ingin penjelasan juga apakah minuman keras masih dihidangkan dalam penerbangan kita sedangkan minuman ini boleh menyumbang kepada masalah keselamatan iaitu apabila penumpang-penumpang yang mabuk dan sebagainya. Dan apakah cadangan pihak kerajaan di masa akan datang supaya minuman ini diharamkan di dalam penerbangan sebagai mana larangan merokok dalam penerbangan.

Sekiranya rokok kita boleh haramkan merokok dalam penerbangan, apa kiranya minuman yang memang jelas haram masih kita hidangkan kepada penumpang yang memohon untuk meminumnya. Saya ingin penjelasan juga tentang kod etika, pakaian pramugari dalam kapal terbang yang mana kita lihat maknanya dia kurang menepati bagaimana kita lihat dari segi pakaiannya ada yang ketat, terbelah dan sebagainya.

Apakah kerajaan bercadang untuk membuat kajian semula tentang etika pakaian pramugari ini dalam kapal terbang sama ada yang dimiliki oleh kerajaan ataupun syarikat swasta sebab kita lihat ada syarikat swasta yang pakaiannya cukup menjolok mata dengan skirt yang singkat dan sebagainya dan perkara ini amat tidak sesuai dan bercanggah dengan nilai Islam itu sendiri. Saya cadangkan juga supaya

dalam penerbangan kita dipamerkan jadual waktu solat terutama dalam perjalanan yang jauh untuk memberi kemudahan kepada para penumpang dan sebagainya.

Saya ingin cadangkan juga supaya filem-filem yang ditayangkan di dalam penerbangan ditayangkan filem-filem tempatan terutama yang berkaitan dengan tempat-tempat pelancongan yang menarik dan sebagainya dan begitu juga majalah-majalah yang disediakan adalah majalah-majalah tempatan yang lebih mempamerkan suasana.....

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: keistimewaan negara Malaysia itu sendiri.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Siti Zailah. Satu golongan besar di antara penumpang-penumpang yang menggunakan Malaysia Airlines adalah pelancong-pelancong dan juga orang-orang koperat, *business traveler* dengan izin dari negara-negara Barat, daripada Eropah dan juga Amerika Syarikat dan kepada mereka minuman keras itu adalah kebudayaannya dan juga tentang pakaian pramugari dan tayangan-tayangan gambar. Semua inipun saya percaya mesti mengikut taraf antarabangsa ataupun *international standard*.

Kalau kita melarangkan semua ini, adakah itu ada kesan kepada *profitability* ataupun

Timbalan Yang di-Pertua: Keuntungan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: keuntungan Malaysia Airlines, saya minta pandangan oleh Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih terhadap soalan Yang Berhormat. Saya kira persoalan ini tidak menyalahi, sebab kita lihat rokok itupun satu perkara yang telah menjadi satu budaya *international*. Kalau rokok kita boleh larang penggunaannya dalam kapal terbang kenapa minuman keras yang saya kira tidak semua orang yang meminumnya dan kita lihat dari segi kesan, saya kaitkan dengan minuman ini saya kaitkan dengan kesan ke atas semua peminum yang mabuk.

Itu persoalan, jadi dan begitu juga tentang pakaian Yang Berhormat, apabila seseorang itu berpakaian yang seksi dan ketat saya kiranya juga mengganggu saya kira, mengganggu juga saya kiralah. Terutama bagi orang lelaki, jadi maknanya

pada pandangan saya pakaian menutup aurat ataupun pakaian yang sopan, maksud saya bukan bermakna bagi pramugari yang bukan Islam berpakaian sopan dan minuman keras ini maknanya saya kira tidak memberi kesan kepada penerbangan. Saya tengok banyak pesawat-pesawat daripada luar negara yang kita biasa naiki mereka tidak menghidangkan minuman keras ini.

Sebagai satu negara yang dihormati di seluruh dunia kita sebagai contoh ke negara lain, sepatutnya kita mempamerkan etika-etika yang baik dan moral yang tinggi dan saya kira perkara ini adalah satu perkara yang kelainan yang tidak ada pada penerbangan-penerbangan lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya cuba hendak memahami lagi tentang pindaan Rang Undang-undang ini, perkara penting yang kita bincangkan dalam pindaan ini ialah berkaitan dengan tindakan keganasan. Apa saranan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan minuman keras dan pakaian di dalam kapal terbang, saya cuba hendak memahami apakah kaitan kedua-dua perkara ini dengan tindakan keganasan.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya tidak menyentuh banyak tentang tuntutan tindakan keganasan sebab telah banyak ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskannya, cuma saya mengambil persoalan yang masih tidak disentuh oleh ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk melengkapkan lagi dalam kita menambah baikkan dari segi perkhidmatan penerbangan kita.

Saya sebenarnya bersetuju dengan pindaan yang dibuat untuk kita menambahkan lagi keselamatan-keselamatan yang.....

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua saya minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: kita nampak daripada keganasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Yang Berhormat Siti Zailah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, adakah pakaian yang dipakai oleh pramugari MAS sekarang ini telah menyebabkan timbulnya kes-kes seksual selama ini dan saya rasa tentang pemakaian itu tidak penting Tuan Yang di-Pertua yang saya pentingkan ialah dari segi pemikiran individu, maksudnya adakah orang yang berpakaian tertutup hanya nampak biji mata itu tidak berlakunya kes-kes seksual?

Adakah semua kes-kes seksual yang berlaku sekarang ini adalah berlaku di atas perempuan atau wanita-wanita yang berpakaian dua talikah? mini skirt pendek yang belah-belakak? Saya rasa tidak semestinya, jadi saya rasa tentang pemakaian tidak menjadi isulah tentang berlakunya kes-kes seksual ini dan selama ini pramugari yang berpakaian di atas kapal terbang MAS terutamanya, saya rasa tidak pernah berlakunya kes-kes seksual di antara penumpang lelaki dengan pramugari yang pakai pakaian sebegitu, sekian terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat

Datin Paduka Jaya Partiban: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh saya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat hendak bagi laluan lagi tidak?

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datin Paduka Jaya Partiban.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Boleh.

Datin Paduka Jaya Partiban: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya pun merasa sedikit keliru, saya rasa setakat sekarang pramugari kita pakaian mereka memang bersopan, tidak ada mana-mana pendedahan. Lagipun yang kalau kita katakan pakaian sahaja yang menyebabkan ataupun menambahkan kegiatan-kegiatan yang anti sosial seperti seksual, saya rasa yang budak-budak yang 5 tahun, 6 tahun, 8 tahun apa dia orang pakai? Yang menyebabkan aktiviti ataupun keganasan seksual terhadap mereka. Saya rasa itu adalah perkara lain bukan pakaian tetapi pakaian itu hendaklah bersopan-santun, kemas itu saya bersetuju.

Tetapi kalau katakan pramugari kalau katakan pramugari untuk kerja dia, kita hanya anggap dia sebagai satu pakaian seragam apa salahnya. Saya minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini pandangan daripada wanita kepada wanita.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila jawab Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: *[Ketawa]* Terima kasih, jadi saya ingin bertanya jugalah kepada Yang Berhormat sekiranya ada dua orang di depan kita, satu yang berpakaian sopan yang tidak terbelah, tidak terdedah pahanya dengan satu orang lagi berpakaian dengan skirt yang singkat contohnya tengoklah pramugari Air Asia

dengan pakaian yang cukup singkat saya kira jadi saya rasa perkara ini tidak sopan. Makna tidak baik supaya kita kalau boleh kita pakai skirt itu labuhkan jangan menampakkan paha dan sebagainya.

Walaupun kita tahu keganasan seksual ini tidak berpunca seratus peratus dari soal berpakaian tetapi pakaian juga menyumbang kepada memudahkan ke cara itu. Sebab itulah saya cadangkan supaya sesuai dengan etika kita, kempen, moral dan sebagainya supaya kita kaji balik undang-undang kalau boleh terutama pakaian yang singkat dan sebagainya ini supaya perkara ini menepati begitu juga pakaian bagi pramugari MAS. Mungkin kita lihat dia berpakaian sopan dengan kebaya tetapi masalahnya terbelah pula, kalau sudah sopan jangan lah terbelah sana, terbelah sini.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya terasa bahawa yang dibahaskan ini terkeluar daripada apa yang menjadi inti pati kepada rang Undang-undang, tetapi kerana seronok hendak bincang isu ini, saya kena bangun jugalah Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya fikir, saya hendak tanya kepada Yang Berhormatlah iaitu bahawa soal pakaian barangkali tidaklah begitu penting sangat dan saya tidak fikir penumpang-penumpang ini hendak naik kapal terbang kerana hendak melihat pramugari-pramugari yang lawa baru dia naik kapal terbang. Jadi apa pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya kita tidak payah guna pramugari, kita guna pramugara sahaja dalam kapal terbang. Sebab kalau naik kapal terbang seperti Amerika, saya tengok perempuan dia pun bukanlah cantik-cantik sangat dan kita pun tidak peduli sebab yang penting kita ialah kita dalam kapal terbang ini hendak sampai ke destinasi kita. Jadi saya fikir, dan saya pernah naik kapal terbang Korea yang dia pergunakan pakaian kebangsaan.

Dia tidak pakai pun yang belah-belah dan sebagainya. Kadang-kadang kita lebih seronok melihat pramugari yang memakai pakaian tradisi, yang Korea itu saya tengok labuh sampai ke bawah. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat ini apa pandangan Yang Berhormat kalau kita guna pramugara sahaja lebih baik sebenarnya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat. Apa yang baik saya setuju, cuma mungkin pramugari pun juga penting dan terutama berkaitan dengan penumpang-penumpang wanita. Saya setuju pandangan

Yang Berhormat supaya kita gunakan pakaian kebangsaan, contohnya baju kurung dengan mempromosikan pakaian batik, songket dan sebagainya, itu lebih sopan sebenarnya daripada pakaian yang terbelah di sana-sini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya tidak berhajat...

Datuk Jins Shamsudin: Assalamualaikum Yang Berhormat, boleh saya minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datuk Jins Shamsudin.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya juga terpenggil dan tertarik tentang pakaian ini. Apa pandangan Yang Berhormat, bukan sahaja pramugarinya yang begitu, kadang-kadang penumpangnya yang melebihi-lebih sangat. Ada di antara penumpang pakai seluar pendek dan pakai selipar dan singlet naik kapal terbang. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan etika kita berpakaian keluar dari rumah. Sebab itulah kita dalam Islam, terutama dari segi agama Islam, kita ada peraturan. Apabila keluar daripada rumah mesti berpakaian yang sopan dan menutup aurat. Jadi, memanglah satu perkara yang agak kurang manis sekiranya naik kapal terbang atau tidak naik kapal terbang ke bandar dan sebagainya dengan pakaian seluar pendek, singlet dan sebagainya. Perkara ini saya kira perlu kita beri kesedaran kepada rakyat betapa etika berpakaian ini satu perkara yang menyumbang kepada keharmonian masyarakat di negara itu sendiri. Jadi saya amat bersetuju sekiranya perkara ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan terutama bagi kakitangan kerajaan supaya kita berpakaian sopan dan saya lihat pegawai-pegawai yang datang dalam Dewan ini memang berpakaian sopan. Maksudnya kita buat satu peraturan pakaian ini, supaya pakaian itu boleh menyelamatkan terutama wanita daripada sebarang gangguan seksual terutamanya. Jadi saya kira Yang Berhormat saya tidak mahu mengupas panjang, saya setakat ini dahulu dan saya menyokong rang Undang-undang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas sokongan Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

12.44 tgh.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang dinamakan suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984. Saya hanya ingin mendapat tahu dua perkara sahaja daripada pihak kementerian kerana yang dibahaskan ini ataupun pindaan yang dicadangkan ini mengaitkan dengan lapangan antarabangsa. Apabila seseorang melakukan jenayah, di mana-man lapangan antarabangsa terutama sekali di negara kita yang saya difahamkan yang ditakrifkan lapangan antarabangsa di negara kita ini ialah lapangan antarabangsa Kuala Lumpur KLIA, Lapangan Antarabangsa Kota Kinabalu, Kuching, Langkawi dan juga Pulau Pinang. Ada pun lapangan-lapangan terbang yang lain, di kira sebagai lapangan terbang tempatan seperti Lapangan Terbang Kota Bahru, Alor Setar dan juga Kula Terengganu dan Kuantan serta Ipoh.

Apa yang saya ingin mohon penjelasan, adakah apabila sesuatu keganasan dilakukan oleh orang-orang yang melakukan jenayah itu, di lapangan-lapangan terbang yang tidak termasuk dalam takrif 'Lapangan Antarabangsa' itu mereka boleh diambil tindakan di bawah pindaan akta ini.

Jika sekiranya tidak, apakah tindakan-tindakan yang perlu kita ambil jika sekiranya penjenayah-penjenayah itu melakukan perbuatan ataupun kesalahan-kesalahan jenayah mereka di lapangan-lapangan terbang tempatan seperti yang saya sebutkan tadi. Saya ingin mencadangkan supaya dalam takrif Lapangan Antarabangsa ini, dimasukkan takrif termasuk di dalamnya juga bagi Malaysia lapangan-lapangan terbang tempatan. Ini bagi memudahkan penguatkuasaan terhadap pelaku-pelaku ataupun penjenayah-penjenayah yang mungkin sememangnya mempunyai tujuan-tujuan tertentu bagi mewujudkan kacau bilau, bukan sahaja di Lapangan Terbang Antarabangsa, ataupun di penerbangan antarabangsa tetapi juga penerbangan tempatan yang mungkin orang-orang yang ada di dalam kapal terbang itu terdiri daripada orang-orang yang datang dari pelbagai negara yang pada pengertiannya tentulah mereka ini juga termasuk dari kalangan bangsa antarabangsalah. Maka dengan sebab itu, jika perlakuan-perlakuan jenayah ini dilakukan, di bawah akta manakah kita boleh mengambil tindakan, maka dengan sebab itulah saya berpandangan....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat. Minta laluan, boleh Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang ciri-ciri keselamatan lapangan terbang dalam negeri. Adakah pandangan Yang Berhormat bahawa ciri-ciri keselamatan dalam negeri kurang memuaskan kalau dibandingkan dengan lapangan terbang antarabangsa dan keganasan juga boleh berlaku dalam lapangan terbang dalam negeri dan bukan sahaja antarabangsa, terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya perlakuan-perlakuan jenayah ini dia boleh berlaku di mana sahaja. Sama ada di kawasan lapangan terbang antarabangsa ataupun di kawasan-kawasan lapangan terbang tempatan. Oleh yang demikian saya kira dari segi tindakan keselamatan, langkah-langkah keselamatan kerana langkah-langkah keselamatan ini ia dijalankan oleh pihak yang berkuasa dalam negeri kita. Dalam negara kita Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ia tugas, dipertanggungjawabkan kepada orang-orang ataupun pegawai-pegawai di dalam negara kita. Begitu juga di kawasan-kawasan lapangan tempatan. Oleh yang demikian, dari segi keselamatan saya rasa awalnya kalau adapun perbezaan ialah semata-mata di kawasan-kawasan lapangan terbang antarabangsa itu kita menerima orang-orang luar melalui jabatan imigresen.

Jadi, di lapangan terbang dalam negara kita ini, lapangan terbang tempatan saya katakan, ia tidak memerlukan pegawai-pegawai imigresen. Kerana orang yang mungkin datang itu, ialah orang-orang dalam negeri ataupun orang luar negeri yang sudah diperiksa pasport mereka di jabatan imigresen di lapangan-lapangan terbang antarabangsa. Kemudian mereka bebas, hendak melancong di negara kita ini. Jadi persoalan-persoalan yang penting apabila kita tidak memasukkan dalam pengertian undang-undang kita ini daripada fahaman sayalah lapangan terbang tempatan, maka ia akan menyulitkan penguat kuasa-penguat kuasa yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan sesuatu perbuatan jenayah yang dilakukan oleh mana-mana jua orang, kadang-kadang oleh orang dalam negeri itu sendiri dan boleh juga boleh melakukan sesuatu jenayah itu oleh orang datang daripada luar negeri. Maka dengan sebab itu dari menjaga mengawal keselamatan itu saya rasa sama ada dalam ataupun

luar sama sahaja. Sama ada antarabangsa ataupun lapangan terbang tempatan lebih kurang sama.

Saya boleh setuju, maknanya gangguan-gangguan mungkin berlaku terutama sekali pada masa ini, macam-macam orang hendak memburukkan sesebuah negara.

Mereka menghantar orang-orang yang khusus untuk melakukan sesuatu perbuatan yang kadang-kadang kemudiannya disalahkan kepada anak negeri itu, padahal anak negeri itu tidak melakukan apa-apa tetapi ianya telah dibayar dengan upah tertentu.

Pada masa ini, saya melihat misalnya Gerakan, Gerakan CIA Antarabangsa sekarang ini, Gerakan Yahudi Antarabangsa. Mereka sekarang ini sanggup membayar upah berjuta-juta untuk seseorang itu melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keselamatan di sesebuah negara, terutama sekali kalau kita katakan orang Islam, mereka sekarang ini hendak mencari jalan setiap kesalahan itu mesti disalahkan orang Islam di dalam negeri itu. Kalau ada kekejaman, ada keganasan ada jenayah mereka katakan bahawa ini telah dilakukan oleh orang-orang Islam di dalam negeri itu.

Ini memang suatu Gerakan Antarabangsa yang dilakukan oleh Gerakan Yahudi Antarabangsa dan juga Gerakan Agen CIA.

Datuk Haji Karim Ghani: Minta laluan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan Datuk Haji Karim Ghani.

Datuk Haji Karim Ghani: Kepada apa yang Yang Berhormat terangkan tadi, memang satu perkara yang sangat membimbangkan tetapi adakah bukti-bukti yang boleh diketengahkan sahih bahawa perkara ini berlaku atau cuma tuduhan-tuduhan sahaja. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk memberikan bukti-bukti secara jelas, secara nyata itu tentulah saya di sini tidak dapat membuktikan secara jelas dan nyata tetapi berdasarkan kepada pembicaraan-pembicaraan, misalnya apa yang telah berlaku di Bali itu akhirnya Pemimpin-pemimpin Gerakan Islam, walaupun telah dinyatakan di dalam mahkamah bahawa ini adalah

perancangan Amerika tetapi tentunya apabila di dalam perbicaraan mahkamah juga mahu mendengar keterangan-keterangan saksi-saksi daripada pihak lain.

Apa yang penting bagi saya ialah sebagaimana yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi, persoalan keselamatan sehingga jangan Lapangan Terbang Antarabangsa dan juga lapangan terbang tempatan di negara kita ini boleh dipergunakan oleh orang-orang yang sengaja hendak menimbulkan kekacauan ataupun menimbulkan suatu suasana sehingga kita ini dilemparkan dengan tuduhan tidak baik di kalangan antarabangsa dan juga di kalangan penduduk dalam negeri kita.

Saya mohon, ini saya bagi pandanganlah saya kira kena masuk kalau boleh dibuat suatu pindaan ke atas pindaan akta yang dibentangkan ini bahawa sesungguhnya dalam pengertiannya dimasukkan lapangan-lapangan terbang tempatan supaya memudahkan pihak yang berkuasa untuk melakukan tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi mengawal keselamatan dan kesejahteraan terutama sekali penumpang dan juga kapal terbang itu sendiri dan juga lapangan terbang itu sendiri. Saya rasa cukup sekadar itu, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan.

12.53 tgh.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin pohon secara amnya bahawa sekiranya terdapat apa-apa pindaan rang undang-undang yang bakal dilakukan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum pada itu, saya cuma pohon untuk rizabkan setengah minit kepada saya untuk membuat satu pengumuman sekejap lagi. So, Yang Berhormat boleh membahaskan sehingga jam 12.59 tengah hari.

Tuan Tay Puay Chuan: Baik Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin pohon bahawa pada masa-masa akan datang sekiranya ada apa-apa pindaan yang bakal dilakukan ke atas undang-undang, senaskhah undang-undang ataupun akta sama ada akta ataupun akta ibu dibekalkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator. Saya percaya ataupun saya sedar bahawa kita ada perpustakaan, cuma untuk kemudahan ataupun kepentingan Senator-senator di luar Kuala Lumpur agak sukar untuk mereka membuat

sesuatu carian ataupun penyelidikan di Perpustakaan Parlimen ini kerana masa terlalu suntuk, selalunya kita dibekalkan sesalinan rang undang-undang mungkin dalam seminggu sebelum persidangan.

Kalau boleh saya pohon pada masa-masa akan datang dibekalkan senaskhah akta, sesalinan. Yang kedua izin saya rujuk kepada.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan ucapan sehingga habis pada jam pukul 1 tengah hari.

Tuan Tay Puay Chuan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang cuma izinkan saya merujuk kepada seksyen baru 10(A) yang di cadang untuk satu seksyen dimasukkan selepas Seksyen 10. Izinkan saya rujuk kepada 10(A1) dan juga (a) dan (b) iaitu izinkan saya baca seksyen tersebut berbunyi demikian:

“Tertakluk kepada subseksyen 3, seseorang melakukan sesuatu kesalahan di bawah ini, jika dia dengan menyalahi undang-undang dan dengan sengaja menggunakan apa-apa peranti, bahan atau senjata:

- (a) melakukan suatu tindakan keganasan terhadap seseorang di lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awal antarabangsa, yang menyebabkan atau yang berkemungkinan menyebabkan kecederaan serius atau kematian atau memusnahkan atau merosakkan dengan serius apa-apa kemudahan sesuatu lapangan terbang.....lagi”.

Jadi yang saya ingin tegaskan di sini ialah bahawa seseorang itu melakukan sesuatu kesalahan sekiranya kesalahan itu menyebabkan kecederaan serius atau kematian kepada seseorang, apa akan terjadi kalau sesuatu kecederaan itu dilakukan tidak serius ataupun kecederaan ringan ke atas seseorang. Kita tidak dapat dakwa seseorang itu yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen ini; dan..

- “(b) memusnahkan atau merosakkan dengan serius apa-apa kemudahan suatu lapangan terbang.”

Jadi, kalau sesuatu perbuatan itu dilakukan, sesuatu pemusnahan itu dilakukan tidak serius, maka kita tidak dapat dakwa di bawah akta ini.

Saya sedar bahawa tadi Tuan Yang di-Pertua pun ada mengatakan bahawa sekiranya tiada peruntukkan khas di bawah akta ini, maka mungkin boleh menggunakan undang-undang yang lain untuk mendakwa sesuatu kesalahan. Cuma rasa saya alang-alang, memandangkan kita pun telah ada akta yang khusus ini, jadi seboleh-bolehnya kita merangkumi, memasukkan mencakupi semua kesalahan sama ada kesalahan yang dilakukan serius apa pun tidak tetapi kalau sesuatu itu dilakukan *amounting to an offence*, dengan izin adalah sesuatu kesalahan, tidak kira ringan ataupun serius, maka harus boleh didakwa di bawah akta ini. Dengan itu.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu definisi berkaitan dengan perkataan serius ini.....

Tuan Tay Puay Chuan: Benar.

Timbalan Yang di-Pertua: Supaya kita tahu setakat mana serius hendak.....

Tuan Tay Puay Chuan: Bukan sahaja satu definisi ke atas kesalahan serius, maksud saya *even though* - sungguh pun bukan satu kesalahan serius tetapi sesuatu kesalahan itu dilakukan mungkin tidak serius tetapi ia tetap akan merupakan satu kesalahan. Sesuatu perbuatan yang dilakukan ke atas penerbangan ataupun ke atas seseorang di lapangan terbang, itu adalah satu kesalahan saya rasa boleh didakwa di bawah akta ini.

Dalam keadaan sedemikian ataupun apa yang termaktub dalam rang undang-undang ini cuma kesalahan serius sahaja ataupun kerosakan serius sahaja kita boleh dakwa di bawah akta ini. Tidak untuk kesalahan tidak serius ataupun sesuatu kerosakan yang tidak serius dilakukan ke atas apa-apa kelengkapan penerbangan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Wan Ubaidah binti Omar.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teringat suatu peristiwa di mana seorang remaja telah bergurau bahawa dia mempunyai sepucuk pistol di dalam penerbangan yang menyebabkan penerbangan itu tergendala. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, adakah perlu untuk dinyatakan bahawa di dalam kapal terbang ataupun di lapangan terbang, kesalahan-kesalahan ini yang mungkin tidak dipandang serius tetapi boleh menyebabkan tergendalanya sesuatu

penerbangan boleh dijadikan satu kesalahan yang boleh dikenakan suatu bentuk denda ataupun amaran dan sebagainya. Minta pandangan, terima kasih.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Yang Berhormat, bagi sesuatu pernyataan yang palsu. Saya rasa tidak jatuh dalam rang undang-undang ini kerana apa yang diutarakan dalam rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan keganasan terhadap seseorang, itu yang pertama. Yang kedua ialah sesuatu perbuatan memusnahkan ataupun merosakkan peralatan ataupun kelengkapan penerbangan. Jadi tidak termasuk, cuma kita mungkin boleh menggunakan undang-undang yang lain untuk menangani masalah tersebut atau kesalahan tersebut iaitu kanun keseksaan. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri, apakah pandangan Yang Berhormat tentang kita memerlukan satu tafsiran mengenai dengan kesalahan yang serius kerana di sini untuk membezakan di antara yang serius dengan tidak serius agak sukar ditentukan. Apakah dalam akta ini memerlukan satu tafsiran tentang kesalahan serius? Apakah itu maksudnya?

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat sebab itu tadi saya katakan kita harus dibekalkan dengan satu akta yang lengkap sama ada akta ibu tersebut telah pun ada definisi kesalahan serius. Kita tidak ada sebab. Kita ada Senator-senator yang tidak dapat membuat penyelidikan ataupun *research* kerana kesuntukan masa. Macam saya daripada luar Kuala Lumpur, sungguhpun saya seorang peguam, pengamal undang-undang tetapi perpustakaan pejabat saya tidak mempunyai Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984. Kalau sekiranya akta ibu tiada definisi kesalahan serius, maka ia harus dimasukkan di dalam rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masa telah pun cukup. Saya tangguhkan Dewan ke jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat bersambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Kita sambung perbincangan di atas masalah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang iaitu Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005.

USUL

MENARIK BALIK DAN MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 61 saya mohon mencadangkan untuk menarik balik Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya meneliti Peraturan Mesyuarat 61 dan bersetuju, baiklah Yang Berhormat. *[Tepuk]* Apa yang tepuk ini? Bukan ada kemenangan atau kekalahan, negara yang menang.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua

2.34 ptg.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Waalaikumussalam.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu, dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah kedudukan ekonomi negara terus menunjukkan arah aliran yang positif. Bagi tahun 2004 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mencatat pertumbuhan 7.1% melebihi sasaran 7% yang dibentangkan semasa Bajet 2005. Kedudukan ekonomi yang memberangsangkan ini telah dapat kita capai walaupun dalam keadaan persekitaran luaran yang tidak menentu terutamanya dalam keadaan pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang sederhana, kenaikan harga minyak global dan bencana tsunami yang berlaku pada tempoh separuh kedua tahun 2004.

Cabaran-cabaran ini telah dapat kita harungi melalui pengurusan mikro ekonomi negara yang cekap dan pragmatik. Kita terus mengekal dasar fiskal yang berkhidmat dan dasar kewangan yang *accommodative* bagi menyokong kecergasan aktiviti sektor swasta yang kini semakin berperanan menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Defisit perbelanjaan kerajaan telah dapat dikurangkan kepada 4.3% iaitu lebih rendah daripada sasaran asal iaitu 4.5%.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang suku pertama tahun 2005, kegiatan ekonomi negara kita terus berkembang. Ini dapat kita lihat melalui petunjuk-petunjuk ekonomi utama. Misalnya kedudukan paras rizab antarabangsa negara terus kukuh dan meningkat ketara kepada RM278.3 bilion atau USD73.2 bilion pada pertengahan Mac 2005 berbanding hanya RM195.1 bilion atau USD51.3 bilion pada bulan Mac 2004.

Manakala hasil eksport bertambah 16% kepada RM46.67 bilion pada bulan Mac 2005 berbanding bulan yang sama pada 2004. Pada masa yang sama import berkembang sebanyak 8.7% kepada RM36.29 bilion, lebihan dagangan bagi bulan Mac 2005 adalah sebanyak RM12.4 bilion iaitu peningkatan 51.2% berbanding bulan Mac tahun lalu. Ini adalah lebihan dagangan tertinggi yang dicatatkan setakat ini sekali gus mengekalkan lebihan dagangan negara selama 89 bulan berturut-turut sejak bulan

November tahun 1997. Pada tempoh yang sama juga, indeks pengeluaran perindustrian perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta menunjukkan aliran yang semakin meningkat. Insya-Allah, prospek ekonomi negara pada tahun 2005 dijangka kekal memberangsangkan dengan KDNK dianggarkan berkembang pada kadar antara 5% hingga 6%.

Ini adalah berasaskan tanda-tanda perkembangan ekonomi terpilih yang telah diterangkan di atas tadi. Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkat dan melaksanakan strategik serta langkah-langkah untuk mempertahankan kecergasan pertumbuhan dan kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan kedua tahun 2004 ini, dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan, iaitu memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2004 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Keseluruhan peruntukan tambahan yang dibentangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua ini 2004 ini adalah berjumlah RM15,065.1 juta.

Daripada jumlah ini hanya RM9,738.7 juta dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Manakala bakinya sebanyak RM5,326.4 juta merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada undang-undang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memperincikan keperluan tambahan ini, suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa daripada RM15 bilion tambahan yang dipohon, hanya RM8 bilion merupakan pindahan lebih tunai daripada akaun hasil disatukan bagi tahun 2004. Kepada Kumpulan Wang Pembangunan, pindaan ini perlu ditunjukkan sebagai sebahagian daripada perbelanjaan mengurus tahun 2004.

Selain itu sebanyak RM3 bilion diperlukan bagi membayar balik cukai hasil dalam negeri yang telah terlebih bayar di bawah Sistem Taksir Sendiri yang baru kita perkenalkan. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita telah mempercepatkan pembayaran balik ini kepada pembayar cukai yang telah terlebih bayar. Mana kala sebanyak RM1.2 bilion pula merupakan tambahan bagi membiayai pembayaran bonus tahun 2004 untuk kakitangan kerajaan. Peruntukan bagi pembayaran bonus

sememangnya tidak diperuntukkan dalam setiap anggaran bajet tahunan. Saya juga ingin memaklumkan bahawa cadangan tambahan ini telah pun diambil kira dalam pengiraan defisit 4.3% seperti yang diumumkan terdahulu.

Perbelanjaan tanggungan sebanyak RM5,326.4 juta telah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan bagi membiayai perkara-perkara berikut

- (i) tambahan sebanyak RM850 ribu untuk Maksud T.1. Peruntukan Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi perbelanjaan lawatan dalam negeri dan perbelanjaan bagi Majlis Bulan Ramadan;
- (ii) tambahan sebanyak RM161,400 untuk Maksud T.2 - Elaun-elaun Diraja bagi membiayai kenaikan Elaun-elaun Diraja kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda bekas Raja Permaisuri Agong.
- (iii) tambahan sebanyak RM3,150 juta adalah untuk Maksud T.12 – Perbendaharaan bagi membiayai perbelanjaan seperti berikut:
 - (a) sejumlah RM3000 juta adalah merupakan bayaran balik, bayaran ganti dan penebusan bagi cukai-cukai hasil dalam negeri.
 - (b) sejumlah RM150 juta adalah untuk pemberian pertambahan hasil persekutuan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan kepada Akta Pertambahan Hasil 1977 Pindaan 1990.
- (iv) tambahan sebanyak RM1,726.4 juta adalah untuk Maksud T.13 - perbelanjaan kerana hutang negara bagi menampung bayaran faedah, dividen dan lain-lain kenaaan bayaran hutang negara pada tahun 2004; dan
- (v) tambahan sebanyak RM449 juta adalah untuk Maksud T.14 - pencen, elaun bersara dan ganjaran adalah bagi membiayai bayaran kepada pesara.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan perbelanjaan bekalan sebanyak RM9,738.7 juta yang dipohon di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang adalah untuk maksud seperti berikut:

- (i) merekod semula pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka (CFAW) sebanyak RM340.3 juta;
- (ii) membiayai tambahan langsung sebanyak RM1,299.3 juta; dan
- (iii) memindahkan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2004 sebanyak RM8,099.1 juta ke Kumpulan Wang Pembangunan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Prosedur Kewangan 1957.

Sebanyak RM340.3 juta yang akan direkod semula kepada Kumpulan Wang Luar Jangka (CFAW) telah dikeluarkan untuk tujuan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM234.2 juta bagi Maksud B.12, Perkhidmatan Am (Perbendaharaan) bagi membiayai bayaran pampasan tol Lebuhraya Damansara-Puchong dan mengambil alih Lebuhraya Seremban-Port Dickson dan program penyusunan semula pengangkutan awam Lembah Klang;
- (ii) sebanyak RM54 juta di bawah Maksud B.50 untuk Kementerian Pertahanan untuk membiayai bayaran pendahuluan kepada 35 buah kem tambahan, membayar yuran juru perunding, gaji kakitangan sambilan, kursus *Training of Trainers*, dengan izin, insurans, iklan dan peralatan tambahan bagi Program Latihan Khidmat Negara; dan
- (iii) sebanyak RM52.1 juta, Kementerian Luar Negeri untuk membiayai bayaran elaun perbezaan sara hidup, bayaran emolumen untuk kakitangan baru Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan, bonus untuk kakitangan sambilan tempatan, perwakilan dan sumbangan Kerajaan Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) untuk mendirikan sekolah di Jenin, Palestin, sumbangan kepada mangsa gempa bumi di

Bam, Iran dan mangsa banjir di Bangladesh serta mangsa kemalangan kereta api di Lonchun, Korea.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM1,299.2 juta adalah cadangan tambahan secara langsung yang dipohon untuk tujuan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM14.9 juta untuk Maksud B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menampung bayaran elaun sara hidup dan yuran pengajian pelajar dan pegawai tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam di luar negara berikutan daripada kenaikan kadar pertukaran mata wang asing;
- (ii) sebanyak RM18.7 juta untuk Maksud B.14 - Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi pada tahun 2004;
- (iii) sebanyak RM47.5 juta untuk Maksud B.15 - Kementerian Luar Negeri bagi membiayai pembukaan 6 kedutaan baru, kenaikan kadar pertukaran wang asing, peningkatan kadar sewaan di perwakilan, pembayaran kos perkhidmatan-perkhidmatan dan kenaikan kadar tarif utiliti di luar negara;
- (iv) sebanyak RM906.1 juta untuk Maksud B.41 - Kementerian Pelajaran bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi bagi tahun 2004;
- (v) sebanyak RM257.8 juta untuk Maksud B.50 - Kementerian Pertahanan bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2004 serta bayaran insentif Anugerah Khidmat Cemerlang; dan
- (vi) lain-lain tambahan adalah untuk Maksud B.3 - Jabatan Audit Negara, tambahan sebanyak RM208,070 dan sebanyak RM1,310 untuk Maksud B.9 - Badan Pencegah Rasuah bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2004.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua Tahun 2004 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 2005 dan

Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14A Tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai Yang Berhormat sendiri hadir untuk membentangkan. *[Tepuk]* Yang Berhormat juga memberi harapan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain agar mereka juga satu hari nanti menjawat jawatan-jawatan menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

2.51 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang baru dibentangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati RM15 bilion yang dipohon itu adalah satu amaun yang besar dan sungguhpun negara pada masa sekarang telah mencapai satu pertumbuhan ekonomi seperti yang diterangkan tadi yang....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar? Saya dapati masih ada 31 Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak mengambil bahagian dalam membahas Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi sebentar tadi saya tidak nampak seorang pun daripada 31 yang ada di dalam senarai saya ini bangun, maka saya panggil Dato' Dr. Chin Fook Weng. Ini peluang kedua bagi beliau, saya berharap janganlah terlalu panjang untuk memberi peluang kepada orang lain. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Saya tidak bertujuan untuk membahaskan dengan panjang lebar, hanya beberapa isu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapati adalah penting.

Yang pertama yang saya ingin menyentuh ialah tentang Maksud T.12 iaitu untuk Perbendaharaan. Baru-baru ini kita telah menghadapi masalah apabila pembayar-pembayar cukai itu diperlukan menghantar semua penyata mereka pada akhir bulan April, 20 April dan sungguhpun itu sudah terlepas tetapi kita dimaklumkan bahawa lebih kurang 1 juta orang lagi yang tidak berbuat demikian dan saya tidak tahu keadaan sebenarnya.

Jadi berdasarkan kepada apa yang telah berlaku adalah baiknya kerana sekarang ada satu peruntukan di bawah T.12 di mana RM3 bilion telah diperuntukkan untuk membayar balik sekiranya mereka ini telah bayar lebih daripada apa yang diperlukan. Saya berharap bahawa proses itu akan dipercepatkan. Saya dengar bahawa proses dalam masa satu bulan daripada permohonan, mereka akan dibayar balik amaun yang terlebih bayar itu. Saya ingin tahu kenapa mereka mesti buat permohonan. Kenapa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri itu dengan serta-merta bayar mengikut satu jadual mereka kerana rakyat itu diminta menjelaskan pada masa tertentu.

Jadi saya berharap jangan kita menggunakan *double standard*, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga berbuat demikian, jangan tunggu sehingga mereka buat permohonan, baru bayar balik dan kalau mereka diam diri, kerajaan juga diam diri, itu pada saya tidak patut kerana kerajaan telah tetapkan tarikh untuk rakyat itu jelaskan perkara ini dan rakyat telah mematuhi, jadi kerajaan kena mengikut teladan seperti yang diharapkan untuk diikuti oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna kuasa yang hebat yang ada pada Lembaga itu telah diberikan oleh Parlimen secara tidak langsung dan kini seorang Ahli Parlimen tegur mengenai cara menggunakan kuasa itulah.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah itu maksud Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu dari segi implementasi, dari segi pelaksanaan. Selalunya apabila kita bagi kuasa, kita bagi kuasa dengan ikhlas supaya ia dapat

dilaksanakan dengan baiknya, Tuan Yang di-Pertua dan itu adalah harapan kita. Tetapi apabila kita tegur, itu bermakna ada masalah. Pada hari ini Menteri berkenaan ada hadir dan beliau pun bersetuju dengan saya tadi apabila saya bentangkan perkara ini.

Jadi saya berharap berasaskan kepada apa yang berlaku, maka satu perkembangan baru akan dilaksanakan supaya isu ini tidak dibangkitkan dan kita tunggu sahaja, tiba-tiba satu cek akan datang kata, "Ini bayaran balik", dan kita kalau terima macam ini kita rasa puas hati bahawa sistem penyampaian kerajaan telah meningkat dan itu satu kepujian kepada kementerian.

Isu yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud T.13 yang saya ingin bangkitkan ialah perbelanjaan yang dipohon kerana hutang negara. Ini adalah satu perkara yang menjadi isu di negara lain. Sekarang kita diminta meluluskan RM1.726 bilion untuk bayaran hutang negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya berjumpa dengan wakil rakyat dari Philippines, mereka telah memberitahu saya di Philippines sekarang mereka kena khaskan lebih kurang 34% dalam pendapatan negara untuk bayar hutang negara dan bagi mereka ini adalah satu beban yang begitu besar...

Tuan Yang di-Pertua: Beban.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ha, beban yang begitu besar dan sukar...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab orang Pulau Pinang kalau disebut beban ertinya degil. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Jadi dengan masalah ini rakyat di Philippines itu menderita kerana bebanan yang begitu besar bagi negara.

Saya berharap kita tidak akan ikut contoh ini dan amaun ini sungguhpun besar tetapi mungkin tidaklah begitu besar sehingga apa yang berlaku di negara yang saya sebutkan itu. Dan kalau kita tidak mengawasi mungkin perkara ini akan berkembang dan satu hari nanti kalau tidak dijaga dengan baik, maka kita juga akan menghadapi masalah. Saya berharap apa yang kita pinjam itu, kita gunakan dengan bijaksana supaya ia dapat menghasilkan lebih pemulangan kepada rakyat demi kebaikan semua pihak. Itu yang penting dan saya minta supaya T.13 itu diawasi dengan baik supaya ia tidak meningkat sehingga satu tahap di mana kita tidak dapat mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di bawah Maksud B.9 – Badan Pencegah Rasuah hanya minta RM1,310. Ini bagi saya satu amaun yang begitu kecil dan nampaknya dari segi pengurusan kewangan mereka, mungkin mereka buat dengan baik dan ini patut dicontohi oleh kementerian-kementerian lain. Jangan minta sehingga beberapa bilion pada setiap kali. Sepatutnya bila kita kata tambahan, kalau kita rancang dengan baik, maka itulah amaun dia. RM1,310 tidak cukup bayar gaji seorang pegawai pun tetapi itu yang mereka mohon, RM1,310 sahaja.

Dan saya berharap ini akan diperkatakan dan diumumkan kepada semua pihak supaya ikutlah cara baik ini. Saya memuji BPR dan harap dengan teladan ini, maka mereka boleh menunjukkan prestasi yang lebih baik kerana banyak sekarang diharapkan kepada pihak BPR ini.

Pada masa sekarang, Perdana Menteri kita sedang mempergiatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ketulusan, rasuah dan sebagainya, dan ini memerlukan pihak BPR supaya memainkan satu peranan yang lebih besar dan dari segi urusan kewangan, nampak mereka berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.12 ada tiga peruntukan yang dipohon. Saya hanya ingin menyentuh tentang RM50 bilion yang dipohon untuk penyusunan semula pengangkutan awam di Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meluluskan perkara Rapid KL pada November tahun lepas, kita telah luluskan RM10 juta bagi tujuan mereka menggabungkan STAR LRT, PUTRA LRT, Bas Intrakota untuk menyusun semula. Adakah penyusunan semula ini yang telah mengguna RM10 milion sebagai sumbangan daripada kerajaan telah mendapat kejayaan dan sekarang kita diminta untuk meluluskan RM50 juta lagi bagi maksud yang sama. Apabila dipohon pada masa itu, kita diberitahu bahawa ini adalah satu projek perintis dan kalau berjaya, akan diperkenalkan kepada bandar-bandar lain seperti Pulau Pinang, Johor Bahru, Ipoh dan sebagainya di mana sistem pengangkutan awam itu pun kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya satu projek perintis macam ini di Lembah Klang, ia akan menjadi satu projek yang akan memberi satu gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana kerajaan dapat memperkemaskan lagi sistem pengangkutan awam dan saya harap tidak lama lagi akan diperkenalkan kepada

bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Johor Bahru dan juga Ipoh supaya dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.15 iaitu Kementerian Luar Negeri. Saya dapati satu kos yang besar yang dipohon ialah untuk membuka enam kedutaan baru iaitu RM47.4 juta itu dipohon dan tambahan juga RM39 juta dipohon untuk elaun perbezaan sara hidup memandangkan keadaan luar negara itu mungkin kos kehidupan lebih tinggi dan kedua-dua amaun ini adalah sangat besar. Saya berharap sebelum kita membuka kedutaan baru itu, kita telah mengkaji ia dengan mendalam supaya ia akan betul-betul membawa faedah kepada negara kita. Kalau tidak, mungkin lebih baik dan lebih murah kalau kita melantik seorang dalam satu negara dan minta duta kita itu menjaga beberapa negara di rantau itu atau di keliling itu. Sebagai contoh, di Caribbean mungkin kita lantik duta kita di Barbados dan kemudian diletakkan juga duta bersama kepada negara-negara berjiran itu supaya kita dapat jimatkan kos. Ini adalah cadangan supaya perkara ini dikaji balik kerana kita telah memerlukan lebih kurang RM86 juta untuk tujuan ini.

Satu lagi di bawah B.15 ialah RM13 juta untuk sumbangan Kerajaan Malaysia kepada beberapa negara yang menghadapi masalah seperti Palestin, Iran, Bangladesh dan Republik Korea. Adakah satu garis panduan yang jelas digunakan untuk kita menyumbang kepada mangsa-mangsa bencana seperti ini? Saya dapati apabila kemalangan kereta api berlaku di Jepun, kita tidak sumbangkan apa jua sungguhpun ada kematian, ada kerosakan harta benda. Tetapi apabila berlaku di Republik Korea – di Rongjiang itu, maka kita telah membuat sumbangan. Jadi apakah garis panduan untuk ini dan juga apabila tsunami itu berlaku Tuan Yang di-Pertua, kita dapati kita ada membantu negara-negara tertentu tetapi jiran kita, Thailand tidak membantu langsung sungguhpun ini adalah negara ASEAN. Jadi saya hendak tahu apakah garis panduannya untuk maksud ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, bagi Maksud B.50 iaitu Kementerian Pertahanan. RM54 juta telah dipohon untuk Program Latihan Khidmat Negara. Kita baru-baru ini melihat satu situasi di mana seorang yang tidak hadir pada program ini telah disabitkan kesalahan dan kemudian didapati kesnya tidak patut dibawa ke mahkamah, mungkin boleh diselesaikan kerana keadaan-keadaan tertentu yang

munasabah dan saya tidak tahu kenapa kes ini telah dibawa ke mahkamah dan selepas itu semua pihak dan kerajaan telah berasa bahawa perkara semacam ini tidak patut berlaku dan sekarang kita diberitahu AG akan rayu kepada mahkamah supaya kurangkan denda yang dikenakan kepada budak ini. Sekarang Kerajaan Perlis telah membantu budak ini supaya dapat pekerjaan dan sebagainya.

Jadi pada saya, ini..

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah sebab daripada sebab-sebab kesalahan budak yang telah dibicarakan di mahkamah dan mengaku salah itu kerana kurang penyiasatan yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa sehingga anak itu apabila dia datang ke mahkamah, dia mengaku begitu sahaja. Oleh yang demikian, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya sebarang tindakan yang hendak dilakukan ke atas anak-anak kita yang sepatutnya menyertai latihan ini dibuat penyiasatan yang lebih mendalam supaya ia tidak dianggap suatu penganiayaan terhadap keluarga mereka. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, semua pihak telah bersetuju bahawa dalam kes ini, satu perkara yang luar biasa yang tidak disengajakan telah berlaku dan oleh kerana itu, kita patut mengambil contoh ini sebagai satu ajaran kepada kita supaya perkara ini tidak diulangi pada masa hadapan. Jadi bagi saya, itu sudah memadai kerana semua pihak sudah menyesal dengan apa yang telah terjadi dan sedang dalam proses mengambil tindakan untuk membetulkan keadaan sedemikian. Jadi, itulah sistem kita dan didapati mungkin semua pihak itu salah termasuk budak itu sendiri yang mungkin tidak memberitahu dengan jelas kenapa dia tidak boleh hadir.

Jadi, berasaskan kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Daripada peristiwa ini, apa pula tanggapan Yang Berhormat terhadap masalah-masalah menegakkan *the rule of law* di negara kita?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Dulu Yang Berhormat juga mengambil bahagian dalam membuat undang-undang yang sama.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betul. Dari segi pelaksanaan Tuan Yang di-Pertua. Bagi kita, kita guna kebijaksanaan. Kita bagi ruang kepada para hakim untuk membuat keputusan berasaskan kepada kes-kes yang dibentangkan di hadapan mereka. Jadi, itulah menunjukkan ada undang-undang sungguhpun kena dipatuhi, kena didaulatkan. Maka, masih ada ruang di mana kita menunjukkan simpati, menunjukkan kebijaksanaan dan oleh kerana itu, kita dapati sungguhpun satu kesalahan itu, tetapi mungkin denda itu berbeza-beza. Ada yang hanya diberi amaran, ada digantung, ada dipenjarakan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna keluhuran undang-undang masih perlu ditegakkan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya. Itu tidak dipertikaikan Tuan Yang di-Pertua. Semua pihak termasuk Menteri Pertahanan sendiri kata kena ikut tetapi ada ruang untuk memastikan perkara semacam ini tidak berlaku. Baru-baru ini, ada satu pemikiran yang baru, sama ada mereka yang tidak hadir itu diminta buat perkhidmatan masyarakat sebagai ganti, sebagai satu hukuman, sebagai satu denda kepada mereka iaitu mungkin beberapa jam khidmat masyarakat, tiap-tiap hari minggu sapu jalan atau lawat rumah uzur, lawat hospital dan memberi masa mereka supaya ini adalah satu denda bagi tidak menghadiri program yang diwajibkan itu. Itu adalah satu pendekatan yang baru. Itu menunjukkan kebijaksanaan kita untuk mengatasi sesuatu perkara.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya kekecohan itu bukan terbit dari sentimen untuk mengetepikan keluhuran undang-undanglah.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tidak. Nampaknya tidak. Kita ada cara-cara lain dan kita baru-baru ini membahaskan perkara ini dalam konteks kesesakan dalam penjara. Itu juga menjadi satu sebab kenapa kita tidak mahu tiap-tiap kes itu didenda, dipenjarakan dan sebagainya. Mungkin ada cara-cara lain yang boleh mencapai apa yang dihasratkan tanpa dihantar ke mahkamah dan kemudian ke penjara. Mungkin itu adalah satu penyelesaian yang lebih baik, lebih munasabah dan mungkin akan mendapat sokongan yang lebih daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan satu Jawatankuasa Khas Parlimen yang telah ditubuhkan untuk mengkaji aspek-aspek program ini dan saya berharap jawatankuasa ini akan mengambil kira semua termasuk perbelanjaan yang begitu tinggi untuk melaksanakan program ini, sama ada ia telah meningkatkan perasaan patriotisme yang diharapkan itu dan sama ada ia telah memberi peluang kepada semua golongan pemuda-pemudi kita supaya rasa lebih taat, lebih setia dan sebagainya kepada negara. Saya berharap dalam kajian yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Khas Parlimen ini, semua aspek diambil kira. Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Muhammad.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.....

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini susah sikit saya hendak dengar rungutan saya tidak beri peluang bercakap.

3.14 ptg.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Di sini, saya tidak hendak bercakap panjang, saya hendak pendekkan sahaja iaitu berhubung dengan B.14 – Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Kita tahu perkembangan ekonomi pada masa kini meningkat dari masa ke semasa dan juga kita berterima kasih kepada pihak kastam kerana telah mendapat kutipan cukai kastam begitu membanggakan kerana banyak peningkatan dari setahun ke setahun.

Di sini, saya hendak mempersoalkan ataupun hendak dapat jawapan daripada Menteri Kewangan sendiri, pertama, berkenaan pembayaran cukai kastam import, yang mana pihak peniaga telah memajukan atau meletakkan satu harga mengikut pembelian ataupun invois mereka itu dan pihak kastam telah menaikkan harga berkenaan yang mana mereka fikir tidak sesuai. Selepas itu pihak peniaga telah membayar cukai yang seperti dikehendaki oleh pihak kastam. Maka, beberapa bulan, setahun, pihak kastam telah menghantar surat pula kepada pihak peniaga supaya membayar cukai balik kepada pihak kastam. Ini kita nampak tidak begitu *close* ataupun nampak pihak kastam antara satu sama lain tidak begitu bekerjasama, yang mana

sepatutnya apabila sesuatu benda itu telah dinaikkan, tidak perlu dinaikkan lagi. Apabila pihak peniaga tidak dapat membayar kerana barang itu telah dijual dan sebagainya, maka pihak kastam telah menghantar surat pula supaya stok tahan dagang tidak dapat membayar cukai yang lain, tidak dapat masuk barang-barang yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Ini bagi pendapat saya, merugikan pihak kastam kerana ditahan dagang pada syarikat-syarikat berkenaan. Jadi itulah.....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah masalah ini di peringkat individu atau ianya begitu berleluasa sehingga menjadi isu nasional?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Berleluasa Tuan Yang di-Pertua. Memang banyak dan selalu berlaku. Yang berlaku itu tetap berlaku dari masa ke semasa. Sepatutnya apabila pihak kerajaan sudah naik harga, tidak sepatutnya dua bulankah, setahunkah, barang itu dinaikkan lagi. Inilah, kita harap pihak kastam supaya ahli-ahli perniagaan tidak merasai bahawa seolah-olah kerajaan kita tidak prihatin kepada ahli-ahli perniagaan. Kita tahu undang-undang kita sudah betul tetapi cara pelaksanaan yang dibuat oleh kakitangan, kemungkinan ada cara-cara yang mereka buat itu, mengikut undang-undang ataupun tidak, terpulang kepada mereka. Jadi, di sinilah sebab saya pun dengan rungutan dan sungutan daripada pihak-pihak ahli perniagaan, yang mana berlaku sebegitu. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih. Maka, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Kasim.

3.18 ptg.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas Rang Undang-undang.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat merupakan di antara mereka yang tidak dapat peluang berucap.

Tuan Ismail bin Kasim: Ya. Tetapi saya banyak *interject* kawan-kawan, malah boleh dikatakan tiap-tiap.....

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah Yang Berhormat panjangkan sedikit.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut berbahas dalam satu akta iaitu menggunakan sejumlah wang dari kumpulan disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua yang telah membentangkan rang undang-undang ini tadi untuk kelulusan Dewan, kalau kita lihat pada suku pertama, iaitu penunjuk aras ekonomi, kita lihat kedudukan rizab negara, import, eksport dan sebagainya telah menunjukkan bahawa keupayaan kita sekarang, keupayaan kewangan berada di tahap yang cukup hebat dan lebih tertinggi iaitu 89 bulan sejak November 1997. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau diizinkan saya mengganggu sebentar.

Tuan Ismail bin Kasim: Silakan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bila saya imbas kembali soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan tambahan yang timbul bertubi-tubi masa satu jam yang terhad yang kita ada macam-macam timbul. Ini kita ada berjam-jam, berhari-hari dan peluang yang sama yang boleh ditimbulkan tidak ada pula yang hendak ditimbulkan. Ini yang menghairankan saya. Terima kasih, silakan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin menarik perhatian kepada Perkara 1 Jabatan Perdana Menteri dan saya ingin menyentuh perkara B iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu B07 sejumlah RM14,975,640.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin menarik perhatian Dewan ialah berhubung dengan beberapa perkara kerana perkara yang saya hendak bincang ini ada berkaitan dengan Parlimen sendiri dan juga ada kaitan dengan Kementerian Pelajaran. Umum mengetahui bahawa sekarang ini ada beberapa kementerian ataupun jabatan. Kita lihat berlaku suatu keadaan di mana ada sesetengah kementerian boleh kita masukkan kakitangan yang terdiri daripada Pegawai Tadbir Diplomatik untuk berkhidmat dan ada di antara kementerian yang kita lihat tidak boleh kita masukkan pegawai-pegawai PTD ini ke dalam kementerian berkenaan yang disebabkan ada sesuatu keadaan di situ yang ataupun persekitaran di situ yang tidak sesuai untuk Pegawai Tadbir Diplomatik berada di dalam kementerian berkenaan.

Pertama, saya ambil contoh benda ini berkaitan dengan Kementerian Pelajaran misalnya. Saya diberitahu oleh kawan-kawan termasuklah Ketua Pengarah

Kementerian Pelajaran yang lepas juga termasuk guru-guru iaitu kita lihat sekarang ini ada usaha-usaha untuk cuba memasukkan Pegawai-pegawai Tadbir Diplomatik dalam Jabatan Pelajaran Negeri dan juga dalam Kementerian Pelajaran sendiri. Kita lihat dunia pendidikan ini satu dunia yang cukup berlainan kerana untuk memahami tugas dan tanggungjawab ataupun amanah dalam Kementerian Pelajaran ini, dia kena mempunyai latar belakang perguruan, asas-asas perguruan dan asas-asas pendidikan. Kalau dia datang daripada luar daripada seorang pegawai PTD yang berkelulusan profesional yang lain mereka tidak faham bagaimana dalam kementerian ini ataupun mereka diserap dalam jabatan di tiap-tiap negeri bagaimana mereka hendak melaksanakan tugas dan memahami erti sebenar dunia pendidikan itu.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran Yang Berhormat Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein atas pengumuman yang dibuat dua tiga hari yang lepas iaitu untuk mewujudkan bahagian teknikal sendiri di Kementerian Pelajaran. Ini bermakna sebarang projek yang melibatkan Jabatan Pelajaran, yang melibatkan Kementerian Pelajaran, pembinaan sekolah, pembinaan makmal, pembinaan makmal komputer dan apa sahaja yang berhubung dengan Kementerian Pelajaran akan dibuat oleh bahagian teknikal. Yang ini saya bersetuju untuk kita bawa masuk PTDkah, atau yang berlatar belakang kejuruteraan dan sebagainya ataupun mereka yang ada pengalaman dalam mekanikal, elektrik dan sebagainya boleh dibawa masuk kerana bahagian teknikal ini bahagian khusus.

Tetapi untuk pentadbiran, untuk membuat dasar, untuk melihat keadaan-keadaan dan perkara-perkara yang berlaku kerenah-kerenah di dalam jabatan ini, PTD tidak akan dapat memahami perkara ini kerana hanya cikgu sahaja, yang berlatar belakang perguruan ataupun mereka yang berkhidmat daripada awal dalam dunia perguruan ini yang mereka mampu melaksanakan perkara ini kecuali Menteri tidak apalah sebab Menteri kalau tidak berlatar belakangkan perguruan pun dia boleh duduk di mana-mana kementerian kerana Menteri ini bersifat anjal sedikit. Dia boleh berada di mana-mana walaupun dia daripada Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dia boleh duduk di mana-mana sahaja. Tetapi untuk tenaga pentadbir, *implementor* ataupun tenaga pelaksana ini mesti mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak kaitkan sedikit dengan kedudukan Parlimen kita ini, begitu juga. Saya pohonlah pihak kerajaan terutama Jabatan Perkhidmatan Awam. Dahulu kita ada satu akta Parlimen mengenai kakitangan iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dan kita lihat akta ini sudah tiada lagi dan kita minta akta ini dihidupkan kembali oleh pihak kerajaan supaya memastikan kedudukan *legislative* Dewan ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun lupa istilah bahasa tetapi istilah Inggerisnya *refill*.

Tuan Ismail bin Kasim: *Refill* ya? *Refill* itu saya tahu Tuan Yang di-Pertua tetapi hendak *translate*.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh bagi izinlah.

Tuan Ismail bin Kasim: Dengan izin. Jadi kita melihat kalau mengikut Perlembagaan, jawatan untuk Setiausaha Dewan contohnya Tuan Yang di-Pertua ataupun Setiausaha Bagi Parlimen, jawatan ini adalah jawatan yang pelantikannya dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi bermakna kata, Parlimen ini mempunyai *pride* ataupun kemegahan tersendiri yang tidak perlu Parlimen yang mulia ini pembuat undang-undang, penggubal polisi, pelaksana dan termasuk kita meluluskan perbelanjaan tambahan pada hari ini. Kita perlu campur dengan bahagian eksekutif ataupun *judiciary*. Kita tidak boleh. Parlimen mesti ada Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen sendiri.

Bermakna kata, di dalam hal ini tidak boleh ada kakitangan ataupun pegawai yang dibawa masuk daripada luar untuk berkhidmat di bahagian undang-undang ataupun di mana-mana bahagian. Kalau di Parlimen, Parlimen melatih sendiri, rekrut sendiri bahagian perundangannya yang mana dia mengambil lepasan undang-undang daripada universiti sama ada IPTA dan lepasan luar negeri yang dilatih oleh Parlimen dan mereka ini mempunyai pengalaman dan menimba pengalaman setiap kali Parlimen *session* dan setiap kali mengendalikan, membuat undang-undang, meminda undang-undang dan sebagainya dan termasuk menolak undang-undang kalau undang-undang itu tidak bersesuaian dan sebagainya. Jadi tidak perlu untuk.....

Tuan Yang di-Pertua: Undang-undang tidak boleh ditolak, rang undang-undang boleh.

Tuan Ismail bin Kasim: Rang undang-undang. Di sini kalau kita melihat perkara ini sebab kita hendak meletakkan ini sebagai di mana-mana negara pun Parlimen adalah badan tertinggi negara dan pagi tadi pun kita lihat ada soalan yang dikemukakan oleh seorang Yang Berhormat kepada Menteri Luar Negeri berhubung dengan bagaimana sesebuah negara itu wujud, sebuah negara yang mengamalkan dasar demokrasi seperti Palestin yang kalau dasar-dasar yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu menerusi Majlis Keselamatan 242 dipersetujui oleh negara Israel kita akan menjalinkan hubungan diplomatik asalkan dia bagi sebuah negara mereka dan dia boleh mengikut proses undang-undang membenarkan Palestin mengadakan pilihan raya pada pertengahan tahun ini tanpa gangguan, tanpa mengatur, tanpa ada *grand design* yang boleh menyebabkan bahawa pilihan raya itu berada dalam keadaan yang tidak lancar yang boleh menyebabkan berlaku kekacauan dan sebagainya. Jadi Parlimen adalah sesuatu yang tinggi bagi setiap negara.....

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya Yang Berhormat ini cukup prihatin kepada apa yang dikupaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Parlimen kepada cabang eksekutif tempoh hari iaitu bila beliau menggariskan dengan jelas dalam masalah rasuah yang menyiasat lain pihak, yang mendakwa lain pihak dan yang menghukum lain pihak. Bermakna Yang Berhormat ini akur sungguh kepada *doctrine separation of powers*.

Tuan Ismail bin Kasim: Memang saya bersetuju sebab benda itu sudah sedia ada di negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Sudah sedia wujud cuma sekarang ini kita tidak mahu ada konflik sebenarnya sebab perkara itu telah berjalan dengan lancar yang mana yang sudah *refill* kita adakan semula, kita hidupkan semula.

Saya pohon pihak kerajaan supaya memikirkan perkara itu terutama Jabatan Perkhidmatan Awam. Di sini saya bukan berniat untuk kacau ganggu dan sebagainya, tidak ada niat saya. Niat saya adalah untuk mewujudkan kelancaran dalam pentadbiran tiga cabang utama perjalanan negara kita ini. Kita tidak mahu ada setiap bahagian yang dia, dia buat kerja dia. Dia tidak perlu kacau kerja orang lain kerana bila dia cuba kacau kerja orang lain sebab dalam kerja orang lain itu dia bukan *master* dalam bidang berkenaan maka akan berlakulah keadaan-keadaan yang boleh

menyebabkan sesuatu perancangan, sesuatu dasar, sesuatu yang hendak kita laksanakan, sesuatu yang kita hendak buat pemantauan secara jelas ianya tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Ini yang hendak saya timbulkan Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat bersetujulah dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi kerana kita lihat sudah ada ...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak kemukakan pandangan. Cuma saya rasa Yang Berhormat ini akur betul dengan *the preparation of powers*.

Tuan Ismail bin Kasim: Akur dan sangat prihatin Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja untuk perkara ini malah perkara-perkara lain daripada sekecil-kecilnya sampai kepada sebesar-besarnya, daripada nelayan, petani dan apa sahaja perkara yang melibatkan rakyat saya akan cuba bangkitkan untuk tatapan, untuk tindakan, untuk pelaksanaan, untuk pemantauan dan sebagainya. Ini bukan prihatin terhadap perkara ini sahaja Tuan Yang di-Pertua, tetapi termasuk semua perkara dan semua aspek kehidupan yang saya boleh nampak, yang saya boleh hidu, yang saya boleh melihat perkara-perkara yang perlu kita tegur dan perlu kita perbetulkan.

Kritikan-kritikan kita kritikan yang cukup membina dan kita bukan kritik kerajaan tetapi kita hanya mengemukakan pandangan dan minta penjelasan dan kita melihat kalau perkara itu dia *come out with the best solution* dengan izin, kita menerima perkara itu kerana kita hendak semuanya berada dalam landasan yang terbaik. Sebab itulah kita minta sekali lagi perkara-perkara yang seumpama ini kalau diberi balik kepada hak sebab kalau kita tengok kepada *Lord Reid* Tuan Yang di-Pertua, saya bukan berlatar belakang undang-undang tetapi saya ada juga membaca sedikit sebanyak. Apabila *Lord Reid* hendak menggubal Perlembagaan Negara dia sudah melihat banyak perkara.

Walaupun saya sudah berkata tadi saya pernah bercakap di Dewan yang mulia ini, walaupun kita pernah dijajah oleh penjajah tetapi penjajah Inggeris ini jahatnya ada dan baiknya sedikit pun ada kerana dia telah meninggalkan satu sistem. Kalau kita bandingkan dengan penjajah-penjajah seperti penjajah-penjajah di negara lain. mereka tidak pernah meninggalkan sistem yang teratur daripada anak tanah jajahan mereka. Mereka akan tinggalkan tanah jajahan itu dalam keadaan yang bertabur tidak ada sistem tidak ada undang-undang yang sepatutnya diikuti, tidak ada landasan yang

boleh dijadikan sebagai panduan. Ini menyebabkan kita melihat negara-negara seperti negara jiran kita Indonesia. Saya boleh sebut Tuan Yang di-Pertua kerana perkara ini untuk renungan, maka kita boleh cakap bukan berniat hendak menghina negara berkenaan tetapi kita hendak menunjukkan bahawa penjajah Inggeris baiknya ada.

Begitu juga dengan negara kita. Apabila *Lord Reid* menggubal Perlembagaan negara yang terdiri daripada dua orang hakim iaitu seorang dari India dan seorang lagi dari Pakistan, *Lord Reid* daripada Pakistan ini beragama Islam, ini bermakna dalam dia masa menggubal undang-undang negara dia juga melihat beberapa perspektif yang harus dilihat dari sudut perundangan terutama dari segi *sense* ataupun perasaan penganut-penganut agama Islam di negara kita pada masa itu. Sebab itulah beberapa Akta yang dibuat sejak awal kita lihat *Lord Reid* ini melihat dalam *view* atau dalam pandangan yang cukup jauh supaya perundangan-perundangan ini walaupun ada setengahnya tidak bersesuaian lagi tetapi kita boleh pinda. Yang tidak sesuai mungkin kita boleh buang dan kita gantikan dengan undang-undang yang lebih tersusun tetapi asasnya di situ tetap ada. Silakan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat tentang undang-undang yang digubal oleh Suruhanjaya Reid ini. Apa pandangan Yang Berhormat, kita lihat dalam undang-undang yang ada hari ini kita lihat sesuatu perkara yang kepentingan untuk masyarakat Islam umumnya tetapi tidak dimasukkan ke dalam rang undang-undang itu. Di antaranya ialah tentang isu akidah iaitu tentang murtad, sebagai mana kita tahu perkara ini adalah menjadi satu fenomena yang mengancam akidah orang Islam. Adakah Yang Berhormat bersetuju sepatutnya kekurangan yang ada dalam undang-undang ini perlu kita teliti balik dan kita lengkapkan supaya ia memberikan kesempurnaan kepada masyarakat Islam terutamanya di seluruh Malaysia. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Siti kerana *Lord Reid* ini dia bukan beragama Islam dan dia hanya melihat pada masa itu secara menyeluruh dan mungkin dalam hatinya dia separuh ikhlas dan separuh lagi tidak ikhlas. Kalau dia ikhlas sepenuhnya tentu dia *consider all factors* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi pada masa dia

menggubal mungkin dia menganggap mungkin dalam tempoh 10 tahun mungkin kita termeterai satu perjanjian lain, boleh tercetusnya rusuhan kaum di kalangan penduduk di negara ini dan British boleh datang balik untuk menjajah negara kita. Mungkin dia berfikir begitu jadi buat sementara dia buatlah, mungkin dia separuh ikhlas dan mungkin separuh lagi dia tidak ikhlas ketika dia menggubal dan ahli-ahlinya juga pun hanya seorang sahaja terdiri dari panel yang beragama Islam dan yang lain bukan, itulah pandangan saya.

Jadi dari masa ke semasa kita boleh perbaiki seperti mana yang saya perelaskan tadi. Kita boleh perbaiki mengikut kesesuaian, mengikut masa dan saya rasa sekarang pun kerajaan telah banyak membuat pindaan kepada rang undang-undang ini adalah demi kebaikan rakyat dan demi untuk kita mengatur satu sistem perjalanan pentadbiran negara yang cukup teratur pada masa-masa yang akan datang. Sebab itulah kita hendak buat sekali gus tentu kita tidak dapat, tetapi kita mengikut proses demi proses, tahap demi tahap, keadaan demi keadaan, keperluan demi keperluan yang diperlukan oleh negara mengikut kesesuaian. Macam kita pernah meminda satu akta yang bernama Rumah Tumpangan kalau tidak silap saya pada masa dahulu, kita lihat akta ini akta yang memang sudah tidak bersesuaian dan kita pinda dan sekarang ini ada kuasa-kuasa yang membolehkan pihak penguat kuasa seperti polis, pegawai-pegawai dari Dewan Bandaraya dan juga pegawai-pegawai pencegah maksiat dan sebagainya boleh masuk dengan kebenaran undang-undang ke bilik-bilik hotel untuk membuat pemeriksaan bagi tujuan-tujuan tertentu dan sebagainya.

Itulah pandangan saya dan saya harap Yang Berhormat Puan Siti boleh terima. Saya minta sekali lagi supaya perkara ini dikaji dan diteliti bagi membolehkan sebagai mana yang saya katakan tadi keseluruhan pentadbiran Parlimen ini dikendalikan oleh Parlimen sendiri termasuk Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Kita sudah ada Dewan yang cukup cantik, yang telah melalui proses baik pulih dan *interior design* yang cukup hebat, walaupun kita tidak tahu berapa jumlah sebenarnya telah dibelanjakan kerana pada masa proses perubahan dibuat *Committee* yang dibentuksaya tidak tahulah sama ada ada di kalangan Ahli Parlimen yang terlibat ataupun tidak. Tetapi saya difahamkan seperti orang kata berlaku peningkatan ataupun tambahan perbelanjaan dari masa ke semasa. Biarlah kita hendak melihat

segala tambahan perbelanjaan yang dipohon oleh pihak JKR untuk kita menambah baikkan terutamanya dalam kita melihat *interior resign* yang hebat supaya Parlimen kita ini, walaupun sekarang ini kita telah menunjukkan yang terbaik. Kalau kita melawat ke Parlimen-Parlimen di luar negara pun tidaklah terdapat sebaik yang kita ada termasuk bilik Tuan Yang di-Pertua sendiri yang cukup hebat. Jadi kita lihat dalam keadaan ini ...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bagi sesebuah kerajaan yang memerintah dan di Malaysia ini memerintah ertinya menghidup dan menghayati Perlembagaan. Apa pula mentadbir, kalau memerintah itu mendukung, menghayati dan menghidupkan tuntutan-tuntutan Perlembagaan negara, apa pula pengertian mentadbir?

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita menghidup dan menghayati Perlembagaan. Perlembagaan ini asas panduan kita. Mentadbir kita lebih kepada melaksanakan, kita melaksanakan mengurus. Makna kata panduan yang sedia ada kita ada buku dan buku ini harus diikuti oleh orang yang hendak buat. Kalau

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada memerintah, mentadbir, mengurus dan melaksana.

Tuan Ismail bin Kasim: Itu bahagian eksekutif Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab saya hendak cuba selami idea-idea Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita melihat perkara-perkara ini kita rasa biarlah ...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ismail bin Kasim: Silakan ustaz.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana nampaknya membuat perbahasan yang begitu teliti dan begitu halus. Saya pun tak tahu mentadbir ini kalau saya tengok dalam bahasa Arablah, asalnya saya ingat bahasa Arab [*berbahasa Arab*] dalam bahasa Melayunya mungkin bermakna pengurus, sebab itu kita ada dengar perkataan *mudir* di mana mudir itu bermakna orang mengetuai pentadbiran. Bolehkah kalau kita hendak terjemahkan kepada bahasa Melayu bahawa pentadbir ini sebagai pengurus? Bolehkah? Saya hendak tanya Yang Berhormat sebab bahasa Melayu ini banyak di ceduk daripada bahasa Arab tetapi

kalau bahasa Arab dia kata kalau *mudir* itu bermakna pengurus atau pengurus besar. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua; Yang Berhormat boleh jawab sama ada tadbir itu urutan daripada bahasa Arab dan dalam kerja-kerja mentadbir itu orang Melayu lebih cekap atau orang Arab yang lebih cekap?

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ustaz Hassan bin Haji Shukri. Pada saya kerja mentadbir ini diuruskan oleh pengurus, sebab itulah bahasa ini dalam konteks pemahaman bahasa ini, sebenarnya bahasa ini apa pun sahaja kita masuk apapun istilah tetapi sebab kita banyak terikat dengan Arab dan Sanskrit pada masa itu dan sedikit India sebab itu ada persamaan untuk pengetahuan Yang Berhormat Ustaz Hassan. Kalau kita lihat, kita ini berasal daripada keadaan yang serumpun, kalau ustaz tengok bahasa Tagalog dengan bahasa Melayu.

Bahasa Tagalog kalau 'atap' dia kata 'atap' sahaja, bumbung, atap kalau orang tua-tuakan dia panggil atap Tuan Yang di-Pertua, atap. Kalau 'senduk', 'sanduk' dia kata, kalau 'ayam' ya cuma dia kata 'manog' sebab ayam ini ada banyak pengertian kalau di sana, ayam yang kita makan dan ayam yang satu lagi pengertianlah itu saya tidak faham. Mungkin kawan-kawan saya di belakang boleh faham agaknya.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Cina pun ada ayam, apa maknanya saya pun tidak tahulah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, pentafsiran tentang ayam ini pun dia banyak benda yang ini. Kalau manog kalau kawan-kawan di Sarawak itu dia kadang-kadang dia faham macam ini. Saya ada berkawan dengan pegawai-pegawai daripada anggota tentera dan saya pernah ke Sarawak bila dia sebut manog saya ingat lagi, "hendak pergi makan ayamkah?" Saya memang tidak makan ayam Tuan Yang di-Pertua, saya habaq kat dia, saya bagi tahu dia saya memang tidak makan dan memang saya tidak pernah makan ayam. Jadi dia kata "takkan tidak makan manog". Saya kata, saya memang tidak makan.

Rasanya masa hidup saya, saya tidak pernah mengambil daging ataupun ayam. Rupanya Tuan Yang di-Pertua maksudnya maksud yang lain, ayam itu "ayam itulah"

maksudnya wanita. Ini yang terjadi masalah, dia ada bahasa yang agak tersirat di sebalik istilah....

Tuan Yang di-Pertua: Masalah jelas sudah tadi, Yang Berhormat ini sudah cukup faham sudah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Kasim: Yang Berhormat faham ya? *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berbalik pada isu yang dibangkitkan oleh Ustaz Hassan tadi iaitu berhubung mentadbir dan mengurus, jadi mentadbir dia diuruskan oleh pengurus cuma nama sahaja ustaz, pada saya sama tetapi saya tidak ada masuk kelas bahasa Arab itu saya hendak bagi penjelasan dekat ustaz dengan lebih mendalam. Sebab walaupun kelas bahasa Arab dibuat tiap-tiap malam di Perlis saya tidak pernah masuk ustaz sebab tidak ada masa langsung. Orang lain boleh masuk, dan sudah mula belajar sudah hampir-hampir menguasainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dekat mana ini? Kita berbalik pada.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan, mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi tentang kuasa-kuasa Jawatankuasa Dewan. Yang Berhormat kata dalam perjalanan Dewan ini, iaitu Jawatankuasa Dewan juga perlu dimaklumkan. Apabila saya lihat Yang Berhormat adalah salah seorang Jawatankuasa Dewan yang dipilih, jadi saya hendak tahu Yang Berhormat adakah jawatankuasa ini telah memilih Yang Berhormat tetapi adakah Yang Berhormat dimaklumkan tentang perkara baiki Dewan dan lain-lain lagi, terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Garangnya. Saya untuk makluman Yang Berhormat Dato' Musa yang dikasihi, saya baru dilantik, saya tidak dilantik semasa proses perancangan untuk mengubah suai Dewan ini. Kalau saya dilantik bersama-sama dengan pihak JKR saya tahulah dari awal hingga akhirnya, cuma kadang-kadang kita ini yang banyak yang dilantik sama ada yang dilantik di peringkat negeri ataupun lantikan Agong kita mempunyai latar belakang yang pelbagai termasuk Yang Berhormat Dato' Musa sendiri yang memang cukup pakar dalam pembinaan ini.

Tengok kayu pun Yang Berhormat boleh bagi tahu dekat saya kayu ini berkualiti, tidak berkualiti. Saya sebagai seorang *developer* yang terkenal saya tidak boleh nafikan kepakaran kepada Yang Berhormat Dato' Musa. Sebab itu di peringkat awalnya kita tidak terlibat sebab mungkin kita sudah nampak keusangan yang ada pada Parlimen kita ini jadi kita hendak buat kerajaan pun prihatin, hendak buat cepat.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara ini betul-betul macam enjin diesel dia lambat panas dan bila sudah panas dia lari terus. Datuk sila.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sahabat saya Tuan Ismail Kasim mengenai dengan tadi Yang Berhormat Dato' Musa bertanya mengenai dengan Jawatankuasa Dewan. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat saya pun duduk bersama-sama dengan Tuan Ismail Kasim dalam Jawatankuasa Dewan ini dan kami baru mesyuarat pertama kali yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua dan saya difahamkan sebelum ini pun apabila ada pembaikan dalam Dewan, pembesaran dan sebagainya jawatankuasa ini tidak duduk untuk bersama-sama merencanakan dan juga memberi pandangan dan idea macam mana kualiti kayu, *tile* dan sebagainya.

Jadi apabila sudah siap bila sudah terjadi barulah perkara-perkara ini terbangkit. Jadi saya berharap kalau boleh Tuan Ismail Kasim pun bersama-sama saya, di masa-masa akan datang Jawatankuasa Dewan ini juga duduk bersama-sama juga memberi pandangan tentang kualiti dalam Dewan. Hari ini saya pernah bercakap dalam Dewan ini sudah cantik dan sebagainya tetapi yang di depan kita ini yang pakai kertas ini, ini kita sudah canggih semua ini dok pakai kertas lagi ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh bohlah yang elok sedikit, nama itu yang boleh bawak keluar cantik depan ini macam saya ingat zaman dahulu-dahulu Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat zaman Parlimen ditubuhkan hingga hari ini dok pakai macam inilah.

Jadi saya harap Dewan sudah cantik, saya hendak minta pandangan Tuan Ismail Kasim boleh kita percanggihkan lagi dalam Dewan ini. Saya tengok sudah ada sudah kita boleh bawa *laptop* dan sebagainya dalam Dewan ini. Dahulu hendak tarik *line wire* susah, sekarang sudah ada. Jadi ahli-ahli Dewan boleh bawa *laptop* juga,

sudah bagi saya ingat peruntukan ada ahli-ahli Dewan ini. Tetapi tidak nampak ahli-ahli Dewan bawa *laptop* dalam Dewan, jadi saya hendak minta pandangan sahabat saya ini apa yang dibuat oleh Jawatankuasa Dewan ini kita diberi sama-sama peranan untuk sama-sama kita bertanggungjawab terhadap Parlimen ini. Saya minta sahabat saya beri pandangan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Syed Ali jiran saya yang cukup setia dan terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua. Pada saya di masa-masa akan datang ini sepatutnya perkara ini kita bersama-sama kerana barulah tidak tercetus tafsiran-tafsiran negatif yang orang boleh kata macam-macam sebab kita buat seorang. Jadi kita buat seoranglah macam cerita dia orang yang termengandung tanpa bapa begitulah, tahu-tahu orang tengok perut sudah besar yang sudah mengandung 7, 8 bulan yang tidak dapat disembunyikan di khalayak ramai lagi. Orang kata dalam hal ini siapa bapanya? Sebab apa, majlis kendurinya tidak ada, upacara akad nikahnya tidak ada, tok imam mana yang mengendalikan upacara ini tidak ada, kadi mana yang meluluskan pernikahan ini tidak ada. Bermakna kata, tiba-tiba orang tengok lagu tu. Tetapi kalaulah.....

Tuan Yang di-Pertua: Orang Perlis jumpa orang Penang tenggelam langsung bahasa baku.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Kasim: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang dia terkeluar juga itu pasal hendak buat macam mana. Sudah beranak pun daripada kampung jadi kadang-kadang bahasa kita tidak dapat lari dari identiti kita sebenar dan bahasa kita cuma bahasa yang saya ke tengah ini bahasa yang boleh difahami itu sahaja yang terbaik kerana bahasa ini alat komunikasi kalau ia sesuai dengan semua keadaan dengan semua zaman. Kalau ia difahami dia boleh menjadi alat komunikasi difahami oleh dua pihak, *two ways communication* kah, *four ways* kah apakah dan sebagainya tetapi itu dikira sudah diterima sebagai bahasa walaupun apa istilah yang digunakan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat saya ganggu sebentar, berapa ahli Yang Berhormat yang hendak berucap boleh saya dapat tahu? Sekurang-

kurangnya petang ini, maka sedialah Yang Berhormat ambil maklum ada 4 orang yang mungkin memerlukan masa, jadi Yang Berhormat boleh agaklah betapa panjang ucapan Yang Berhormat, sila teruskan. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya baru hendak masuk gear Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak apalah kalau saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak silap saya tidak suruh Yang Berhormat berhenti sekarang, sila teruskan cuma ambil maklum mungkin mereka pun masih belum panas cukup belum bersedia lagi.

Tuan Ismail bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, tadi sahabat saya mencadangkan soal nama. Kalau boleh nama ini saya minta sebab sudah benda-benda yang lain lebih besar kita boleh buat, nama ini pun boleh buat dengan lebih baik yang diukir ataupun digunakan nama kayu dan sebagainya, boleh buat sebenarnya. Tetapi, kita mohon cadanganlah supaya yang cantik itu dipereleokkan, yang elok terus dipereleokkan lagi supaya menampakkan keindahan yang sebenarnya Parlimen yang kita sayangi ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menarik perhatian tadi soal Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga kedudukan institusi Parlimen dengan kemegahan dan *pridenya* yang tersendiri. Kita mohon semua perkara ini keistimewaan-keistimewaan yang patut ada ini patut kita beri balik kepada Parlimen. Suruhunjaya Perkhidmatan Parlimen patut kita wujudkan balik, di mana Parlimen yang mengendali sendiri segala urusan yang berhubung kait dengan Parlimen, berhubung kait dengan soal-soal jabatan yang ada di Parlimen ataupun unit-unit yang ada di Parlimen semuanya dikendalikan oleh di bawah pentadbiran Setiausaha Bagi Parlimen yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Lee Sing Chooi: Yang Berhormat....

Tuan Ismail bin Kasim: Silakan.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim cadangan *Parliamentary Service Act* 1963 atau Akta Perkhidmatan Parlimen yang mana *direpeal* pada tahun 1992, kalau saya tidak silap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tahu tak sebab apa dia nya dimansuhkan atau *direpeal*?

Tuan Lee Sing Chooi: Maksudnya dengan *repealnya* itu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tahukah apakah sebab ianya....

Tuan Lee Sing Chooi: Sebab...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab boleh memandukan Yang Berhormat dalam perbahasan beliau?

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, sangkaan saya semasa ianya *direpeal* saya tiada di sini. Saya pun tidak tahu pasal apa dia hendak *repeal*. Tetapi, dengan *repealnya* akta ini kedudukan dan imej Parlimen sudah terjejas. Keunggulan Parlimen itu terjejas dan juga kerana sekarang Parlimen di bawah JPA, maka apa-apa pun ini sudah menjadi macam satu macam kebanyakan jabatan di kementerian sahaja, ia tiada menunjukkan satu keunggulan, satu unit yang mengadakan perundangan, pembentukan perundangan, *the dignity* itu tiada. Itu sudah terjejas. Saya sokong penuh apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim bahawa bolehlah kerajaan tengok balik macam mana pembentukan *Parliament Service Act* kembali supaya keunggulan yang ditujukan di PIM - Pelan Integriti Malaysia dapat dilaksanakan dan juga Parlimen sebagai satu badan yang membentuk undang-undang itu dapat posisi yang betul, minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Kalau kita lihat pada *Parliament Service Act* ini, kita tidak mendapat gambaran jelas kenapa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang lalu boleh berbuat perkara ini kerana benda ini sepatutnya berbincang di peringkat *Committee* dan baru kita boleh buat tindakan-tindakan yang susulan daripada perkara itu. Sebab itulah....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang membuat undang-undang ialah Parlimen, yang tarik balik atau mansuhkan undang-undang pun Parlimen juga bukan urusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya tidak tahulah sedikit sebanyak Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu mengulas perkara ini dengan terlalu panjang kerana kita tidak mahu JPA kata mungkin cuba memperkecilkan kebolehan mereka. Cuma di sini soal

hak kembali kepada yang hak, itu sahaja seperti mana yang kita pernah lakukan dahulu seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan. Perlu ada Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen yang mereka mengendalikan segala urusan. JPA banyak urusan lain yang boleh dibuat, yang perlu kena buat, yang perlu kena laksana, yang perlu kena buat pemantauan. Dan dalam Pelan Integriti Nasional kalau ikut taklimat yang diberikan baru-baru ini, kita lihat Parlimen itu diangkat sebegitu tinggi nombor satu di negara kita. Bermakna kata segala eksekutif dan seluruh pentadbir adalah di bawah Parlimen, kemudian pelaksana undang-undang yang terakhir di mahkamah dan sebagainya. Dalam....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Sila.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Bolehkah Yang Berhormat bersetuju jika sekiranya Akta Parlimen itu kita pulihkan semula? Maksudnya bawa semula ke Dewan Rakyat kemudian Dewan Negara, kita luluskan sedikit mana yang lalu. Ada pun akta itu kita tidak tahu, bukan musim kita tetapi musim dahulu. Boleh bersetujukah Yang Berhormat kalau kita bawa itu?

Tuan Ismail bin Kasim: Sangat-sangat bersetuju Yang Berhormat Tuan Hassan supaya kita bawa semula ke Dewan Rakyat dan kita luluskan di Dewan Negara supaya ianya dilaksanakan dengan kadar yang segera, demi kebaikan bersama, tiada konflik sebenarnya yang kita cuba hendak timbulkan, tetapi demi kebaikan dan demi hak, itu yang kita hendak. Hak ini bukan untuk membawa sesuatu yang negatif, hak ini kita hendak buat sesuatu yang terbaik sebenarnya. Mempamerkan kualiti pengurusan yang terbaik di kalangan kakitangan. Saya hendak timbulkan perkara ini, contohnya dalam Kementerian Pelajaran, dalam Jabatan pelajaran di peringkat negeri saya hendak tanya pandangan kawan-kawan ataupun pegawai-pegawai yang sanggup tunggu kita hingga ke lewat pentang ini. Adakah bersesuaian kalau Ketua Pengarah Pelajaran kita lantik di kalangan Pegawai Tadbir Diplomatik? Bolehkah di kalangan Pegawai Tadbir Diplomatik yang tidak ada secebis pun asas-asas dalam pemahaman mereka proses pendidikan, dia adalah pendidikan, mungkin pendidikan anak dan keluarganya dan isterinya.

Tetapi mendidik memimpin satu kementerian yang bernama Kementerian Pelajaran dengan tidak ada asas pelajaran di peringkat awalnya dalam dirinya ataupun dia bukan bekas seorang guru dan sebagainya, kita lihat dia tidak akan mentadbir dengan baik. Sebab itu ada tempat, ada jabatan yang dibolehkan PTD - saya minta maka kepada Datuk Yaakob bin Haji Mohammad Pegawai Tadbir Diplomatik, bukan saya niat di sini hendak memperendahkan Pegawai Tadbir Diplomatik, tidak Yang Berhormat Datuk. Ini Cuma saya hendak melihat ada skop lain, bidang lain, dan jabatan lain yang PTD boleh berada di situ dan kita lihat memang terbukti PTD boleh melaksanakan tanggungjawab.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih sahabat saya Senator Tuan Ismail bin Kassim. Saya dok dengar banyak kali Yang Berhormat sentuh soal kebolehan pegawai PTD. Sudah beberapa kali daripada awal tadi Yang Berhormat sentuh soal kebolehan pegawai PTD. Tetapi ... tadi Yang Berhormat cabar saya. Saya bangun.

Saya tidak mewakili pegawai PTD tetapi berdasarkan pengalaman saya, saya pernah berkhidmat di sembilan kementerian dan jabatan dan di Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara. Jadi secara perbandingan saya bukan hendak memuji pegawai PTD, tetapi memang dasar kerajaan dari segi sejarah lagi selepas merdeka, Pegawai Tadbir Am diwujudkan oleh pemerintah dan dikenal pasti sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik kemudiannya dan pengkhususan merekalah merupakan tunggak kepada pentadbiran seluruh negara dan merekalah juga dibantu oleh skim-skim perkhidmatan yang lain yang telah membuktikan perkhidmatan awam negara sehingga hari ini terkenal di rantau dunia.

Dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik walaupun saya sudah tinggal lama, Tuan Yang di-Pertua, telah mewujudkan pengkhususan-pengkhususan dalam bidang-bidang tanah, kewangan, pentadbiran, sosialnya, politiknya waktu saya dahululah dan dari segi luar antarabangsa. Jadi Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang merupakan tunggak kepada perkhidmatan awam negara telah pun terbukti dapat melaksanakan tanggungjawab pelaksana kepada dasar-dasar kerajaan dan mereka juga terlibat dari segi menggubal dasar-dasar yang kita bawa dalam Dewan ini sebenarnya adalah daya

usaha daripada termasuk pegawai-pegawai PTD dan dibantu oleh teknikal *engineeringnya*, arkiteknya, perguruannya Tuan Yang di-Pertua.

Dalam usaha Kementerian Pendidikan yang disentuh oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim tentang Kementerian Pelajaran atau Kementerian Pendidikan memang telah ada *specializationnya*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahagian teknikal diwujudkan Ketua Pengarah Pendidikan, semua daripada peringkat kementerian Ketua Pengarah Pendidikan bertanggungjawab negeri, daerah dan sekolah-sekolah itu khusus untuk perguruan tidak dapat dinafikan tentang kelebihan.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin apabila sesuatu itu perlu ditadbir tidak begitu perlu kepada *specialist* tetapi apabila sesuatu itu perlu diurus mungkin dia sedikit memerlukan kepada *specialist*, maka di situlah letaknya perbezaan mungkin di antara mentadbir dan mengurus.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya agak bersetuju tetapi tidak bersetuju 100%. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dari segi tafsiran pengurus dan pentadbir sebenarnya soal.....

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh teruskan Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menjurus kepada peranan Kementerian Pendidikan tadi yang mana Kementerian Pelajaran, *terconfuse* mana dua-dua pun sama juga melibatkan guru. Soal dasarnya saya amat hargai Senator Tuan Ismail bin Kasim, mungkin memperjuangkan hak-hak perguruan tetapi dari segi membentuk suatu dasar saya kira kita memang akui Kementerian Pelajaran ada teknikalnya, ada PTDnya, soal PTD, soal dasar, soal mentadbir, biarlah kita telah menjadi sampai 40 lebih tahun kita menerima konsep pengurusan di bawah PTD dan profesional teknikalnya di bawah pihak teknikalnya dan pengalaman saya ialah saya tidak mahu memburukkan ataupun mengangkat PTD tetapi soal pengurusan masih ada kelebihan-kelebihannya sebagai Tuan Yang di-Pertua tadi telah pun sentuh memerlukan saling bantu-membantu. Namun begitu saya masih tidak hendak mempertahankan PTD tetapi kreditnya kelebihan soal dasar masih saya akui PTD main peranan, di samping soal teknikal, biar dia orang teknikal jaga. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Pada hari ini saya tidak memandangkan sumbangan besar kebolehan dan keupayaan Pegawai Tadbir Diplomatik ini melaksanakan dan memimpin jabatan-jabatan, kementerian dan sebagainya. Pada saya kalau hendak masuk, ini Parlimen kita tidak boleh, kita kalau boleh di Parlimen biarlah tidak ada gangguan. Saya sudah kata pada awal lagi, kalau Yang Berhormat *Parliament Service Act* kita hendak bahagikan itulah haknya dan saya minta, Parlimen biar tidak payah kacau langsung.

Tetapi dalam Kementerian Pelajaran ada setengah-setengah boleh, ada setengah-tengah tidak boleh saya tidak menafikan peranan PTD. Contohnya dalam beberapa sektor seperti Bahagian Teknikal, Bahagian Teknologi Pendidikan, Unit IT itu boleh disertai oleh Pegawai-pegawai PTD tetapi kalau berhubung dengan soal menjadi pengarah, pentadbir dan jawatan-jawatan kanan biar diisi pegawai-pegawai yang sedia ada di Kementerian Pelajaran.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat saya ingin meminta laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Silakan Yang Berhormat. Panca Delima saya bagi Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Jins Shamsudin: Apakah pandangan Yang Berhormat tentang tahap pentadbiran yang ada sekarang ini. Apakah masih ada ruang-ruang yang boleh diperbaiki. Saya teringat sebuah hadis yang bermaksud, “Jika diserahkan sesuatu tugas kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancurannya.” Apakah pandangan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua tanpa *without any comment*, dengan izin, sebab itulah sebenarnya yang harus kita menjadikan sebagai panduan kita itu. Kalau kita serahkan yang bukan ahlinya, dia akan timbul masalah sebab sekarang ini dia akan berlaku konflik ataupun pertelingkahan kecil ini.

Apabila soal peluang-peluang kenaikan pangkat misalnya, di mana pegawai-pegawai sedia ada di Kementerian Pelajaran yang sudah lama berkhidmat, yang sudah lama bergelumang, yang sudah lama terlibat dengan pengalaman-pengalaman yang ditimba di dalam melaksanakan dasar dan sebagainya tiba-tiba pegawai-pegawai

berkenaan tidak mendapat peluang sebab di dalam mana-mana perkhidmatan, dalam servis kita, dalam perkhidmatan kita sama ada kita berkhidmat dalam sektor kerajaan ataupun swasta yang terbaik di penghujungnya kita mesti menyimpan secebis cita-cita iaitu di penghujung karier kita, di penghujung kerjaya kita apa yang kita mampu capai.

Kalau kita berkhidmat di sektor swasta mungkin kita berazam untuk menjadi Ketua Pegawai Operasi atau Ketua Pegawai Eksekutif ataupun Pengarah Urusan, begitu juga mereka yang terlibat dalam sektor kerajaan di hujungnya mereka mungkin kalau tidak dapat, kalau sudah tidak ada kemampuan disebabkan *year of servicenya* makin kecil mereka mungkin hanya mampu setakat menjadi Pengarah Pelajaran Negeri ataupun Timbalan Pengarah ataupun *acting* sehinggalah mereka ini bersara. Silakan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat. Daripada inti pati Yang Berhormat sentuhkan tadi, persoalan yang dibangkitkan ialah soal peluang kenaikan pangkat. Oleh kerana ada jawatan-jawatan Pegawai PTD atau jawatan-jawatan terbuka yang menyebabkan peluang kenaikan pangkat kepada skim perguruan agak terhad, mungkin agak susah untuk kenaikan pangkat.

Saya sebenarnya juga memperjuangkan perguruan untuk diletakkan ke tahap yang boleh diiktiraf dan bukan lagi satu jawatan yang pilihan terakhir, di dalam ucapan saya lepas pun saya sentuh Tuan Yang di-Pertua. Soalnya saya minta di sini, apa pandangan Yang Berhormat, kalau boleh skim di bawah Ketua Pengarah Pendidikan. Cubalah kerana jawatan-jawatan pangkat yang hendak diwujudkan memerlukan satu justifikasi, satu kriteria yang membolehkan jawatan itu di*upgrade*kan dengan beban tugas dan saya pasti skim perkhidmatan perguruan di bawah Ketua Pengarah Pendidikan sebagai Ketua Eksekutifnya cuba melalui bajet justifikasi apabila pembentangan bajet di peringkat jabatan-jabatan.

Kalau mereka yakin, kalau mereka ada alasan, kalau mereka ada alasan-alasan yang membolehkan jawatan diperbanyakkan jawatan kenaikan pangkat saya percaya pihak bukan kata JPA sahaja kadang-kadang untuk kelulusan kenaikan pangkat sesuatu jawatan ataupun pewujudan sesuatu jawatan adalah tertakluk di bawah satu

jawatankuasa iaitu Perbendaharaan atau Kementerian Kewangan yang akan mengeluarkan waran pada jawatan atau waran kenaikan pangkat dan begitu juga JPA.

Lantaran itulah menyebabkan kadang-kadang sesetengah jawatannya dipegang oleh orang-orang yang bukan bidang sukar untuk menjustifikasikan dari segi pengurusan pentadbiran jabatan. Dari segi soal ini dibangkitkan oleh kalau Yang Berhormat setuju kita minta Ketua Pengarah Pendidikan cuba *fight* dengan alasan-alasan yang konkrit, beban tugas, tanggungjawab yang menyebabkan jawatan tersebut boleh banyak naik pangkat.

Soal hendak menempatkan siapa bagi satu-satu jawatan saya ingat bukan soalnya kerana ini akan menyebabkan kepakaran sesuatu pegawai itu tidak dapat diterjemahkan dengan lebih baik dari segi tugasnya. Kalau Yang Berhormat setuju kita minta Ketua Pengarah Pendidikan *fight* dengan JPA, dengan *backup*, dengan kriteria, dengan justifikasi yang kuat dan saya pasti JPA akan terima kerana JPA juga memegang kuasa bukan dari segi untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Kalau benda itu boleh pasti sebab saya pernah bertugas di JPA Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kalau justifikasi yang diberikan dahulu kuat memang JPA dan Kementerian Kewangan akan lulus.

Begitu juga suatu ketika di pentadbiran tanah, jawatan-jawatan Pegawai DO, Pegawai-pegawai Daerah rendah daripada OSPD jadi menyebabkan ICU dengan bantuan Kementerian Tanah meng*upgrade*kan jawatan-jawatan Pegawai Daerah kerana berdasarkan beban tugas, tanggungjawab.

Lantaran itu, saya juga kalau Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim cuba *fight*kan dalam Dewan ini supaya jawatan-jawatan Kementerian Pendidikan khususnya di bawah Ketua Pengarah Pendidikan, Pentadbiran Negeri, PPDnya, peringkat daerahnya di*upgrade*kan peluang-peluang kenaikan lebih ramai, bukan kerana rebutan peluang kenaikan pangkat tetapi diberi peluang kerana mereka harus diletakkan ke satu tahap maruah yang bermartabat khususnya perkhidmatan perguruan. Apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya sangat-sangat bersetuju Yang Berhormat, kerana dalam hal ini kita melihat setiap sesuatu, kalau perkara ini kita hendak perbanyakkan, kita ada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan biarlah ia berasaskan

kepada justifikasi dan dalam masa yang sama biarlah imej perguruan ini dipandang mulia. Andai kata kita sekarang ini dalam peringkat memilih guru-guru kita tidak boleh, mungkin kita perlu membuat syarat yang lebih ketat kerana kita tahu sebagaimana yang ada sekarang ini apabila kita memilih mereka yang menjadikan profesion perguruan ini sebagai pilihan terakhir mereka, mereka tidak dapat menyumbangkan khidmat bakti yang benar-benar profesional seperti mana yang dituntut oleh dunia pendidikan itu sendiri.

Sebab kita lihat, kalau dari segi pengorbanan kerana ada di beberapa sekolah sekarang ini, kalau dasar yang dibuat oleh kementerian atau pun pejabat pelajaran misalnya, kalau hendak buat pertukaran secara dalaman di peringkat negeri ataupun antara daerah dan sebagainya, kita lihat kalau ada seorang guru yang bermasalah - mungkin dia ada masalah macam-macam. Kadang-kadang guru itu dia ada pukul 10 hendak keluar, mungkin terlibat dalam proses karang-mengarang dan sebagainya itu sudah menjadi rutinnya. Jadinya pukul 10 dia sudah hendak keluar, jadi guru yang ini, apabila pihak jabatan dapat tangkap segala pergerakan dan dia ditukarkan, kadang-kadang di himpun satu sekolah, guru-guru yang bermasalah ini. Ada guru yang ada masalah mentalnya, sakitnya yang tidak boleh menyumbang khidmat bakti dan ada di kalangan sesetengahnya isteri-isteri pegawai-pegawai tinggi, isteri-isteri wakil rakyat dan isteri-isteri *executive level* yang tidak boleh turun ke padang untuk aktiviti kurikulum dan walaupun hendak mengorbankan masa sejam pun lebih daripada waktu pembelajaran yang sebenarnya mereka tidak mampu hendak sumbang kerana, *I* sibuk, *I have a dinner, I have a meeting* dan macam-macam alasan yang diberikan.

Jadi kalau kita melihat keadaan ini dunia pendidikan kalau diisi oleh mereka yang mencebur diri dalam pendidikan mereka bukan sahaja masuk berkhidmat menerima upah ataupun gaji tetapi menjiwai dan berkorban. Sebab itulah saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Yaakop, kalau mahu profesion ini dipandang mulia oleh orang biarlah pengorbanan yang dicurahkan adalah pengorbanan yang sebenar.

Kita mengambil contoh kepada guru-guru pada masa dahulu, guru-guru yang pernah mendidik kita, kita lihat yang mereka biasa bersekolah pada zaman sebelum kita mencapai kemerdekaan. Kita melihat bagaimana cara mereka betul-betul menjadi

seorang pendidik yang cukup hebat dan yang memang saya rasa sampai sekarang ini kalau bahasa utaranya Tuan Yang di-Pertua, mereka kata celah kuku pun tidak ada hendak samakan guru-guru yang ada sekarang. Kehebatan mereka menjadi seorang pendidik dan mereka ini apabila mereka bersara atau mereka menceburi dalam politik sekali pun mereka ini dipandang mulia dan mendapat sokongan yang luar biasa daripada masyarakat di atas perkhidmatan, kredibiliti, karisma mereka yang nampak begitu hebat.

Jadi, berjayakah kita dalam keadaan dan polisi yang sedia ada, dengan kekuatan kewangannya, dengan dunia yang serba moden dan mencabar ini melahirkan guru-guru ataupun tenaga pendidik seperti dahulu yang kita berjaya lahirkan di peringkat negara, ruang-ruang sebeginilah yang kita hendak tengok. Dengan sebab itulah.....

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Minta laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya dan jiran saya Senator Ismail Kassim, saya amat tertarik di atas perbahasan saudara mengenai guru-guru. Saya ingin merujuk kepada keadaan sekarang ataupun lima atau sepuluh tahun yang lalu, keadaan di maktab-maktab *training* ataupun maktab perguruan di mana terdapat lebih ramai dari golongan wanita menjadi penuntut ataupun pelatih berbanding dengan kaum lelaki. Saya tidak berdikriminasi di atas kaum wanita tetapi kita akan mencapai satu tahap pada masa yang akan datang di mana kebanyakan guru-guru di sekolah-sekolah dari kaum wanita boleh dikatakan 70% atau 80% dan khasnya di sekolah-sekolah menengah. Ada juga masalah-masalah tertentu di antara penuntut-penuntut atau murid-murid lelaki sahaja dan juga murid-murid perempuan dan saya kluatir jika ada sedikit sahaja guru lelaki susah ataupun payah mengatasi masalah-masalah yang timbul, apakah pandangan Yang Berhormat Senator Ismail?

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Vijayaratnam. Sebenarnya apabila kita bercakap tentang hal ini kita rasa... orang-orang lelaki ini kita tidak boleh cakap begini, Dato' Vijayaratnam, ia kena berbisik dekat saya sebab sekarang ini dari segi kualiti ataupun pencapaian dalam peperiksaan, kita memang

kalah dengan wanita sebab kalau dilihat keputusan SPM sekalipun kita lihat wanita mengatasi lelaki dengan kadar ataupun jurang yang terlalu jauh.

Oleh sebab itu sebelum timbul polemik tentang perimbangan pelajar ataupun gender ini kita lihat pernah satu masa tiga, empat tahun kebelakangan di sebuah pusat matrikulasi di Utara yang tidak perlu saya sebut namanya. Kita daripada pengambilan (*intake*) pertama dengan izin, pelajar-pelajar di pusat matrikulasi berkenaan hanya 30 lelaki dan 275 wanita. Jadi yang paling menyedihkan kolej matrikulasi berkenaan hendak menubuhkan pasukan bola sepak pun tidak boleh, daripada 30 orang pelajar lelaki yang masuk dalam ke situ semuanya jenis “ayam daging”...

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Ismail bin Kasim: ...Yang badan mereka tidak mampu berlari. Oleh itu pasukan bola sepak kolej matrikulasi ini tidak dapat ditubuhkan. Saya tidak mahu sebutlah istilah-istilah lain tetapi golongan-golongan yang banyak makan ayam, ayam Kentucky Fried Chicken jadi yang macam itulah. Jadi yang ada 30 ini pun tidak boleh diiktiraf sebagai lelaki sebenar yang boleh ditubuhkan pasukan-pasukan yang melibatkan kekuatan fizikal seperti bola sepak, badminton dan sebagainya. Maka mereka ini merasa rendah diri sebab semuanya di kawal oleh pelajar-pelajar wanita dalam setiap apa urusan persatuan dan sebagainya.

Jadi kita lihat sekarang ini apabila perkara ini kita bangkitkan beberapa kali barulah kita tengok pelajar-pelajar lelaki ada sedikit perimbangan tetapi tidak mengejar untuk hendak sama pun masih di tahap.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan sedikit, minta laluan sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, boleh? Saya tadi *confuse* sikit, dengan izin.....

Tuan Ismail bin Kasim: Yang Berhormat Dato' Musa sayakah yang kena beri laluan?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak, tidak, saya ada minta dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya beri, saya beri, sila, sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya minta laluan dari Yang Berhormat dan saya kena minta dari Tuan Yang di-Pertua juga, itu peraturan. Saya *confuse* dengan izin, lelaki yang begini dan lelaki yang itu, itu saya tidak faham yang itu sedikit. Ada dua lelaki tadi, apa dia? Yang saya tahu, lelaki ada satu sahaja. Apa maksudnya itu? Saya hendak tahu yang itu sahaja, terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Musa. Saya tidak mahu sebut istilah di Malaysialah Yang Berhormat, tetapi kalau istilah di Indonesia ia dipanggil "waria" - wanita pria. Jadi saya ingat Dato' Musa fahamlah maksudnya, [*Ketawa*]

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Nampaknya hebat isu ini, ya silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Dayang Mahani, silakan.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Saya ini jarang hendak mencelah sebab saya rasa biarlah beri ruang kepada rakan-rakan yang lain tetapi saya tertarik dengan soalan daripada Dato' Vijayaratnam yang mengatakan sekarang ini kehadiran kaum wanita yang begitu ramai sebagai pendidik mahupun sebagai penuntut.

Saya rasa perkara ini mungkin tidak terhad kepada bidang itu sahaja, kita nampak sekarang wanita terserlah dalam berbagai-bagai bidang dan pencapaian mereka juga begitu ketara. Tetapi saya rasa ini bukanlah disalahkan kepada wanita, memanglah wanita itu berusaha sebab pada suatu ketika dahulu kalau diberi peluang kepada satu keluarga untuk membuat pilihan sama ada adakah kita nak didik anak gadis kita ataupun anak lelaki kita?

Biasanya dulu memang diberi keutamaan kepada anak lelaki. Kenapa? Kerana mereka akan satu hari akan menjadi ketua rumah dan bertanggungjawab sebagai penyara hidup. Tetapi apabila sudah hari ini yang mana pendidikan terutama di negara kita, menjadi satu kewajipan kepada kedua ibu bapa memberi didikan yang saksama kepada anak-anak kita sehingga kita boleh dipenjara sekiranya kita tidak memberi pendidikan kepada anak-anak kita. Ternyata bahawasanya apabila wanita diberi peluang, mereka mengambil peluang dan kesempatan itu dengan penuh dedikasi.

Saya ingin menyampaikan perasaan saya pertama sebagai seorang wanita. Sebagai seorang wanita saya amat berbangga dengan pencapaian wanita setakat ini dan memang banyak lagi yang wanita boleh buat. Sebagai seorang ibu, saya juga seorang ibu, saya khawatir dengan apa yang berlaku dengan anak lelaki kita kerana sebagai seorang ibu kita melahirkan anak lelaki dan anak perempuan ini. Kitalah ibunya, tidak kira mana lelaki yang ada di dalam Dewan dan luar Dewan, semua dilahirkan oleh wanita.

Jadi sebagai seorang wanita kita risau, kita amat risau kenapa anak-anak lelaki kita tidak dapat mencapai atau jauh ketinggalan oleh anak-anak gadis kita. Tetapi saya nampak bukan sahaja di peringkat anak-anak ini bermasalah, tadi baru nak cerita fasal sekolah, tidak sebutlah nama sekolah di mana sampai satu pasukan bola sepak pun susah kita nak wujudkan. Saya rasa di dalam Dewan ini semua ahli politik, kalau tidak ada wanita, cawangan pun tidak boleh bermesyuarat. Betul tidak ya? Datuk Yaakob boleh sahkan ini.

Ertinya kehadiran wanita itu penting kerana mereka ini dipastikan untuk hadir ataupun mereka bertanggungjawab untuk hadir kerana mereka tahu ini semua adalah satu tanggungjawab sehingga kehadiran mereka menyebabkan bolehnya mesyuarat itu dijalankan, kalau tidak kuorum pun tidak cukup. Tetapi yang ingin saya nyatakan di sini ialah bahawasanya dalam apa bidang pun sama ada kita nak buat kursus ke, kita nak buat kesedaran ke, katakanlah sahaja apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat pula yang berbahas ni.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tidak, saya nak minta pandangan beliau ni tetapi saya nak sampai kepada dalam pelbagai bidang contohnya kalau ada kursus ke, kesedaran ke, ibu bapa tak datang, dijemput tetapi tidak datang. Jadi saya nak bertanya adakah mungkin daripada kelemahan kaum bapa tidak mahu terlibat dalam banyak perkara, tidak payahlah nak sebut, banyak sangat kursus kesedaran-kesedaran yang memerlukan kesedaran ibu bapa ke, kesedaran di dalam keluarga bahagia, semua ini biasanya kaum bapa tidak ikut serta. Jadi adakah ini akan mengakibatkan kelemahan kaum bapa ataupun kemampuan kaum bapa untuk

sama-sama bersaing dengan wanita dalam pelbagai bidang akan membawa kesan yang lebih mendalam di masa yang akan datang.

Tuan Ismail bin Kasim: Walaupun wanita mencapai tahap *excellence* yang seperti mana Datuk sebutkan tadi tapi wanita ini baik sebenarnya. Di hati mereka telah dianugerahkan oleh Allah SWT sifat-sifat yang mereka tidak mahu tuntutan lebih dari sepatutnya. Itu yang kita patut bagi kredit kepada wanita. *[Tepuk]*

Saya tak nak lawan kerana ini hakikat, nanti kita cakap bertentangan bermakna kita sengaja nak...

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Tak dan habis lagi.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Sikit saja.

Tuan Ismail bin Kasim: Sikit? Sila.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya tertarik tadi tentang perbincangan, pengiktirafan yang wanita dapat di negara kita. Tapi Tuan Yang di-Pertua, bukan semua negara memberi pengiktirafan ini kepada wanita, kita harus berbangga di Malaysia ini, kita bagi banyak tempat kepada wanita. Orang lelaki tidak cemburu, menteri pun ada wanita, ketua pengarah pun ada wanita, ketua setiausaha kementerian adalah wanita, gabenor Bank Negara pun wanita.

Jadi kita berbangga, saya nak beritahu kepada kaum wanita di Malaysia, kita harus bersyukur duduk di negara Malaysia inilah yang dapat pengiktirafan. Kalau duduk di negara-negara Timur Tengah, berapa orang sahaja kita boleh kira. Hari ini kita di Malaysia, wanita-wanita ini kita beri pengiktirafan boleh dikatakan sama dan kadang-kadang terlebih kalau kita tengok dalam bidang pendidikan, guru wanitanya ramai. Inilah yang harus kita sama-sama berasa bangga duduk di negara ini. Terima kasih.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sebelum dijawab. Boleh?

Tuan Ismail bin Kasim: Sila, sila

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Saya juga tertarik kerana mungkin itulah kalau kita cuma berbahas sekerat seolah-olah wanita sekarang

ini - kita tak pernah timbulkan perasaan kita tidak bersyukur kerana kita wanita mempunyai sifat bersyukur yang pertama kita dalam negara yang begitu bertanggungjawab, yang begitu memberi kesaksamaan, maknanya tidak ada erti kita letakkan kesaksamaan *gender* dalam perlembagaan kalau dia tidak boleh diterjemahkan kepada satu realiti.

Sungguhpun pada hari ini belum sampai ke tahap yang kita kehendaki tapi pun kita bersyukur. *No problem*, dan apa yang ada pada wanita hari hanya sebilangan satu menteri ataupun 3 menteri yang diberikan, kita bersyukur walau dibandingkan dengan bilangan 30 menteri lelaki pun kita masih bersyukur, tidak ada masalah. Seperti apa Yang Berhormat Ismail Kasim sebutkan tadi, wanita hari ini sungguh pun mempunyai ramai ahli walaupun dalam cawangan, tidak ada dia nak ambil ketua cawangan tu walaupun segelintir kaum lelaki, dia masih sokong lelaki itu menjadi ketua cawangan. Dia tidak mahu juga melebihi kerana kita hormat, kalau boleh kita letakkanlah tahap lelaki itu sebagai satu kedudukan sebagai ketua keluarga, kita beri penghormatan tetapi jangan pula ketua keluarga ini lupa, ha itu yang kita tidak mahu.

Kita banyak beralah dan mudah-mudahan dengan perasaan beralah ini, kaum bapa juga sedar apabila wanita merayu, meminta, inginkan perhatian mendapat tempat, jangan orang bilang ini kalau buat perbandinganlah, yang atasan semua, yang peringkat tinggi-tinggi semuanya kaum bapa, lepas itu kadang-kadang sedikit sajarah ada terjumpalah kaum wanita yang memegang jawatan tinggi. Tetapi ini insya-Allah saya nampak lama-kelamaan memang adalah keseimbangan dan saya bersyukur, saya tidak mahu menimbulkan perasaan yang mana wanita tidak bersyukur.

Saya nampak rakyat di Malaysia terutamanya kaum wanita di Malaysia amat bersyukur kepada Kerajaan Malaysia dan juga keprihatinan kaum bapa yang sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bagi. Itu sebabnya wanita Malaysia juga tidak pernah ataupun tidak berniat untuk bersaing dengan kaum bapa malahan dengan niat lengkap melengkap.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya membuat keputusan untuk memilih jalan untuk tidak bersekongkol dengan lelaki malah saya menyokong kenyataan Datuk Hajah Mahani sepenuhnya kerana pada saya sebab ada kesabaran pada wanita dan tahu bahawa tahap-tahap tertentu yang boleh diambil, yang mampu dikendali dan

sebagainya menyebabkan wanita tidak pernah tamak, saya bersetuju. Kalau Datuk Syed Ali tidak bersetuju, dia boleh bagi *argument* sebentar lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Ismail bin Kasim: Ya. Tuan Yang di-Pertua, kalau di peringkat cawangan wanita mengambil, merampas kuasa Ketua Cawangan, kemudian mereka bertanding merampas kuasa Ketua Bahagian dan tidak mustahil mereka juga boleh merampas kuasa Perdana Menteri dan jawatan-jawatan penting di dalam Kabinet. Tapi sebab mereka sabar, mereka tahu dan mereka tidak mahu lebih daripada sepatutnya. Dan kita mesti mengakui hakikat akan kebolehan wanita yang ada sekarang ini. Saya bukan nak bercakap untuk membuat kenyataan yang retorik tetapi membuat kenyataan berasaskan berdasarkan fakta, berdasarkan kecemerlangan yang dicipta oleh pelajar-pelajar wanita berbanding dengan pelajar-pelajar lelaki. Rasa Datuk Mahani tidak ada masalah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada B.50 iaitu Kementerian Pertahanan, sejumlah peruntukan lebih daripada RM300 juta yang dipohon untuk kita luluskan di Dewan yang mulia ini.

Sebahagian besarnya peruntukan ini adalah dipohon untuk perbelanjaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan kita memohon kepada pihak kementerian supaya semua program yang telah berjalan dengan lancar ini biarlah buat setakat ini ianya dikendalikan oleh kem-kem operator yang sedia ada dan tidak perlu kita tambahkan lagi kem-kem operator bagi memastikan bahawa kem-kem operator ini dalam masa yang terdekat, mereka mendapat pulangan hasil daripada pelaburan yang dibuat oleh mereka dengan menggunakan wang mereka sendiri.

Saya amat bersimpati dengan mereka kerana sebahagian daripada kem-kem operator ini terikat dengan pinjaman-pinjaman bank yang perlu dilunasi. Jadi kekerapan pertukaran dasar yang dibuat oleh pihak kerajaan berhubung dengan PLKN ini terhadap kem-kem operator adalah menjejaskan kedudukan mereka dan dengan sekali gus kita tidak membantu mereka dalam usaha mereka mempamerkan kualiti dan juga tempat kemudahan untuk latihan yang terbaik demi menjayakan Program Latihan Khidmat Negara ini.

Menyentuh tentang derma untuk B15 menerusi Kementerian Luar Negeri terhadap bencana-bencana yang terjadi di luar negara termasuklah bencana di dalam negara kita, kita ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana kita merupakan kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap jiran-jiran kita dan terhadap masalah dalaman kita. Walaupun begitu saya ingin mendengar pandangan dan penjelasan daripada pihak kerajaan kerana saya telah mendapat satu aduan daripada salah seorang mangsa tsunami yang kerosakan bot kecilnya yang digantikan pinjaman dalam bentuk bot dan juga modal pukut dan sebagainya sekitar anggaran RM6,000 tetapi kebanyakan bot yang diganti ini yang dibuat di Langkawi, kalau tidak silap saya, untuk kawasan-kawasan di sebelah utara, kualiti fiber yang dibuat oleh pihak syarikat pembekal adalah dalam keadaan kualiti yang tidak memuaskan dan kita lihat ianya tidak dapat digunakan dalam jangka waktu yang begitu lama.

Cuma kadang-kadang kita merasa sedih juga kerana mangsa tsunami di negara kita yang kita bagi peluang balik mereka untuk mencari pendapatan dan sebagainya kadang-kadang ada di antaranya tidak tahu bersyukur, kadang-kadang nilai tong plastik untuk isi ikan berharga lebih kurang RM15 diletakkan nilainya sampai RM400 atau RM500. Jadi yang inilah kita kadang-kadang kita sudah terlampau banyak memberi, ada rakan-rakan kita yang menerima bantuan ini, mereka tidak tahu bersyukur akan nikmat yang telah kita berikan kepada mereka. Jadi buatlah sesuatu yang terbaik dan apa yang kita hendak beri biarlah berasaskan kepada penilaian sebenar atas kerosakan-kerosakan yang berlaku.

Tahniah diucapkan kepada pihak kerajaan apabila kita telah membuat tindakan serta-merta kita untuk menghantar bantuan kepada rakan-rakan kita di luar negara yang terlibat dengan bencana yang pelbagai sekarang ini dan kita berilah sumbangan seperti mana yang mereka pernah juga menghulurkan bantuan kepada kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya dengan rendah diri menyokong supaya rang undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah.

4.33 ptg.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005.

Saya mengambil kesempatan ini juga mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T serta menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenan perlantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara bagi penggal kedua. Di dalam Dewan yang mulia ini juga saya ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana telah memberi sokongan atas perlantikan saya ini. Tidak ketinggalan juga di sini saya ingin sampaikan salam kasih mesra dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah binti Abdul Aziz selaku Ketua Wanita UMNO Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan hendak menjadikan sektor pertanian sebagai satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Program-program merupakan skim-skim galakan mahupun subsidi-subsidi yang disediakan kepada petani, penternak dan juga nelayan perlu diteruskan dan dipertimbangkan bagi menjayakan rancangan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat tani. Dengan ini juga dapat membasmi kemiskinan tegar melalui peluang-peluang pekerjaan, latihan, kemahiran, peningkatan produktiviti, perubahan sikap dan sebagainya. Pelbagai agensi kerajaan hendaklah diselaraskan bagi keberkesanan dan menghapuskan pertindihan.

Tuan Yang di-Pertua, beras adalah makanan ruji rakyat negara ini, khususnya dan dunia ini amnya, di sebaliknya tanah-tanah jelapang padi telah bebas bertukar syarat untuk kegunaan lain dan kawasan tanah padi semakin sempit berbanding dengan penduduk yang bertambah ramai. Justeru, masa depan keperluan makanan terlalu amat penting kepada pemakanan rakyat seluruh negara. Suasana negara aman seperti sekarang, pihak BERNAS boleh mengimport beras dari luar negara tetapi apabila semua negara dunia ini menghadapi peperangan yang berlarutan, maka sudah tentu makanan dari luar negara tidak dapat masuk.

Sebagaimana sejarah Perang Dunia Pertama dan Kedua yang telah menyaksikan rakyat terpaksa makan ubi, daun kayu sehingga menghadapi kebuluran

walaupun ada wang, ada emas, semua itu tidak boleh dimakan. Sebaliknya dengan adanya tanah padi yang boleh menghasilkan beras, maka penderitaan rakyat tidak akan sampai ke tahap kebuluran dan kematian disebabkan makanan tidak mencukupi. Simpanan *stock pile* makanan tidak boleh bertahan lama. Pada hakikatnya mengekalkan tanah-tanah sawah padi yang luas untuk menghasilkan makanan sebagai makanan yang tersimpan kekal yang boleh bertahan buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyeru pihak berkuasa Persekutuan dan negeri-negeri supaya memberi perhatian segera terhadap tanah jelapang padi. Ia adalah sumber pengeluaran makanan dan kepentingan negara. Adalah tidak wajar tanah padi dibiarkan musnah sehingga kawasan jelapang padi telah banyak bertukar menjadi kawasan pembangunan dan rizab untuk pemakanan lebih penting dari yang lain. Juga Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Tanah supaya bekerjasama dengan kerajaan negeri-kerajaan negeri agar tanah jenis padi di jelapang padi penting dikhaskan dan digazetkan sebagai tanah rizab padi dan tidak boleh ditukar syarat jenis-jenis lain.

Tuan Yang di-Pertua, zakat adalah salah satu Rukun Islam yang kelima. Zakat disyaratkan oleh Allah S.W.T mempunyai banyak hikmah serta jelas sebagai asas pembinaan masyarakat Islam yang kukuh. Zakat boleh ditakrifkan sebagai tunggak kewangan dan sosial dalam Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa institusi zakat dikaitkan dengan pendekatan Islam bagi mengatasi kemiskinan. Oleh itu, institusi zakat perlu diperkukuhkan dari segi organisasi serta pentadbirannya bagi mewujudkan keseragaman dari segi kaedah pungutan dan penyalurannya di seluruh negara.

Pihak kerajaan dalam pembentangan Bajet 2005 meluluskan zakat ke atas pendapatan perniagaan yang dibayar oleh syarikat dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan pengiraan pendapatan sehingga 2.5% daripada pendapatan agregat.

Bolehkah saya syorkan supaya penubuhan Lembaga Zakat Negara yang diletakkan di bawah Kementerian Kewangan amat perlu kerana dapat menarik minat syarikat berkaitan dengan kerajaan DLC, syarat-syarat awam yang tersenarai di mana ekuitinya dimiliki sama oleh orang-orang Islam untuk membayar zakat.

Tuan Yang di-Pertua, melalui penubuhan Lembaga Zakat Negara yang akan menggunakan cara korporat dari segi pengurusan dan pentadbiran, pungutan dan

penyaluran akan dapat membantu pihak kerajaan untuk membela orang-orang Islam sahaja yang kebanyakannya layak untuk menerima zakat. Dengan cara ini, banyak masalah yang dihadapi oleh orang-orang Islam Melayu dapat diatasi seperti kemiskinan, ibu-ibu tunggal, bantuan pelajaran dan lain-lain sebagaimana yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan untuk mencapai matlamat satu keluarga satu rumah akan tercapai sekiranya setiap pihak yang terlibat dalam sektor ini ikhlas dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam ucapannya pada 13 Februari 2005, telah menyasarkan lebih 700 ribu unit rumah pelbagai jenis akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) bagi memenuhi permintaan semua lapisan masyarakat dan akan memastikan ia dibina secukupnya bagi mencapai matlamat satu keluarga, satu rumah. Namun dalam pengharapan kerajaan yang begitu besar itu, masalah-masalah yang dianggap sebelum selesai antara pihak pemaju khususnya bumiputera dan kerajaan sedikit sebanyak membantu aspirasi kerajaan.

Bolehkah saya sarankan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar menubuhkan unit bumiputera di kementerian ini bagi membantu dan menyelaraskan penyertaan usahawan bumiputera dalam sektor pemaju perumahan? Rasionalnya, penubuhan unit bumiputera di kementerian ini adalah bertujuan untuk memupuk dan menggalakkan penglibatan usahawan serta syarikat bumiputera dalam industri pemaju perumahan selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian (MPDB), lain-lain kementerian atau agensi yang terlibat dengan usahawan dan pelesenan telah mempunyai unit bumiputera masing-masing seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, jabatan kerajaan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri antara lain memberi penekanan kepada kecemerlangan ilmu dan sahsiah kerana untuk maju ke hadapan, kita perlu memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan meningkatkan sahsiah diri dengan sikap dan sifat yang terpuji. Kementerian Pelajaran misalnya, mementingkan kecemerlangan akademik dan akhlak yang mulia sesuai dengan

falsafah pendidikan negara untuk melahirkan insan yang seimbang,. Kecemerlangan dalam bidang akademik amat penting kerana ilmu merupakan wahana ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Di samping itu, sokongan dan dukungan juga diperlukan daripada kementerian-kementerian lain contohnya Kementerian Penerangan. Bolehkah Kementerian Penerangan – siaran TV bagi semua saluran terutama TV swasta menyiarkan lebih banyak rancangan yang berinformasi, rancangan-rancangan keagamaan dan slot-slot motivasi yang berfaedah ke arah meningkatkan akhlak dan memantapkan jati diri masyarakat terutamanya golongan remaja dan belia yang merupakan pewaris kepimpinan negara.

Rancangan-rancangan hiburan yang tidak sopan dan keterlaluan yang memaparkan artis-artis sama ada tempatan atau artis barat hendaklah dihadkan atau diharamkan langsung oleh Kementerian Penerangan. Contoh yang ketara ialah artis-artis lelaki yang berambut panjang dan artis wanita yang berpakaian yang tidak senonoh. Perlakuan artis yang tidak senonoh seperti pergaulan bebas, terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan sebagainya ternyata menyumbang kepada masalah kerenjatan sosial ataupun gejala sosial yang serius akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya rancangan hiburan yang memaparkan artis bersopan dan mempunyai imej yang baik contohnya seperti Siti Nurhaliza dan Fazley – rancangan sebegini bolehlah disiarkan kerana imej artis-artis yang baik menjadi ikutan para remaja lebih-lebih lagi artis sering menjadi idola atau ikutan anak-anak muda buat masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya sebut nama Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz pada awal ucapan saya, ingin saya nyatakan kerana baru-baru ini saya tidak berpeluang untuk berbahas sama. Kalau tidak silap saya pada awal tahun ini, Ahli Dewan Negara telah dijemput oleh Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kalau tidak semua, ramai juga antara kita yang hadir pada hari itu. Dalam penyampaian taklimat Menteri, iaitu Dato' Seri Rafidah Aziz ada mencelah perihal diri beliau. Katanya beliau telah difitnah yang mana tohmahan itu semua tidak benar. Katanya, mereka yang cemburu membuat laporan dan saya percaya, laporan itu belum

tentu benar dan kalaulah tidak, maka terimalah balasan Tuhan pada mereka yang munafik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya berdoa ke hadrat Allah S.W.T agar kita semua dilindungi dan dirahmati Allah. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya juga turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar.

4.49 ptg.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya membawa ekonomi negara kepada satu tahap yang kita boleh banggakan. Cuma, dalam keadaan ekonomi negara yang dapat kita banggakan, kita juga harus melihat kepada beberapa perkara yang perlu kita lihat iaitu kepada mereka yang masih lagi memerlukan bantuan-bantuan daripada kerajaan dan sebagainya.

Pertama, saya hendak menyentuh tentang kenaikan harga minyak, seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri dalam Dewan ini bahawa kenaikan harga minyak tidak mempunyai impak kepada rakyat. Kalau kita tengok betul-betul, sekarang ini boleh dikatakan semua harga barang-barang telah pun naik. Jadi, sedikit sebanyak sudah tentulah akan memberi tekanan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Menteri ada mengatakan baru-baru ini bahawa susu, roti dan sebagainya tidak naik. Kalau kita tengok di belah-belah Pulau Pinang, mungkin juga di kawasan-kawasan perkampungannya, yang dok bawa motor, yang dok jual roti-roti bawa motor dan sebagainya, dikatakan minyak sudah naik. Roti pun kena naik harga. Susu kena naik harga. Jadi, tidak ada satu pemantauan yang kejam, yang dibuat oleh pihak kerajaan. Itu tentang minyak.

Yang kedua yang saya hendak sentuh di sini ialah tentang penubuhan dana-dana oleh Kementerian Kewangan yang diperuntukkan kepada kementerian-kementerian tertentu. Saya telah membangkitkan satu soalan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai tabung pemulihan projek-projek terbengkalai. Daripada jawapan yang saya dapat, saya rasakan bahawa Yang Berhormat yang memberi jawapan itu mungkin kurang pasti atau dia sudah terlupa tentang tabung pemulihan projek-projek terbengkalai ini.

Jadi, saya hendak tahu berapa banyak jumlah yang kita telah peruntukkan kepada tabung projek-projek terbengkalai ini. Tujuan kerajaan menubuhkan tabung ini ialah untuk membaik pulih ataupun semua projek-projek terbengkalai ini kita hendak majukan semula supaya rakyat dapat balik projek-projek, dapat balik rumah-rumah yang dibeli oleh mereka. Tetapi malangnya, apa yang saya tahu, mungkin maklumat saya ini salah, tabung projek-projek perumahan terbengkalai ini tidak digunakan sepenuhnya untuk projek-projek rumah perumahan terbengkalai. Tetapi, sebahagian ataupun mungkin sepenuhnya digunakan untuk pembelian tanah-tanah untuk dimajukan sebagai projek perumahan baru.

Jadi, objektif kita sebenarnya sudah lari. Kita hendak bantu supaya projek-projek ini dibangunkan semula. Di sebaliknya, kita tidak guna duit itu, kita pergi bangunkan projek-projek baru. Projek-projek baru ini pula bukanlah projek-projek yang saya rasa dapat membantu rakyat sebab kalau kita tengok dari segi projek-projek yang sudah dibeli tanah-tanah ini untuk dibangunkan sebagai perumahan, Cuma 30% sahaja dibangunkan sebagai rumah kos rendah. Bakinya rumah-rumah kos sederhana dan sederhana tinggi. Jadi objektif kita pada peringkat awal tidak tercapai. Bila tidak tercapai, maka peminjam-peminjam, ramai daripada pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan yang telah membuat pinjaman kerajaan dan disebabkan projek-projek ini terbengkalai, gaji masih dipotong.

Saya telah membangkitkan perkara ini pada tahun pertama saya menjadi Ahli Dewan Negara. Soalan saya ialah mengenai potongan gaji daripada kakitangan kerajaan. Selepas projek itu terbengkalai tetapi masih lagi dipotong hampir 10 hingga 15 tahun. Perkara ini bukanlah saya bangkit kerana berlaku pada tahun sudah. Perkara ini sudah berlaku hampir 10 tahun dan jawapan.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Minta laluan.

Dato' Omar bin Faudzar: Sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Saya ingin tahu pendapat Yang Berhormat Dato' Omar. Kalau kita melaksanakan rancangan BKJ ya, bina kemudian jual seperti yang telah dicadangkan banyak kali, adakah ini akan mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita bina dan jual, memang kita boleh menyelesaikan masalah. Tetapi, mungkin juga kos akan lebih tinggi sebab kos faedah dan sebagainya terpaksa ditanggung oleh pemaju pada peringkat pembinaan rumah-rumah. Jadi, kos itu akan ditetapkan kepada pembeli, itu satu.

Yang kedua, kalaulah kita bina dan jual, mungkin pemaju-pemaju perumahan yang kecil tidak dapat melakukan perkara-perkara sebegitu sebab dia tidak ada satu jumlah wang yang dia mampu untuk membina rumah dan seterusnya menjual pada rakyat.

Kalaulah diberi pinjaman oleh pihak bank dan sebagainya, dia boleh buat. Tetapi, kalaulah katakan dia sudah siap bina rumah-rumah itu dan rumah-rumah itu tidak dapat dijual, maka dia juga mempunyai masalah dengan bank yang digunakan yang dipinjam wang tadi. Jadi, itulah masalah-masalah yang akan dihadapi sekiranya kita bina dan jual. Tetapi, masalah perumahan terbengkalai ini saya rasa boleh diselesaikan sekiranya kita betul-betul memantau, sekiranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memantau projek ini dalam setiap segi, dalam katakan kalau kita buat satu-satu *claim* dengan izin, daripada pihak bank ataupun dari pihak kerajaan, kita hendak pastikan supaya pegawai-pegawai ini hadir dan tengok sama ada apa yang dia sudah *claim*, mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki, itu yang pertama.

Yang kedua, mungkin juga kita boleh buat. Kita syaratkan kepada pemaju, mungkin kita katakan dia buat sehingga 50%. Selepas itu, barulah kita benarkan dia jual. Itu juga mungkin kita boleh gunakan sebagai satu alternatif.

Berbalik kepada peminjam tadi, jadi isu ini adalah isu yang lama. Kadang-kadang saya tengok kawan-kawan saya sendiri kerja sebagai pekebun di sekolah-sekolah. Bila dia pinjam dan projek itu terbengkalai, tetapi gaji dia dipotong sehingga

sekarang. Apabila saya bantangkan soalan ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jawapan yang saya terima ialah ini adalah bukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tetapi, di bawah Kementerian Kewangan.

Jadi, saya bentang sekali lagi dalam Kementerian Kewangan dan jawapan yang saya dapat ialah kalau dia orang ada masalah-masalah tertentu, dia orang boleh hubungi kementerian.

Jadi kita tidak hendak setiap individu datang ke kementerian. Kita hendak selesaikan masalah projek terbengkalai. Kalau projek terbengkalai itu ada 200 unit atau 300 unit, kita tidak hendak 300 orang semua turun ke kementerian untuk menyelesaikan masalah. Tapi kita hendak menyelesaikan bagaimana kita hendak pastikan projek itu terus dibangunkan. Itu yang penting.

Yang kedua, berbalik juga kepada perumahan tadi, saya hendak sentuh juga sedikit tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebab banyak *guidelines* yang digunakan oleh kementerian ini kadang-kadang saya rasa merugikan. Macam satu contoh yang saya ambil kalau saya ada dua projek perumahan yang berdekatan, satu mempunyai 100 unit dan satu lagi bersebelahan yang juga mempunyai 100 unit. Syarat yang dikenakan kepada kedua-kedua projek perumahan ini kita kena bina surau. Jadi syarat yang diguna pakai oleh kementerian dia kira setiap projek, dia tidak kira kawasan itu secara menyeluruh.

Jadi bila kita kena bina surau di satu kawasan seluas yang mempunyai 100 unit di sini juga 100 unit dan kita cuma jual kepada bumiputera kalau di sesetengah kawasan kita katakan 30% baru 30 unit kita jual kepada bumiputera. 30 unit di sini ada satu surau, di sini juga 30 unit ada satu surau. Sudah ada dua surau di kawasan yang berdekatan.

Jadi apa yang kita takut mungkin surau ini tidak akan diguna. Mungkin juga kalaulah ini, saya hendak cadangkan kalau boleh kita tidak payah bina surau di kedua-dua kawasan. Mungkin juga boleh gunakan wang yang hendak dibina surau dengan kos tanah itu diserahkan kepada Majlis Agama Islam untuk digunakan bagi perkara-perkara lain. Mungkin juga kita boleh membantu orang-orang miskin dan sebagainya.

Tapi daripada kita bina dua surau yang berdekatan yang mempunyai penduduk cuma 60 buah rumah saya rasa amatlah merugikan.

Sama juga dengan tapak penjaja. Kadang-kadang di kawasan pedalaman kita buat projek-projek perumahan kita terpaksa menyediakan tapak penjaja yang saya rasa itu amat merugikan. Saya pernah tengok tiga empat projek yang dibuat tapak penjaja dibiarkan begitu sahaja. Akhirnya, kawasan itu dijadikan sebagai kawasan pusat dadah sebab bila orang tidak ada penagih-penagih dadah masuk ke kawasan itu dan jadikan kawasan itu sebagai kawasan penagihan dadah. Ini juga harus kita lihat supaya kita dapat rancangkan satu kawasan itu bukan mengikut projek-projek. Kita dapat merancang katakan 100 ekar ataupun 200 ekar bagaimana kita hendak majukan sesuatu kawasan. Kalau tidak nanti kita boleh tengok bermacam-macam di kawasan itu dan amat merugikan kerajaan. Daripada kita bina jadikan “gajah putih” adalah lebih baik kita.....

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan. Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Omar bin Faudzar: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat tentang pembinaan surau-surau yang dikatakan tadi. Oleh kerana saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa tiap-tiap satu projek ataupun kawasan yang dibina atau dibangunkan oleh pemaju perumahan terpaksa membuat surau mengikut undang-undang ataupun syarat-syarat yang telah ditentukan.

Tetapi saya ingin bertanya dari segi pengendalian surau-surau ini apabila siap ataupun setelah selesai projek itu, siapakah yang mengendalikan surau-surau ini kerana mengikut pengalaman saya ataupun pengetahuan saya kos mengendalikan surau ini adalah satu kos yang agak tinggi dari segi elektriknya, dari segi airnya, dari segi cuci dan sebagainya dan elaun imam dan sebagainya.

Jadi apakah pendapat Yang Berhormat, siapa yang mengendalikan kos ini ataupun masyarakat setempat itu dan mungkin masyarakat setempat itu bila kecil tidak mampu untuk menyara surau-surau ini dan cara manakah yang terbaik supaya

mungkin melalui pengalaman dan pandangan Yang Berhormat dapat mengatasi masalah yang sedang dirasakan oleh tempat-tempat projek ataupun perumahan yang telah pun siap. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ambil contoh Pulau Pinang, kalau ada surau-surau yang dibangunkan di kawasan-kawasan perumahan sebahagian daripada kos pentadbiran surau akan dibayar oleh Majlis Agama Islam dan sebahagian lagi kutipan daripada orang ramai untuk mentadbir surau. Itu di negeri Pulau Pinang. Kalau di negeri-negeri lain saya kurang pasti.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah tentang sijil layak menduduki seperti mana yang kita lihat dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini iaitu kita tidak perlu lagi melalui Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendapatkan sijil layak menduduki. Ini adalah satu cadangan yang baik untuk kita mempercepatkan proses untuk mendapatkan sijil layak menduduki. Cuma apa yang saya risau ataupun saya kurang pasti yang dikatakan profesional yang hendak mengeluarkan sijil layak menduduki adakah profesional-profesional ini dilantik oleh pemaju sendiri ataupun profesional-profesional ini dilantik oleh pihak-pihak kerajaan. Sekiranya dilantik oleh pemaju saya risau sebab kalau kita tengok arkitek-arkitek dia ada *guidelines* sendiri. Kalau hendak ikutkan *guidelinenya*, *feesnya*, dia kena ikut PEM punya *guideline*. Begitu juga dengan peguam-peguam kalau dia ada *guidelinenya* dia kena ikut *the bar council* punya *fees* dan sebagainya.

Dalam keadaan sekarang ini apa yang saya risau ialah bila kita lantik profesional yang kita sendiri bayar, yang pemaju bayar mungkin dia akan keluarkan sijil layak menduduki ini dengan tanpa ada kelonggaran sedikit, mungkin kalaulah pemaju-pemaju ini tidak ikut syarat tertentu seperti syarat-syarat dalam pembinaan jalan dan sebagainya tetapi disebabkan dia dibayar oleh pemaju maka dia kata *okeylah* kalau yang sikit-sikit itu dia boleh lepaskan.

Jadi ini amatlah berbahaya, maka saya harap kepada kementerian supaya cari satu formula bagaimana kita hendak memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku. Sebab kalaulah perkara-perkara ini berlaku kalau hari ini kita tengok kadang-kadang keadaan rumah yang diberi oleh pemaju kepada pembeli pun dalam keadaan yang tidak memuaskan sebab itu kita ada *defect liability period* sebab kita hendak tengok

keadaan rumah. Dan *defect liability period* itu tidak wujud lagi sebab kita sudah ada *consultant*, kita sudah ada *professionals engineer* dan *professionals architect*. Mereka inilah yang sepatutnya bertanggungjawab untuk memastikan kualiti rumah itu adalah yang terbaik tetapi dalam keadaan sekarang walaupun kualiti rumah itu tidak mengikut keperluan tertentu oleh syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak kerajaan tetapi masih lagi mendapat kelulusan sijil layak menduduki.

Jadi inilah yang saya katakan perlu kita beri perhatian dan timbang balik bagaimana cara kita hendak gunakan *professional* dan tidak lagi pihak berkuasa tempat untuk mereka mengeluarkan sijil layak menduduki.

Saya juga hendak mengambil kesempatan di sini di mana saya sudah membangkitkan satu soalan di Dewan ini kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu kenapa di sesetengah kawasan di negeri Pulau Pinang untuk MPWK ada dua orang pengerusi dan saya difahamkan saya sepatutnya menerima jawapan daripada pihak kementerian tetapi sehingga ke hari ini saya masih belum menerima apa-apa jawapan. Ia seolah-olah nampak macam kita ini hendak mengambil hati semua pihak. Bila kita hendak mengambil hati semua pihak kita katakan "tak apalah dua pengerusi pun tak apa" tetapi objektif kita hendak menjalankan sesuatu program itu mungkin tidak tercapai sekiranya perkara ini berlaku.

Dan satu lagi ialah ini juga adalah *income* yang banyak kepada kerajaan iaitu Kementerian Pelancongan. Di dalam titah ucapan Duli Yang Mulia ada mengatakan bahawa ada 15 *million tourist* daripada luar datang ke negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita sekarang sedang berbahas mengenai Akta Rang Undang-undang Pindaan Akta Perbekalan Tambahan yang telah pun jelas garis dalam kertas Perintah 14 yang melibatkan jabatan-jabatan serta kementerian-kementerian yang berkenaan. Jadi kalau kita berbahas dengan tidak ada kaitan dengan kementerian-kementerian ataupun jabatan-jabatan yang digariskan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua ini maka ia tidak sampai kepada hasrat kepada pindaan ini. Jadi saya memohon kepada Yang Berhormat supaya kita tumpukan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan tambahan perbelanjaan ini. Sila teruskan.

Dato' Omar bin Faudzar: Baik Yang Berhormat. Bila saya bercakap tentang Kementerian Pelancongan ia ada hubung kait dengan Kementerian Kewangan sebab ini melibatkan ekonomi negara. Apabila kita bercakap tentang Kementerian Kewangan tadi ia sudahlah ada hubung kait dengan kementerian-kementerian lain. Jadi saya ingin menyentuh jugalah mengenai Kementerian Pelancongan seperti mana yang saya katakan 15 milion tourist daripada luar datang dan saya juga terbaca dalam satu berita iaitu dalam tahun sudah juga daripada 15 *milion* ini 12 *milion tourists* ini pergi ke Genting Highland. Cuma 3 *milion* sahaja yang tidak pergi ke Genting Highlands.

Yang menjadi masalahnya sekarang Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya katakan ekonomi tadi. Tujuan mereka ke Genting Highlands ialah semata-mata kerana kasino dan apa yang merisaukan saya ialah di Singapura sendiri sedang merancang untuk membina dua buah kasino. Adakah ini akan memberi satu impak kepada ekonomi kita. Seolah-olah kedatangan tourist ini itulah tempat yang dituju. Kalau itu tempat yang dituju mungkin juga ia akan bertukar daripada Genting Highlands mereka ke Singapura. Saya minta penjelasan daripada kementerian tertentu sama ada *tourists* kita ini kebanyakannya adakah *one time visitors* ataupun *frequent visitors* sebab kalau kita tengok dalam negara kita ini *product* tidak begitu banyak jadi mungkin kalau katakan mereka ini *one time visitors* mungkin pada masa-masa depan kita cari satu formula bagaimana kita hendak memastikan bahawa mereka ini akan selalu datang ke negara kita dan membangunkan negara kita. Saya tidak mahu bercakap panjang lagi Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat mahu berbahas? Silakan Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005. Antara perkara yang menarik kepada perhatian saya ialah Kementerian Pelajaran iaitu B.41. Kalau dalam perbahasan-perbahasan yang lalu sering disebut tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan perguruan. Jadi izinkan bagi saya kali ini untuk mengetengahkan soal-soal yang berkaitan dengan pelajar itu sendiri, nasib pelajar dan keadaan pelajar dengan pembelajarannya.

Yang pertama, saya lihat sekarang ini pelajar-pelajar kita banyak dibebankan dengan peperiksaan yang mana pada dua minggu yang lepas ada seorang ibu memberitahu kepada saya bahawa pada hari pertama kita bersidang bahawa keesokannya anaknya akan menduduki peperiksaan OT. Bagi saya OT ini pertama kali saya dengar tetapi dapat disebut dengan baik oleh ibu itu dan kebetulan di sebelah saya ada seorang guru.

Saya tanya apa itu OT. Katanya OT itulah ialah *operational target increment* iaitu bertujuan untuk melihat setakat manakah peningkatan pelajar itu dengan mata pelajaran yang diikuti di sekolah dan langsung guru itu memberitahu bahawa mereka sebenarnya tidak sempat untuk menghabiskan *syllabus* pelajaran yang hendak diuji itu kerana ada sesetengah guru sekolah itu terpaksa mengikuti berbagai-bagai kursus dan juga dikatakan bahawa tidak *tally* . Bagaimana tidak *tally*? Sebab yang membuat soalan itu adalah daripada pihak Jabatan Pelajaran dan yang mengajar mata-mata pelajaran adalah pihak sekolah jadi mereka yang set soalan ini tidak dapat mengetahui dengan tepat setakat manakah pelajar-pelajar di sekolah itu telah pun dapat *cover* pelajaran-pelajaran dalam kelas.

Dikatakan lagi bahawa pada akhir semester ini pelajar-pelajar pula nanti akan menduduki peperiksaan akhir penggal. Jadi, di sini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa pelajar kita ini banyak sangat diletakkan kepada mereka ini ujian-ujian sehinggakan adakah mereka ini benar-benar, maknanya sempat mengikuti pelajaran dengan cara yang teratur, dengan cara yang tenang supaya tidaklah timbul kita kata proses pembelajaran kita di sekolah itu adalah agak *paper chase* dengan izin, makna mengejar kelulusan tidak dikatakan kita belajar di sekolah itu untuk mendapat ilmu yang sebenarnya, itu satu.

Yang kedua pula satu isu yang sudah lama kita ada golongan yang menyebut, golongan yang simpati iaitu soal pelajar-pelajar kita daripada sekolah rendah dan juga hingga sekolah menengah mereka ini dibebankan dengan buku-buku yang terlampau banyak. Kalau kita tengok beg mereka ini, mereka terpaksa menggalas beg yang berat sebab isi buku yang banyak dengan buku teks, buku kerja dan yang terakhir sekarang ini saya sendiri maknanya daripada anak-anak kita, maknanya ditambah yang terbaru.

Tiap-tiap mata pelajaran itu ada buku log pula. Buku log ini buku yang bersaiz besar sebagaimana rekod guru itu. Kalau guru....

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Yang Berhormat.

Puan Safinah binti Jusoh: Ya, sila.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan pelajar sekarang ini apabila bawa buku pergi ke sekolah dengan beg berat. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita tengok zaman-zaman abang, kakak kita dahulu, dia pun pergi sekolah juga, tetapi tidak berapa berat beg. Zaman ini dia bawa beg berat dan saya melihat Yang Berhormat, bahawa kerajaan sekarang dia hendak menggunakan *paperless* untuk digunakan dalam mesyuarat.

Saya dengar Mesyuarat Agung di Perak pun, kalau tidak silap Yang Berhormat Dato' Hamzah hendak gunakan *paperless* tahun depan. Jadi tidak bolehkah, kita lihat bagaimana untuk mengurangkan pelajar-pelajar sekolah ini terutama sekolah-sekolah rendah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Pagi-pagi bawa beg macam batu, dia bawa pergi sekolah. Sekarang ada *locker* pula. Kalau dia tinggal dekat sekolah, dia tidak akan balik ulang kaji. So, ini pun satu masalah. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kalau boleh kita perkenalkan satu program seperti yang dahulu-dahulu, abang, kakak kita pergi sekolah. Bawa buku tidak banyak tetapi mereka juga berjaya seperti hari ini, kita ada pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini dia berjaya walaupun tidak membawa buku yang banyak ke sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun ke arah itu jugalah. Maksudnya kita melihat sekarang ini dalam era IT, *information technology* dengan komputer dan juga dunia digital. Memanglah disebut di pejabat-pejabat ke arah *paperless society*. Masyarakat yang tidak ada kertas, kurangkan kertas sebab ada komputer, ada maklumat-maklumat elektronik dan sebagainya. Kita melihat juga di sekolah-sekolah...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan.

Puan Safinah binti Jusoh: Ya, sila.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi saya tertarik dengan ungkapan “*paperless society*”. Mungkin saya boleh cadangkan kepada kementerian-kementerian yang mengeluarkan buku-buku laporan ini, berat kami hendak bawa balik. Saya hendak bawa balik ke Kelantan. Boleh tidak diberikan salinan CD selain daripada buku-buku laporan. Apa pandangan Yang Berhormat? Sekian, terima kasih.

Puan Safinah binti Jusoh: Ya, terima kasih. Respons sayalah kepada buku-buku laporan ini. Ada setengah-setengah buku laporan ini disertakan dengan CD dan saya bawa balik CD itu masuk dalam CD *drive* tetapi tidak dapat hendak *play*, tidak boleh hendak mainkan. Saya tidak fahamlah macam mana kaedah dia. Dia tidak boleh hendak main. Jadi saya setuju, buku-buku ini disimplifikan diringkaskan...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta laluan.

Puan Safinah binti Jusoh: Ya, sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya hendak minta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tentang main tadi?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Apa yang tidak boleh main ini? [*Ketawa*]

Puan Safinah binti Jusoh: Beginilah, maknanya kita. Maknanya masuk dalam [*Ketawa*]

Puan Safinah binti Jusoh: ... dalam CD *drive* itu. Tetapi maknanya dia kata *no*..... anak saya pasang, maknanya tidak boleh. Tidak keluar gambar dia. Banyak yang macam itu. Mungkin terpaksa pakai yang lama. Agaknya kena pakai video agaknya, CD-CD yang dibekalkan kepada kita.

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan Yang Berhormat.

Puan Safinah binti Jusoh: Ya, sila.

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat terima kasih kerana memberi laluan kepada saya terutama untuk membela khusus nasib guru. Terlebih dahulu saya berharap Dewan ini merakamkan ucapan hari ini ialah Hari Guru. [*Tepuk*]

Kita ucapkan tahniah kepada guru kerana hari ini ialah hari mereka yang kita tahu guru telah banyak berkorban ibarat lilin membakar diri. Jadi Yang Berhormat, menyedari kepentingan guru sebagai ejen perubahan minda masyarakat. Maka kita

lihat hari ini ialah Hari Guru, yang mana menarik perhatian masyarakat untuk mengenang kembali peranan dan pengorbanan guru. Adakah profesion perguruan ini hanya kita lihat sekadar untuk dikenang menerusi sambutan Hari Guru atau berbaloikah pengorbanan ini sebagai dinilai dengan ucapan retorik, berjela-jela melalui perubahan, persembahan, jamuan makan yang akan diadakan Anugerah Guru Cemerlang, Tokoh Guru, sedangkan kita telah berbincang daripada awal dahulu tentang kebajikan guru. Sistem penambahbaikan tanggungjawab guru. Belum nampak penilaian yang sebegitu jelas. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi guru adalah merupakan orang yang penting. Ada kita ini pun kerana ada guru. Memang kalau kita menjadi guru, bagi saya maknanya kita melihat bahawa kita sentiasa akan dikenali oleh murid-murid kita. Mungkin maknanya kita mengajar dia itu, masa dia remaja, masa dia belasan tahun dan sekarang ini kita berjumpa, umur mereka ini sudah mencecah 40 tahun. Mungkin kita sama tua dengan dia, dari segi rupa kita sama. Dia sudah menjadi orang dewasa. Tetapi kenangan mereka itu kepada kita, setengah-setengah anak murid itu ada yang macam itu dan sebagai guru kita merasa sejuk hati kita memperoleh anak murid yang sedemikian. Oleh kerana hari ini adalah Hari Guru sama-samalah kita merakamkan terima kasih di atas jasa guru yang tidak terbilang banyaknya kepada kita tetapi yang.....

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Yang Berhormat minta laluan.

Puan Safinah binti Jusoh: Nanti saya habiskan dahulu...tetapi yang sedikit kita rasa ke belakang tentang guru ini sebab saya dengar-dengar maknanya dengan Hari Guru ini, guru ini meminta anak murid sediakan hadiah, masing-masing kena sediakan hadiah dan *present* maknanya memberikan hadiah dan *present* maknanya memberikan hadiah ini di atas pentas jadi di rumah, anak akan berkata hendak beli apa untuk cikgu ini.

Satu fikiran ataupun satu benda yang terpaksa diambil fikir berat hendak meraikan guru ini. Walhal dari segi sumbangan guru, dari segi guru itu, kita tahu jasa guru tidak ternilai tingginya. Kalau hendak nilai sebatang pen ataupun sehelai kain ataupun apa hadiah, rasanya agaknya itulah sahaja harga guru, jadi kita kalau boleh

maknanya budaya ini kita berhentikan dan ansur-ansur kita berhentikan biar guru itu dari segi jasanya, dari segi sumbangannya itu menjadi satu budi yang mana orang yang pandai menilai budi, dia tahu suatu masa nanti bagaimana hendak membalas budi kepada guru ini. Ya, sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Syed Ali.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat, saya saja hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini kita pun ada rakan-rakan daripada golongan guru yang menjadi ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi profesion perguruan ini kalau kita lihat, satu profesion yang dapat kita banggakan. Kalau tidak silap saya, di dalam Dewan ini, ada dua rakan saya daripada kalangan pendidik.

Walaupun mereka bekas pendidik, saya hendak ucapkan Selamat Hari Guru kepada mereka. Mereka pun telah berjasa kepada kita. Hanya saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kalau boleh seperti Yang Berhormat cakapkan tadi tentang hadiah dan sebagainya. Kita patut fikir pada setiap sambutan Hari Guru, kita kena beri satu pengiktirafan di setiap kawasan parlimen.

Jangan kita buat di peringkat kebangsaan, di setiap kawasan parlimen ini kita patut berfikir cara mana kita memberi pengiktirafan kepada guru-guru di kawasan parlimen, bagaimana dengan pandangan Yang Berhormat?

Puan Safinah binti Jusoh: Itu idea yang bagus dan itu di peringkat kemasyarakatan dan sambutan Hari Guru ini telah pun di buat di peringkat sekolah. Mengingati jasa guru, mengingati sumbangan guru dan sekiranya membesarkan Hari Guru kalau kita hendak perlebarakan ke parlimen, ke peringkat daerah, kawasan dan sebagainya, ini perkara yang bagi pandangan saya boleh sahaja dilaksanakan.

Berhubung dengan....., saya berbalik semula kepada trek saya iaitu berhubung dengan beban buku yang dibawa oleh pelajar-pelajar ini. Walaupun disebut bermaknanya ada *locker* dan saya setuju apabila ada *locker* pelajar-pelajar meninggalkan buku di sekolah dan tidak ada ulang kaji di rumah. Ini merugikan kalau kita bermaknanya melihat secara seimbang lalu dan ada setengah sekolah itu dari segi pelajar ini bukan sekadar bawa beg yang berat ini untuk pergi dan balik ke sekolah tetapi ada sekolah itu yang memperkenalkan sistem pembelajaran mengikut stesen

yang mana setiap *period* ataupun *double period* dua *period* pelajar ini terpaksa turun naik ke sana dan ke mari pergi kepada stesen-stesen yang berkenaan untuk mengikuti pembelajaran dan ini memanglah apanya yang dibawa beg yang disandang dan yang berat itu dibawa oleh mereka dan pelajar-pelajar ini apabila balik ke rumah memang kita tidak nafikan mereka ini benar-benar *exhausted* dengan izin, benar-benar letih keletihan kerana menggalas buku.

Cubalah kita fikir para guru dan juga para pentadbir di dalam sektor pendidikan dan pelajaran bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini. Sebab benda ini adalah benda yang lama dan orang nampak perkara-perkara ini. Cubalah kita gabungkan sesuaikan dengan zaman atau era IT (*Information Technology*) untuk kita *apply*kan dan untuk kita masukkan dan laksanakan iaitu pembelajaran yang tidak melibatkan banyak kertas-kertas.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh B.50 iaitu berkaitan dengan Program Latihan Khidmat Negara yang mana pada minggu lepas kita telah melihat bagaimana seorang budak yang bernama Mohd Hafizal dijatuhkan hukuman.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sengaja beri Yang Berhormat lebih masa sedikit untuk berucap tadi kerana kita mempunyai 14 maksud dalam anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua ini, jadi Yang Berhormat hanya menyentuh perkara yang pertama dan sekarang perkara yang kedua. Jadi oleh kerana masa sudah pun cukup saya terpaksa tangguhkan mesyuarat ke jam 10.00 pagi esok.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.

3 Mei 2005

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

" Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yacop (Dilantik)

" Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)

" **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)**

" **Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)**

" **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)**

" Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

" Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)

" Tuan Chiam Yong Tee (Perak)

" Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

" Datin Chong Set Mui (Dilantik)

" Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)

" Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)

" Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)

" Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)

" Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)

" Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)

" **Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)**

" Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)

" Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)

" Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)

-
- " Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
 - " Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)
 - " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
 - " **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)**
 - " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
 - " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
 - " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
 - " **Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)**
 - " **Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)**
 - " **Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)**
 - " **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)**
 - " **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)**
 - " **Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)**
 - " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
 - " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
 - " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
 - " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
 - " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
 - " **Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)**
 - " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
 - " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
 - " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
 - " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
 - " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
 - " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
 - " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
 - " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)

- " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
- " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
- " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
- " **Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)**
- " **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)**
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Syed Azuddin bin Syed Othman

Hairan bin Mohtar

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN KOMPUTER

Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

PETUGAS-PETUGAS

UNIT CETAK

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor